

# Diseksa Untuk Kristus

Pendeta Richard Wurmbrand

## TENTANG PENULIS

Pendeta Richard Wurmbrand pernah ditahan di penjara Komunis selama 14 tahun, di tanah airnya Romania. Dia adalah penulis Kristian yang terkenal di Romania.

Pada tahun 1945, ketika Komunis merampas Romania dan berusaha menguasai gereja, Richard Wurmbrand pun memulai pelayanan secara gelap. Beliau melayani rakyat Romanianya, dan juga melayani askar-askar penjajah Soviet. Beliau dipenjarai pada tahun 1948. Isterinya Sabina juga dimasukkan penjara kemudian. Isterinya menjadi pekerja buruh selama tiga tahun, sedangkan Richard dikurungkan dua kali, yang pertama kali lapan tahun, yang kedua 6 tahun.

Oleh sebab Wurmbrand terkenal antarabangsa, para diplomat kedutaan asing pun menyoal kerajaan Romania berkenaannya. Kerajaan pun jawab bahawa Wurmbrand telah melarikan diri dari Romania. Ada juga polis yang menyamar sebagai banduan sepenjara Wurmbrand, dan memberitahu isterinya bahawa mereka telah menghadiri upacara pengebumian suaminya di penjara.

Selepas lapan tahun, sejourus saja dibebaskan, Wurmbrand pun meneruskan pelayanan rahsianya. Dua tahun kemudian, pada tahun 1959, dia ditangkap kedua kali dan dimasukkan penjara lagi.

Kali ini Wurmbrand dibebaskan pada tahun Pengampunan Umum, iaitu 1964. Dia lagi meneruskan pelayanannya “di Bawah Tanah”. Memandangkan kemungkinan besar dia akan ditangkap semula, orang Kristian di Norway pun “membeli”nya keluar dari

Romania. Masa itu kerajaan Komunis Romania itu sedang menjual banduan politik mereka. Harga biasa untuk setiap banduan ialah \$1,900. Harga untuk Wurmbrand ialah \$10,000.

Pada Mei 1966, beliau bersaksi di Washington di depan Jawatankuasa Kecil Keselamatan Senat. Di situ beliau menunjukkan luka- luka seksaan di badannya. Ceritanya tersiar di suratkhbar di Amerika Syarikat, Eropah dan Asia. Wurmbrand mendapat amaran pada September 1966 bahawa keputusan telah diambil oleh rejim Komunis Romania untuk membunuhnya. Walaupun demikian beliau tidak takut atau undur. Beliau dikenali sebagai "Suara Gereja Bawah Tanah".

# KANDUNGAN

Tentang Penulis

Pengenalan

Bab 1: Orang Rusia Rindu akan Kristus

Bab 2: Kasih Yang Tiada Bertara

Bab 3: Ditebus ke Negara Barat

Bab 4: Menemui Fahaman Komunis dengan Kasih Kristus

Bab 5: Kekukuhan Gereja Bawah Tanah

Bab 6: Mengalahkan Fahaman Komunis

Bab 7: Bantuan Daripada Kristian-Kristian Barat

# PENGENALAN

*Sebabnya saya menulis buku ini*

Saya membawa sesuatu pesanan daripada Gereja Bawah Tanah di belakang Langsir Besi kepada setiap orang Kristian yang bebas.

Gereja Bawah Tanah yang saya melayani bertahun-tahun itu telah membuat keputusan supaya saya berusaha datang ke dunia bebas untuk menyampaikan satu pesanan kecemasan. Inilah sesuatu keajaiban bahawa saya dapat hidup. Di sini saya akan menyampaikan pesanan Gereja Bawah Tanah, yang sedang menderita di negara-negara Komunis.

Agar pesanan ini mendapat perhatian yang sewajarnya, biar saya sebut sedikit akan diri saya dulu.

# Bab 1

## Orang Rusia Merindui Kristus

### **Seorang kufur menemui Kristus**

Saya berasal daripada sebuah keluarga yang tidak beragama. Sejak masa kecil saya tiada pelajaran keagamaan. Apabila usir 14 tahun, saya telah menjadi seorang ateis yang tekun. Itu disebabkan oleh zaman kanak-kanak saya yang amat susah. Saya telah menjadi seorang anak yatim sejak kecil. Saya mengalami kemiskinan semasa Perang Dunia Pertama. Pada umur 14 tahun saya telah menjadi seorang ateis seperti Komunis hari ini. Saya pernah membaca buku-buku ateis. Bukannya saya tidak percaya kepada Tuhan atau Kristus . . . saya benci mendengar sebutan-sebutan itu dan menganggap segala itu sebagai hal yang akan merosakkan fikiran kita.

Namun begitu, saya mendapat kurnia untuk menjadi seorang umat Tuhan atas sebab-sebab yang tidak difahami saya. Yang boleh dipastikan ialah itu bukan sebab kebaikan saya. Perangai saya memang buruk.

Tetapi walaupun saya seorang ateis, ada sesuatu yang tidak dapat diterangkan, yang selalu membawa saya ke gereja. Agak susah bagi saya melalui sesebuah gereja tanpa memasukinya. Tetapi saya tidak faham apa yang berlaku di dalam gereja-gereja.

Saya mendengar khutbah-khutbah, tetapi kandungannya tidak menyentuh hati saya. Saya sangat pasti Tuhan tidak wujud. Saya tidak dapat menerima anggapan bahawa Tuhan itu seperti seseorang majikan atau Raja yang mesti ditaati saya. Sungguhpun demikian, saya haus akan seseorang yang menyayangi saya di dunia ini. Saya tidak pernah dapat kekasihan sejak kecil sehingga remaja. Saya rindu akan seseorang yang mengasihi saya di dunia ini.

Saya pasti Tuhan tidak wujud, tetapi saya sedih juga sebab tiadanya sesuatu Tuhan yang mengasih. Ada sekali dalam kerisauan rohani, saya masuki sebuah gereja Katolik. Saya nampak orang berlutut dan menyebut sesuatu. Saya pun berlutut bersama-sama dan mendengar sebutan mereka. Mereka sedang berdoa kepada Maria: “Ya Maria, yang dipenuhi kasih kurnia.” Saya pun mengulangi ayat itu berkali-kali dan mengamati patung Maria, tetapi tidak apa yang terjadi. Saya berasa amat kecewa.

Pada suatu hari saya berdoa kepada Tuhan sebagai seorang ateis: “Tuhan, aku tahu Engkau tidak wujud. Andai kata Kau wujud, itu bukanlah tanggungjawab aku untuk percaya Kau. Sebaliknya, inilah tanggungjawab Kau untuk menunjukkan dirimu kepadaku.” Saya seorang ateis, tetapi fahaman ateis tidak dapat memberi saya aman.

Pada masa penggelutan itu, saya mendapat tahu kemudian, bahawa di sebuah kampung di pergunungan Romania, ada seorang tukang kayu yang tua sedang berdoa begini: “Tuhanku, aku telah melayaniMu di bumi dan aku ingin mendapat balasan di bumi juga, bukan saja di syurga. Saya ingin dapat membawa seorang Yahudi kepadamu, kerana Yesus seorang Yahudi. Aku sudah tua, miskin

dan sakit. Aku tak mampu pergi jauh untuk mencari seorang Yahudi. Di kampung ini pun tiada orang Yahudi. Tolong bawalah seorang Yahudi ke kampung ini dan saya mesti akan cuba membawa dia kepadaMu dengan sepenuh hati.”

Pada masa itu, saya pun dibawa ke kampung itu oleh sesuatu kuasa yang tidak dapat ditolakkan. Saya tidak ada apa-apa urusan di sana. Di Romania terdapat 12 ribu buah pekan kecil atau kampung. Tetapi saya saja pergi ke kampung orang tua itu. Apabila tukang kayu itu mengetahui saya seorang Yahudi, dia pun mendampingi saya lebih daripada sesiapa pemuda mendampingi gadisnya. Dia nampak sayalah jawapan doanya. Dia memberi saya sebuah Alkitab. Saya pernah membaca Alkitab beberapa kali dahulu kerana minat akan kebudayaan. Tetapi Alkitab yang diberi orang tua itu berlainan. Ia bukan ditulis dengan dakwat, melainkan dengan nyala api yang dihidupkan oleh doa-doa orang tua itu dan isterinya. Saya hampir tidak dapat membacanya, melainkan menangis di atasnya. Saya sedar akan kejahatan diri saya dan kesucian Yesus, kebencian saya dan kekasihannya.

Tidak lama kemudian, saya pun percaya akan Kristus. Isteri saya pun berikutan. Isteri saya juga membawa jiwa yang lain. Dan jiwa yang lain pula membawa rakan lain. Kelak sebuah jemaah Lutheran pun termunculkan.

Kemudian datanglah zaman Nazi. Kami selalu menderita. Di Romania orang yang berfahaman Nazi menganiayai Kristian Protestan dan Yahudi dengan bantuan pendeta-pendeta Ortodoks.

Sebenarnya sebelum saya dilantik sebagai paderi dan sebelum saya menyediakan diri untuk pelayanan, saya telah menjadi ketua jemaah itu sebagai pengasasnya. Saya bertanggungjawab untuk jemaah itu. Saya dan isteri ditangkap beberapa kali, dipukul dan

dibawa ke depan hakim- hakim Nazi. Orang Nazi memang teruk, tetapi tidak sampai darjat Komunis. Pada masa Nazi, anak saya Mihai terpaksa diberi sesuatu nama yang bukan Yahudi agar dapat hidup.

Walaupun demikian, zaman Nazi ada sesuatu faedah yang besar. Kami belajar bahawa kesakitan jasmani dapat ditahan. Dengan pertolongan Tuhan, manusia mampu menanggung penyiksaan yang teruk. Kami juga belajar cara-cara rahsia untuk melakukan kegiatan Kristian. Zaman Nazi menyediakan kami menghadapi keadaan yang jauh lebih buruk tidak lama kemudian.

## **Pelayanan saya kepada orang Rusia**

Oleh sebab sesal akan hidupan dulu sebagai seorang ateis, saya berhasrat untuk membawa Berita Baik ini kepada orang Rusia, sejak hari pertama pertukaran saya. Orang Rusia adalah sesuatu bangsa yang dibesarkan dalam fahaman ateis sejak kecil. Keinginan saya ini ditunaikan pada zaman Nazi, ketika beribu- ribu tentera Rusia menjadi banduan peperangan di negara kami Romania ini. (Masa itu Perang Dunia Kedua.)

Pelayanan itu sungguh dramatik dan mengharukan. Saya tidak akan lupa perjumpaan kali pertama dengan seorang banduan Rusia. Dia seorang jurutera tentera. Saya tanyanya sama ada dia percaya pada Tuhan - kalau jawapannya “tidak”, saya pun tidak hairan. Setiap orang berhak untuk percaya atau tidak percaya. Tetapi apabila saya tanya, rupanya kurang faham, lalu jawab: “Saya tiada

arahan daripada atasan untuk percaya. Jika saya dapat, saya akan percaya.”

Saya menangis. Fikiran orang ini telah mati. Dia sudah kehilangan kurnia Tuhan yang besar sekali kepada manusia, iaitu menjadi dirinya. Dia telah menjadi sebuah robot, bukan manusia. Otaknya telah dibasuh oleh fahaman Komunis. Dia akan percaya atau tidak percaya mengikut arahan. Dia tiada fikiran sendiri. Inilah satu contohnya orang Rusia selepas pemerintahan Komunis. Saya berjanji kepada Tuhan bahawa saya akan menyerahkan sejiwa sehati untuk bangsa ini, agar memulihkan sifat kemanusiaan mereka dan memberi mereka iman kepada Tuhan dan Kristus.

Saya tidak perlu pergi ke Rusia untuk mencari lebih orang Rusia. Sejak bulan Ogos 1944, sejuta orang tentera Soviet mula masuk ke Romania sebagai pemenang, dan tidak lama kemudian parti Komunis pun berkuasa di negara kami. Masa ngeri pun bermula. Kesusahan hidup di bawah pemerintahan Nazi selama itu menjadi ringan berbanding dengan pemerintahan Komunis ini.

Pada masa itu Romania yang jumlah penduduk 19 juta itu hanya ada sepuluh ribu orang ahli parti Komunis. Vishinsky, Setiausaha Luar Negara Soviet Union, masuk ke pejabat raja kami Michael I, menumbuk meja dan menyeru, “Kau mesti melantik Komunis di dalam kabinet kerajaan.” Tentera dan polis kami disuruh menyerahkan senjata. Dengan kekerasan dan dibenci oleh hampir semua rakyat, pihak Komunis telah mendapat kuasa. Pemimpin-pemimpin Amerika dan British pada masa itu mengizinkan kejadian ini.

Manusia bertanggungjawab kepada Tuhan bukan sahaja untuk dosa perseorangan tetapi juga untuk dosa negara mereka. Orang

Kristian di negara Amerika dan British bertanggungjawab atas segala sengsara di Romania dan semua negara-negara Europa Timur yang ditakluki Komunis. Orang Amerika patut sedar bahawa mereka telah menolong orang Rusia mendirikan rejim pembunuhan. Orang Amerika perlu menebus dosa mereka ini dengan menolong penduduk-penduduk penderita itu mendapat cahaya Kristus.

## **Bahasa cinta dan bahasa godaan**

Setelah pihak Komunis mendapat kuasa, mereka pun menipu Gereja. Bahasa cinta dan bahasa godaan sama saja. Seseorang yang ingin mendapat seorang gadis menjadi isterinya dan seseorang yang cuma ingin menidurinya satu malam, sama-sama akan berkata, “Aku cinta kau.” Yesus telah mengamati kita untuk membezakan serigala yang menyamar, daripada biri-biri yang benar.

Apabila pihak Komunis mendapat kuasa, beribu-ribu paderi(Orthodoks dan Katolik) dan pendeta(Protestan) tidak tahu membezakan itu.

Pihak Komunis mengadakan satu persidangan di bangunan Parlimen untuk semua pertubuhan Kristian. Empat ribu paderi dan pendeta daripada berbagai-bagai mazhab hadir. Mereka memilih Joseph Stalin sebagai presiden kehormatan persidangan itu. Pada masa itu, Stalin jugalah presiden Gerakan Ateis Sedunia dan pembunuh besar para Kristian. Seorang demi seorang biskop dan

paderi berdiri untuk kata akan persamaan di antara fahaman Komunis dengan agama Kristian, dan bahawa kedua-dua itu boleh wujud bersama-sama. Seorang demi seorang memuji Komunis dan menjanjikan kesetiaan Gereja kepada kerajaan baru itu.

Isteri saya juga ada di persidangan itu. Dia duduk dekat saya dan berkata, “Richard, pergi buangkan kemaluan ini daripada muka Kristus! Mereka sedang ludah padaNya.” Saya menjawab, “Jika saya berbuat demikian, kamu akan hilangkan suami.” Dia berkata, “Saya tak perlu seorang pengecut sebagai suami.”

Saya pun bangun dan berucap. Saya tidak memuji pembunuh-

pembunuh Kristian melainkan Kristus. Saya kata ketaatan kita patut ditunjukkan kepada Tuhan. Ucapan-ucapan di persidangan itu disiarkan ke seluruh negara dan semua orang mendengar daripada Parlimen Komunis itu Berita Baik akan Kristus. Selepas itu, saya terpaksa membayar untuk itu. Amat layaknya!

Pada masa itu, tokoh-tokoh gereja Ortodoks dan Protestan bersaing memberi taat setia kepada Komunis. Ada seorang biskop Ortodoks membubuh lambang tukul dan sabit pada jubahnya dan menyuruh paderi-paderi bawahannya jangan lagi memanggilnya “Yang Teramat Mulia”, melainkan “Comrade Biskop”. Saya menghadiri Persidangan Baptis yang diadakan di bandar Resita. Persidangan tersebut diadakan di bawah anjuran pihak Komunis dan setiap peserta berdiri untuk menyanyikan lagu kebangsaan negara Soviet Union. Presiden Mazhab Baptis menyatakan bahawa

Stalin telah memenuhi Rukun Tuhan. Dia memuji Stalin sebagai seorang guru Alkitab yang terkemuka! Paderi seperti Patrascoiu dan Rosianu lebih berterus-terang. Mereka terus-terang menjadi pegawai polis rahsia. Timbalan biskop Lutheran di Romania, pendeta Rapp, mula mengajar di maktab teologi bahawa Tuhan telah memberikan tiga tokoh wahyu, iaitu Musa, Yesus dan Stalin, dan yang terakhir itu termulia.

Kita perlu memahami bahawa anggota-anggota Baptis yang tulen tidak bersetuju dengan segala itu. Mereka bersetia kepada Kristus dan menderita demi-Nya. Bagaimanapun, pihak Komunis telah memilih pemimpin bagi mereka dan jemaah Baptis tidak ada pilihan lain.

“Pendeta-pendeta” Komunis pun mula menganiayai saudara-saudara yang tidak mengikut mereka.

Seperti orang Kristian di Rusia mendirikan Gereja Bawah Tanah selepas revolusi Rusia, kami Kristian di Romania pun terpaksa mendirikan sesuatu gereja rahsia selepas kedatangan Komunis. Inilah sebuah jemaah yang setia untuk mengajar Alkitab, menyebarkan Berita Baik dan membawa kanak-kanak kepada Kristus. Semua larangan Komunis.

Saya memulakan kerja rahsia bersama-sama orang lain.

Saya mempunyai jawatan rasmi yang dihormati, yang tidak berkaitan dengan kerja rahsia saya. Jawatan-jawatan itu pun menjadi topeng bagi saya. Saya seorang pendeta Misi Lutheran Norway dan juga seorang wakil bagi Majlis Gereja-Gereja Sedunia di Romania. (Pada masa itu, kami yang di Romania itu

langsung tidak tahu bahawa pertubuhan ini telah bekerjasama dengan Komunis. Pada masa itu pertubuhan di negara kita hanya membantu mangsa-mangsa bencana.) Dua jawatan itu memberi saya kedudukan yang amat baik di depan pihak berkuasa. Mereka tidak tahu akan kegiatan rahsia saya.

Pelayanan kami terdapat dua cabangan. Cabangan pertama ialah melayan kepada sejuta orang tentera Rusia di Romania secara rahsia. Cabangan kedua ialah pelayanan gelap kepada rakyat Romania yang diabdikan ini.

## **Orang Rusia - bangsa yang haus**

Bagi saya, membawa Berita Baik kepada orang Rusia merupakan sesuatu kerja yang bererti sekali. Saya pernah berkhotbah kepada pelbagai bangsa tetapi saya belum menemui sesuatu bangsa yang rindu akan Berita Yesus seperti orang Rusia. Jiwa mereka haus untuk mendengar akan Keselamatan Tuhan.

Seorang paderi Ortodoks yang berkawan dengan saya, menelefon saya dan kata ada seorang pegawai Rusia telah datang kepadanya untuk mengaku dosanya. Paderi itu tidak tahu bahasa Rusia. Oleh sebab itu dia pun memberikan alamat saya kepada pegawai itu. Keesokan hari pegawai itu pun datang. Dia mengasihi Tuhan tetapi tidak pernah membaca Alkitab. Dia juga tidak pernah masuk ke mana- mana gereja (di Rusia jarang dapat gereja.) Dia tiada pendidikan keagamaan. Dia mengasihi Tuhan tanpa

pengetahuan apa- apa tentangNya.

Saya membaca kepadanya Khutbah di atas Bukit dan perumpamaan- perumpamaan Yesus. Selepas mendengarnya, dia terlonjat- lonjat dan menari- nari di bilik dengan gembira sambil menjerit, “Betapa indahNya! Bagaimana saya dapat hidup tanpa mengetahui Kristus ini” Itulah kali pertama saya nampak seorang yang begitu gembira kerana Kristus.

Kemudian saya membuat satu kesilapan. Saya membaca kepadanya penderitaan dan penyaliban Kristus tanpa menyediakan hatinya dulu. Dia tidak sangka hal itu akan terjadi. Apabila dia mendapati bahawa Kristus dipukul dan mati tersalib, dia terduduk di atas kerusi dan menangis. Dia telah percaya kepada seorang Penyelamat dan kini Penyelamatnya telah mati.

Saya memandang dia dan berasa malu. Saya memanggil diriku sebagai seorang Kristian, pendeta dan guru. Saya tidak pernah rasa akan penderitaan Kristus seperti orang Rusia itu. Dengan melihatnya, saya seolah-olah nampak Maria Magdalena menangis di kaki salib.

Kemudian saya pun terus membaca akan kebangkitan Yesus. Pegawai ini menepuk lututnya dan menyumpah dengan kata-kata kasar. Tetapi saya menganggap kata- kata itu suci, sebab itulah corak pertuturan pegawai itu. Dia bersorak keriang. “Dia hidup! Dia hidup!” Sekali lagi dia lompat dan menari.

Saya berkata kepadanya, “Marilah kita berdoa.” Dia tidak tahu bagaimana untuk berdoa. Dia tidak pernah dengar akan ungkapan-ungkapan suci yang kita selalu gunakan. Dia berlutut

bersama-sama saya dan berdoa begini: “Ya Tuhan, betapa baiknya Kau itu. Jika akulah Kau dan Kaulah aku, aku tak akan melepaskan dosa Kau. Tetapi Kau ini memang baik! Aku mengasihi Kau dengan sepenuh hati.”

Saya fikir semua malaikat di syurga pun memperhentikan apa sahaja urusan mereka dan mendengar doa pegawai itu. Dia telah menerima Kristus!

Ada sekali, saya nampak di dalam sebuah kedai ada seorang kapten Rusia dan seorang pegawai wanita. Mereka sedang membeli barang, tetapi jurujual tidak memahami bahasa Rusia. Saya pun menterjemah untuk mereka dan kami pun berkenalan. Saya menjemput mereka makan di rumahku. Sebelum makan, saya kata: “Kamu sedang berada di sebuah rumah Kristian dan kami selalu berdoa sebelum makan.” Saya pun berdoa dalam bahasa Rusia. Mereka meletakkan garpu dan pisau di atas meja, tidak lagi berminat makan. Mereka bertanya soalan demi soalan tentang Tuhan, Kristus, dan Alkitab. Mereka semua sekali tidak tahu akan itu.

Bukanlah mudah untuk bertutur dengan mereka. Saya memberitahu mereka perumpamaan tentang seorang yang mempunyai seratus ekor biri-biri dan kemudian kehilangan seekor. Mereka tidak faham. Mereka tanya, “Bagaimanakah orang itu mendapat seratus ekor biri-biri? Pihak Komunis belum rampas semua itukah? Semua biri-biri patut dimasukkan Perladangan Kumpulan!”

Saya kata bahawa Yesus seorang raja. Mereka menjawab,

“Semua raja pun jahat dan menindas rakyat. Yesus mestilah seorang penzalim.” Saya memberitahu mereka Perumpamaan tentang pekerja- pekerja di kebun anggur. Mereka pun kata, “Pekerja- pekerja itu patut memberontak terhadap pemilik kebun itu. Kebun itu patut dimiliki oleh Perladangan Kumpulan di bawah Komunis.” Setiap perkara adalah baru bagi mereka. Apabila saya menceritakan kelahiran Yesus, mereka bertanya, “Adakah Maria isteri Tuhan?” Di dalam pertuturan dengan mereka, saya menyedari bahawa kita perlu ada sesuatu bahasa yang baharu.

Mubaligh- mubaligh ke Afrika Tengah menghadapi kesulitan menterjemah sepatah ayat di Buku Yesaya, “Sekalipun dosamu merah seperti kirmizi, ia akan menjadi putih seperti salji.” Di Afrika Tengah tiada salji. Mereka tiada perkataan untuk salji. Jadi mereka terpaksa menterjemah ayat itu sebagai: “Dosa- dosamu akan menjadi putih seperti isi kelapa.”

Begitu juga, kita mesti menterjemah Berita Baik ini ke dalam bahasa Marxis supaya difahami mereka. Ini bukan apa yang dapat dicapai kita sendiri melainkan dengan Roh Kudus.

Kapten dan pegawai wanita itu percaya Yesus pada hari itu. Selepas itu, mereka banyak menolong kami dalam pelayanan kami kepada orang Rusia.

Kami mencetak secara rahsia dan mengedarkan beribu- ribu buku Injil serta buku-buku Kristian untuk orang Rusia. Dengan bantuan askar- askar Rusia yang telah percaya Yesus, kami dapat menyeludup banyak Alkitab dan bahagian Alkitab ke dalam Rusia.

Kami juga menggunakan cara lain untuk menyampaikan

Firman Tuhan kepada orang Rusia. Ramai askar Rusia telah bertahun-tahunnya berjuang di luar, lama tidak dapat kembali rumah masing-masing (orang Rusia amat sayangi kanak-kanak,) anak saya, Mihai dan kanak-kanak lain yang di bawah umur sepuluh tahun pun pergi bertemu dengan askar-askar Rusia di jalan raya dan di taman, membawa banyak Alkitab kecil, buku-buku Injil serta cetakan lain di dalam kocek. Askar Rusia selalu menyayangi kanak-kanak itu, bercakap lemah-lembut dengan mereka, sedangkan mengingati anak sendiri di kampung. Askar-askar itu akan memberi kanak-kanak coklat atau gula-gula, dan budak-budak itu akan membalas dengan buku-buku dari kocek mereka. Askar-askar pun terima dengan hati yang terbuka. Apa yang terlalu berbahaya untuk kami, adalah selamat dengan kanak-kanak. Mereka menjadi “mubaligh kecil.” Hasilnya lumayan. Ramai askar Rusia mendapat Berita Baik secara ini.

### **Berkhutbah di kem-kem Rusia**

Kami bukan sahaja menyaksikan satu demi satu kepada orang Rusia, tetapi juga dalam kumpulan kecil.

Orang Rusia amat menggemari jam tangan. Mereka merampas jam tangan daripada setiap orang. Mereka akan

menghentikan seseorang di tengah jalan raya dan mengambil jam tangannya. Kami boleh nampak orang Rusia memakai beberapa jam tangan di kedua- dua lengan. Ada pegawai-pegawai wanita Rusia menggantung jam loceng pada leher mereka pula. Mereka tidak pernah memiliki jam tangan sebelum itu. Maka mereka ingin memiliki sebanyak jam tangan yang boleh didapati. Orang Romania yang ingin mendapatkan jam tangan perlu pergi ke berek- berek tentera Soviet untuk membeli barang rampasan. Dan sering kali mereka akan bertemu jam tangan sendiri! Dan kena membeli balik! Jadi rakyat Romania masuk ke dalam berek tentera Rusia pun menjadi hal biasa. Kami Gereja Bawah Tanah pun mendapat alasan yang baik untuk masuk berek: membeli jam tangan!

Saya membuat percubaan pertama untuk berkhotbah di sebuah berek tentera Rusia pada Hari Santo Paulus dan Santo Petrus, iaitu suatu hari perayaan bagi Kristian Ortodoks. Saya masuk ke pangkalan tentera itu dan berpura- pura hendak membeli jam tangan. Jam tangan pertama saya kata terlalu mahal, yang kedua terlalu kecil, yang lain terlalu besar. Beberapa orang askar mengerumuni saya, masing-masing menunjukkan sesuatu untuk dijual. Saya pun bertanya secara seloroh, “Adakah sesiapa di antara kalian yang bernama Paulus atau Petrus?” Memang ada. Saya pun berkata, “Kamu tahu tak, hari ini Gereja Ortodoks sedang merayakan Santo Paulus dan Santo Petrus?” (Ada beberapa orang Rusia yang lebih tua tahu hari perayaan itu.) Saya pun bertanya, “Tahukah kalian siapakah Paulus dan Petrus?” Tiada seorang pun yang tahu. Seorang askar yang lebih tua mencelah,

“Kamu bukan datang untuk membeli jam tangan. Kamu datang untuk memberitahu kami akan Yesus. Duduklah di sini dan ceritakan hal itu bagi kami. Semua yang di sini pun orang baik. Apabila saya meletakkan tangan saya di atas lututmu, kamu pun bercakap tentang jam tangan. Setelah saya melepaskan tangan, barulah sambung khutbahmu.” Agak ramai yang sedang berkumpul, saya pun menceritakan akan Kristus. Ucapan saya dihentikan apabila ada sesiapa yang kurang dipercayai askar tua itu telah datang. Saya pun berkata akan jam. Selepas orang itu meninggal, kami pun sambungkan Kristus. Lawatan itu diulangi berkali-kali dengan pertolongan askar Kristian Rusia. Beribu-ribu naskhah Injil disebar secara rahsia.

Ramai saudara kami dari Gereja Bawah Tanah ditangkap dan dipukul teruk, tetapi mereka tidak mengkhianati aktiviti kami.

Pada masa itu kami dapat berjumpa dengan saudara-saudara dari Gereja Bawah Tanah Rusia dan mendengar akan pengalaman mereka. Bagi kami, mereka itu orang salih yang termulia. Mereka telah melalui indoktrinasi ajaran Komunis bertahun-tahun:

sesetengah mereka pernah belajar di universiti ateis juga, tetapi jiwa mereka tetap setia kepada Kristus. Seperti bunga di tanah lumpur, walaupun kelilingnya kotor, hati mereka tetap bersih.

Orang Kristian Rusia mempunyai jiwa yang begitu murni! Mereka berkata, “Kami tahu bahawa tanda bintang dan tukul sabit di atas topi kami itu bintang anti-Kristus.” Mereka kata dengan sedih. Mereka banyak menolong kami menyebarkan Berita Baik.

Saya dapat berkata bahawa mereka mempunyai segala ciri baik orang Kristian, kecuali kegembiraan. Mereka hanya gembira pada masa mereka menjadi Kristian. Selepas itu keriangannya mereka

pun hilang. Saya berasa hairan. Ada sekali saya tanya seorang Baptis, “Mengapakah kamu tidak bergembira?” Dia menjawab, “Bagaimanakah dapat saya bersukacita sedangkan saya terpaksa menyembunyikan iman saya daripada pendeta gereja saya? Saya mesti berjaga- jaga supaya dia tidak tahu saya seorang Kristian yang bersungguh- sungguh, yang selalu berdoa dan juga yang berhasrat untuk menyelamatkan jiwa lain. Pendeta gereja saya itu seorang agen Komunis. Dia memberi maklumat kepada polis rahsia. Kami terus diintip. Gembala kami mengkhianati biri- birinya. Di dalam hati yang tersembunyi, kami dapat ketenangan hati. Tetapi diluar, kami tidak dapat bergembira lagi.

“Agama Kristian telah menjadi jalan yang agak rumit bagi kami. Bagi seorang Kristian di dunia bebas, mendapatkan seseorang untuk Kristus bererti mendapat seorang ahli baru di gereja, semua aman damai. Bagi kami, setiap kali mendapatkan seseorang, kami tahu orang itu mungkin dimasukkan penjara dan anak- anaknya jadi anak yatim. Keriangan membawa seseorang kepada Kristus selalu disertai dengan perasaan yang berat.”

Kami telah bertemu dengan sesuatu generasi orang Kristian yang baru, iaitu orang Kristian dari Gereja Bawah Tanah.

Kami dapat banyak kejutan.

Seperti ada ramai menganggap dirinya sebagai Kristian tetapi yang sebenar bukan, kami juga nampak ramai orang Rusia yang menganggap diri mereka ateis tetapi yang sebenar bukan.

Saya berbual dengan sepasang suami isteri Rusia.

Kedua- dua mereka tukang ukir. Apabila saya kata akan Tuhan,

mereka menjawab, “Tidak, Tuhan tidak wujud. Kami ‘Bezboshniki’ - - orang ateis. Tetapi kami akan beritahu kamu sesuatu yang agak aneh, yang di alami kami.

“Ada sekali kami sedang membuat patung Stalin. Sedang kami bekerja, isteriku tanya, ‘Abang, apakah pendapatmu tentang ibu jari kita? Jika kita tidak dapat membengkokkan ibu jari ke arah jari- jari yang lain; jika jari tangan kita seperti jari kaki, kita pun tidak dapat memegang tukul, pahat, alat, buku ataupun roti. Kehidupan manusia akan menjadi mustahil tanpa ibu jari. Siapakah yang mencipta jari itu? Di sekolah, kita belajar akan fahaman Marx. Kita juga belajar bahawa langit dan bumi wujud dengan sendirinya. Semua itu bukan ciptaan Tuhan. Itulah yang saya belajar dan percaya. Tetapi jika Tuhan tidak mencipta langit dan bumi, saja mencipta ibu jari, Dia sudah layak dipuji.

“ ‘Kita memuji Edison, Bell dan Stephenson sebab mereka mencipta mentol elektrik, telefon, dan landasan kereta api serta benda-benda lain. Mengapakah kita tidak memuji Dia yang mencipta ibu jari? Jika Edison tiada ibu jari, bolehkah dia mencipta apa-apa? Manusia sepatutnya menyembah Tuhan yang mencipta ibu jari itu.’ ”

Si suami pun jadi marah, seperti semua suami apabila isteri mereka berkata sesuatu yang bijaksana. “Jangan cakap bodoh! Kau telah belajar bahawa Tuhan tiada. Kau tidak tahu jika rumah kita telah diintai. Betulkan fikiranmu! Tidak ada Tuhan! Di atas syurga siapapun tiada.”

Isterinya pula menjawab, “Lagi satu hal yang lebih mengagumkan. Jika di atas syurga ada Tuhan yang berkuasa, seperti yang dipercayai nenek moyang kita, tidaklah hairan

manusia terdapat ibu jari. Yang Maha Kuasa boleh mencipta apa pun. Tetapi jika di syurga saja dapat ‘Kosong,’ saya pun akan menyembah Kosong yang mencipta ibu jari ini.”

Jadi, mereka pun menjadi penyembah “Kosong” itu. Iman mereka pada “Si-Kosong” itu kian bertambah. Mereka percaya bahawa Dia bukan sahaja telah mencipta ibu jari tetapi juga bintang- bintang, bunga- bunga, kanak- kanak, dan setiap benda yang elok.

Ini serupa di Athens dahulu. Paulus juga bertemu dengan penyembah- penyembah yang percaya kepada “Tuhan yang tidak dikenali”.

Suami isteri ini betapa gembiranya apabila saya memberitahu bahawa di syurga memang ada sesuatu Tuhan. Tuhan ialah Roh. Dialah Pengasih, Maha Bijaksana, Si-Benar, dan Maha Kuasa. Tuhan begitu mengasihi mereka sehingga Dia mengutus Anak tunggal- Nya untuk dijadikan korban bagi manusia.

Mereka telah menjadi penyembah Tuhan tanpa disedari. Saya dapat memimpin mereka selangkah lagi ke arah keselamatan.

Ada sekali lagi, saya bertemu dengan seorang pegawai wanita Rusia di jalan raya. Saya mendekatinya dan meminta maaf, “Saya tahu bahawa memang kurang bersopan untuk bercakap dengan seorang wanita yang tidak berkenal, tetapi saya seorang pendeta dan tujuan saya jujur. Saya ingin bercakap dengan saudari berkenaan Kristus.”

Dia bertanya saya, “Kamu kasih akan Kristuskah?” Saya pun menjawab, “Ya, dengan segenap hati.” Dia terus memeluk saya

dan mencium saya berkali-kali. Sebagai seorang pendeta, keadaan itu agak malu. Saya pun membalas ciumannya, harap orang lain akan menganggap kami sebagai ahli sekeluarga. Wanita itu berkata, “Saya kasih akan Kristus juga!” Saya membawa dia balik ke rumah. Saya terkejut mendapati dia tidak tahu apa-apa tentang Kristus kecuali nama saja. Dia tidak tahu Kristus adalah Juruselamat, atau apa maksudnya keselamatan. Dia tidak tahu di mana Yesus hidup dan mati. Dia tidak tahu ajaranNya, kehidupannya atau pelayanannya. Bagi saya, wanita ini memang sesuatu contoh yang tidak masuk akal. Bagaimanakah dapat anda menyayangi seseorang tanpa mengetahui apa-apa tentangnya?

Apabila saya bertanya, dia jawab, “Bila kecil, saya diajar dengan menggunakan gambar. A -- Angsa, B -- Bola, C -- Camca dan sebagainya. Apabila saya masuk ke kolej, saya diajar supaya mempertahankan tanah air Komunis sebagai Tugas Suci. Mereka juga mengajar saya akan Moral Komunis. Tetapi saya tidak faham apanya “tugas suci” atau “moral”. Saya memerlukan sesuatu gambaran. Saya tahu nenek kami ada sebuah gambar wajah seorang yang amat dihormati, yang mewakili semua yang cantik, yang benar, dan yang patut dipuji. Nenek saya yang selalu menunduk kepada gambar itu, dan kata nama orang itu “Cristos” (Kristus). Saya pun mengasihi nama ini. Nama ini menjadi semakin benar kepada saya! Saja dengan menyebut gelarannya pun dapat meriangkan hatiku.”

Selepas mendengar kisahnya, saya teringat di buku Filipis pernah kata, bahawa segala makhluk akan bersujud kepada NamaNya. Anti-Kristus mungkin dapat menghapuskan

pengetahuan Tuhan di dunia ini untuk semasa, tetapi nama Kristus sendirinya ada kuasa. Nama- Nya saja akan memberi cahaya.

Pada hari itu pegawai wanita itu pun menerima Yesus dengan gembira. Kini Si-Nama yang dikasihinya telah hidup di dalam hatinya.

Setiap pengalaman saya dengan orang Rusia dipenuhi dengan keindahan dan makna yang dalam.

Seorang saudari yang menyebarkan Berita Baik di stesen kereta api memberikan alamat saya kepada seorang pegawai leftenan yang berminat.

Pada suatu malam leftenan yang kacak dan tinggi itu pun datang ke rumah saya.

Saya tanyanya, “Apa yang boleh saya tolong?”

Dia menjawab, “Saya datang untuk mencari cahaya.”

Saya pun mula membaca kepadanya bahagian- bahagian penting di dalam Alkitab. Dia meletakkan tangannya di atas bahu saya dan kata, “Saya minta kamu dengan bersungguh- sungguh, jangan sesatkan saya. Saya berasal daripada kalangan manusia yang hidup di dalam kegelapan. Tolong beritahu saya, adakah kitab ini benar- benar Firman Tuhan?” Saya memastikannya benar. Dia mendengar selama beberapa jam dan menerima Kristus.

Orang Rusia tidak sekali- kali dangkal(sifat sia-sia) terhadap agama. Kalau mereka menentang agama, mereka akan menentangnya dengan tetap. Kalau mereka menyokong agama dan mencari Kristus, mereka juga mencari dengan sepenuh hati. Inilah

sebabnya setiap orang Kristian di Rusia merupakan mubaligh yang berhasil. Tiada sebuah negara di bumi yang lebih bersedia seperti Rusia. Mereka merupakan manusia yang paling sedia di bumi. Haluan dunia boleh diubah jika kita berikhtiar membawa Berita Baik kepada mereka.

Memang sayang bahawa negara Rusia dan rakyatnya adalah umat yang diabaikan oleh semua pihak, mereka tertinggal di dalam kelaparan akan Firman Tuhan.

Di dalam sebuah kereta api, saya jumpa seorang pegawai Rusia yang duduk di depan saya. Apabila saya memberitahunya tentang Kristus, dia pun mula memberi bahasan ateis.

Petikan- petikan Marx, Stalin, Voltaire, Darwin dan lain- lain yang menentang Alkitab terus ditunjukkannya dengan lancar. Dia tidak memberi saya apa-apa peluang untuk balas. Selama sejam, dia memastikan saya bahawa tiadanya Tuhan. Setelah dia habis, saya pun tanya, “Jika tiada Tuhan, mengapakah kamu berdoa bila ada masaalah?” Seperti seorang pencuri yang tiba-tiba ditangkap, dia tanya, “Bagaimana kamu tahu saya berdoa?” Saya tidak membiarkannya terlepas. “Saya yang tanya dulu. Saya tanya kau, kenapa kamu berdoa. Sila jawab.” Dia pun mengaku, “Ketika kami dikelilingi Jerman di medan pertempuran, kami semua berdoa. Kami tidak tahu caranya. Kami pun berseru, ‘Tuhan dan roh ibu kami, selamatlah kami!’ ” Kepada Tuhan yang memandang hati orang, ini memang doa yang amat baik!

Pelayanan kami kepada orang Rusia amat berhasil.

Saya teringat akan Piotr (Petrus). Tiada orang tahu dia mati di mana penjara Rusia. Dia masih muda! Mungkin berumur dua

puluh. Dia datang ke Romania bersama-sama tentera Rusia. Dia menjadi Kristian di perjumpaan rahsia dan minta dibaptis. Selepas acara baptis, saya tanyanya ayat Alkitab mana yang berkesan sekali kepadanya dan menyebabkannya memeluk Kristus.

Dia kata, dia pernah dengar saya membaca Lukas 24, yang menceritakan Yesus berjumpa dengan dua orang pengikutNya di dalam perjalanan ke Emaus. Ketika mereka mendekati kampung itu, Yesus seolah-olah hendak meneruskan perjalananNya.

Piotr berkata. “Saya berasa hairan mengapa Yesus berbuat demikian. Dia tentu ingin terus bersama-sama pengikut-pengikutNya. Mengapa rupaNya hendak meneruskan jalan? Saya pun rasa Yesus memang bersopan. Dia ingin memastikan diriNya dikehendaki. Setelah mendapati bahawa mereka memang hendakNya, barulah Dia masuk hotel itu. Komunis tidak begitu. Mereka masuk ke dalam fikiran kami tanpa keizinan. Mereka memaksa kami mendengar syarahan mereka dari pagi hingga malam. Baik di sekolah, di radio, di surat khabar, di poster, di filem, di perjumpaan kufur, dan di setiap tempat yang kami pergi, semuanya dipenuhi ajaran dan iklan mereka. Kami terpaksa mendengar dakyah kufur mereka. Yesus tidak begitu. Dia menghormati pilihan kami. Dia mengetuk pintu kami dengan ringan. Yesus telah mendapat hati saya dengan kesopananNya.”

Dia bukan satu-satu orang Rusia yang tertarik dengan sifat Yesus ini. (Sebagai seorang pendeta, saya tak pernah fikir akan hal ini pun.)

Selepas mendapat Kristus, Piotr berkali-kali menggadai kebebasan dan nyawanya dalam kegiatan menyeludup buku Kristian ke dalam Rusia dari Romania, untuk Gereja Bawah Tanah di sana. Akhirnya dia ditangkap. Saya tahu bahawa pada tahun 1959 dia masih di penjara. Bagaimananya kini? Sudah sampai ke syurga, atau masih berjuang di bumi? Hanya Tuhan tahu.

Seperti Piotr, ramai bukan sahaja percaya pada Yesus. Mereka juga menjadi pekerja untuk Yesus. Kita tidak harus berhenti selepas mendapat sesuatu jiwa untuk Kristus. Ini hanya separuh kerja kita. Setiap jiwa yang dimenangi untuk Kristus mesti dijadikan pemenang jiwa. Orang Rusia bukan sahaja menjadi orang Kristian, tetapi juga menjadi ‘mubaligh’ bagi Gereja Bawah Tanah. Mereka begitu rajin dan berani untuk Kristus. Mereka selalu kata bahawa semua ini terlalu kecil bagi Kristus yang mati untuk mereka.

## **Pelayanan gelap bagi umat yang terbelenggu**

Cabang kedua pelayanan kami ialah pelayanan rahsia di kalangan umat Romania.

Tidak lama selepas menjajahi negara kami, Komunis pun melepaskan topeng mereka. Pada awalnya mereka masih mengambil hati pemimpin-pemimpin gereja dengan kata manis, kini mereka tidak berpura-pura lagi. Kekejaman pun bermula. Beribu-ribu orang ditangkap. Kini mendapati satu jiwa untuk Kristus pun bahaya, sama seperti di dalam negara Soviet.

Saya juga dimasukkan penjara bersama- sama orang yang dimenangi saya untuk Kristus. Saya berada di sebuah bilik penjara, bersama seorang yang meninggalkan isteri dan enam orang anak sebab ia percaya pada Kristus. Kini isteri dan anaknya lapar. Mungkin dia tidak dapat bertemu dengan mereka lagi. Saya tanyanya, “Adakah kamu benci saya kerana membawa kamu kepada Kristus?” Dia jawab: “Saya tidak dapat mengatakan kesyukuran saya kepadamu. Kamu telah membawa saya kepada Penyelamat yang ajaib ini. Saya tidak mahu apa- apa lagi.”

Berkhutbah tentang Kristus menjadi sukar dalam keadaan yang baru itu. Kami berjaya mencetak beberapa jenis risalah dan dapat kelulusannya melalui penapisan Komunis yang ketat. Kami menunjukkan sebuah buku kecil dengan gambar pengasas Komunis Karl Marx pada muka surat pertama. Pegawai-pegawai penapisan nampak tajuk buku ‘Agamalah Ganja Rakyat’ (kata Marx), dan menganggap buku- buku itu sebagai buku Komunis dan memberikan kelulusan. Di dalam buku- buku itu, selepas beberapa muka surat yang dipenuhi petikan Marx, Lenin dan Stalin, kami pun menyampaikan berita baik Kristus.

Gereja Bawah Tanah bukannya semua sekali tersembunyi. Seperti air batu apung(aisberg) di laut, ada sebahagian kecil kegiatan kami terbuka. Kami pergi ke tempat-tempat penghimpunan Komunis dan menyebarkan buku- buku ‘Komunis’. Apabila orang Komunis nampak gambar Marx, mereka pun berebut- rebut untuk membeli buku tersebut. Dan

bila mereka baca sampai muka surat kesepuluh dan mendapati kandungannya berkaitan dengan Tuhan dan Yesus, kami telah tinggalkan tempat itu.

Berkhutbah di dalam keadaan baru itu tidak mudah. Rakyat kami amat dianiayai. Pihak Komunis telah merampas segala sesuatu daripada setiap orang: kebun-kebun dan biri- biri daripada peladang; kedai kecil daripada tukang gunting dan tukang jahit. Bukan sahaja harta orang kaya yang terampas, orang yang sangat miskin pun menderita. Hampir setiap keluarga pun ada seorang yang dipenjarakan. Orang tanya, “Mengapakah Tuhan yang penyayang itu membenarkan kejahatan berjaya?”

Rasul- rasul dulu juga tidak mudah untuk mengisytiharkan Kristus selepas Yesus disalibkan. Orang ramai masih ingat seruan Yesus di atas salib, “Tuhan- Ku, Tuhan- Ku, mengapakah Kau tinggalkanKu?”

Namun kerja itu dapat dijalankan, menunjukkan kerja itu buatan Tuhan dan bukan kami. Iman Kristian ada jawapan untuk soalan- soalan seperti itu.

Yesus memberitahu kita tentang Lazarus, seorang pengemis yang miskin dan teraniayai seperti kami - lesu, kelaparan dan lukanya dijilat anjing - tetapi akhirnya, malaikat- malaikat membawanya ke pangkuan Abraham.

## **Bagaimanyanya Gereja Gelap itu Bekerja Separuh Terbuka**

Gereja Bawah Tanah bertemu di rumah persendirian, di dalam

hutan, di tingkat bawah tanah bangunan dan di mana-mana sahaja yang dapat digunakan. Di sana mereka membuat penyiapan untuk menjalankan kerja yang terbuka. Di bawah pemerintahan Komunis, kami merancang untuk berkhotbah di jalan raya. Tindakan ini sangat bahaya tetapi dapat menyampaikan ramai jiwa yang tidak mungkin disampai dengan cara lain. Isteriku sangat mahir dalam kerja ini. Saudara-saudari kami berkumpul di tepi jalan dan mula menyanyi. Setelah orang ramai mengerumuni untuk mendengar lagu- lagu yang merdu, isteriku pun berkhotbah. Kami meninggalkan tempat itu sebelum polis rahsia sampai.

Pada suatu petang, sedangkan saya bergiat di tempat lain, isteriku mengucapkan Berita Baik kepada beribu- ribu pekerja di depan kilang besar Malaxa, di kota Bucharest. Dia memberitahu pekerja-pekerja akan Tuhan dan akan Jalan Keselamatan. Hari keesokan, ramai pekerja kilang itu pun ditembak mati sebab mengadakan pemogokan tentang pihak Komunis. Orang-orang itu baru dapat mendengar Berita Baik!

Kami adalah Gereja di bawah tanah. Tetapi seperti Yohanes Pembaptis, kami juga berkata kepada ketua-ketua kerajaan akan Kristus.

Ada sekali, dua saudara kami mengemukakan Pertama Menteri kami Gheorghiu Dej di depan sebuah bangunan kerajaan. Dalam beberapa minit itu, mereka memberi saksian kepadanya akan Kristus, memujuknya berpusing daripada dosanya dan penganiayaannya. PM itu pun membuang mereka ke dalam penjara. Banyak tahun kemudian, apabila PM ini sakit teruk, benih Berita Baik yang disampaikan dua saudara itu pun berhasil. Pada masa kesukaran itu, PM ini ingat akan kata-kata saudara itu.

Firman Tuhan adalah “tajam dan perkasa seperti pedang yang bermata dua.” Hati kerasnya itu sekarang telah dicelahkan, dan dia pun taklukkan jiwanya kepada Kristus. Dia mengaku dosanya, menerima Juruselamat dan mula melayani Yesus di dalam kesakitannya. Tidak lama kemudian dia pun mati. Dia dapat pergi kepada Juruselamatnya semata-mata kerana perkorbanan dua saudara itu. Inilah contohnya keberanian Kristian-Kristian di tanah Komunis hari ini.

Polis gelap amat menganiaya kami. Mereka menyedari bahawa Gereja Bawah Tanah adalah satu-satunya pembantahan tentang mereka yang berkesan. Mereka tahu pembantahan kerohanian akan meruntuhkan kuasa ateis jika dibiarkan berkembang. Sama seperti Iblis, Komunis dapat menyedari pengancaman Gereja. Mereka tahu jika seseorang menjadi Kristian, orang itu pun berhenti menjadi sesuatu yang tidak berakal, yang saja ikut arahan. Mereka tahu bahawa walaupun mereka dapat mempenjarakan tubuh kami, mereka tidak dapat mempenjarakan iman kami pada Tuhan. Jadi mereka amat menentangi kami.

Tetapi Gereja Gelap juga ada penyokong atau ahli-ahlinya di kalangan polis gelap dan di antara pegawai-pegawai kerajaan Komunis.

Kita menyuruh Kristian-Kristian masuk ke dalam pasukan polis gelap dan memakai seragam yang dibenci sekali di negara kami, supaya dapat melaporkan kegiatan polis kepada kami. Beberapa saudara pun memberanikan diri. Mereka melindungi iman mereka, masuk pasukan polis dan memakai seragam yang diperkecilkan oleh rakan-rakan dan keluarga sendiri. Mereka tidak

boleh memberitahu tujuan sejati mereka kepada sesiapa pun. Begitu besarnya sayang mereka kepada Kristus.

Apabila saya diculik di jalan besar ibu kota kami, dan dikurungkan di tempat yang rumit sekali, seorang doktor Kristian pun mengambil keputusan untuk menjadi ahli polis gelap semata-matanya untuk mencari saya. Sebagai seorang doktor polis gelap, dia berhak masuk ke semua bilik penjara. Semua kawannya pun menjauhkannya, menganggapnya telah menjadi seorang Komunis. Memakai seragam penyeksa adalah perkorbanan yang jauh lebih besar daripada menjadi seorang yang dikurung.

Doktor itu mendapati saya di sebuah bilik penjara yang dalam dan gelap, dan memberitahu keluarga saya bahawa saya masih hidup. Dialah saudara yang pertama yang mendapati saya di penjara selama lapan setengah tahun itu. Oleh sebab dia, kata-kata pun tersebar bahawa saya masih hidup, dan pada masa Eisenhower dan Khrushchev “bercecair” pada 1956, orang-orang Kristian di Barat meminta kelepasan saya, dan saya pun dapat lepas dari penjara untuk semasa.

Tanpa usaha doktor Kristian ini, mungkin saya telah mati di dalam penjara.

Kristian-Kristian di dalam pasukan polis gelap banyak kali memberi kami amaran awal, supaya kami dapat mengelakkan tangkapan. Ada juga saudara yang telah naik pangkat tinggi (di dalam pasukan polis), semata-mata untuk membantu kami. Mereka tidak dapat mengakui iman Kristian mereka di dunia ini.

Walaupun demikian, masih ada ramai ahli gereja gelap kami ditangkap dan dimasukkan penjara. Kami juga ada “Yudas” di antara kami, yang melaporkan kepada polis gelap. Komunis juga cuba mendapat pendeta-pendeta dan Kristian-Kristian biasa untuk

bekerjasama mereka. Komunis mengancam, memukul, memberi rasuah dan memeras supaya dapat Kristian menjadi Yudas.

# Bab 2

## “Kasih yang lebih besar”

Selepas negara kami menjadi Komunis, saya masih bekerja sebagai pendeta rasmi dan juga pendeta gelap sehingga 29 Feb 1948. Hari itu hari Ahad. Saya sedang berjalan ke gereja, di tengah jalan saya pun diculik oleh polis gelap.

Masa dulu saya selalu kagum apa maksudnya “menculik orang” yang disebut di dalam Alkitab. Komunis telah membukakan mata kami.

Ramai orang diculik seperti saya. Sebuah van polis gelap tiba-tiba berhenti di depan saya. Empat orang melompat keluar dan menolak saya ke dalam van itu. Saya pun dikurungkan untuk banyak tahun. Selama lapan tahun, tiada sesiapa yang tahu sama ada saya hidup atau mati. Isteri saya dilawati oleh anggota polis gelap yang menyamarkan diri sebagai banduan yang baru lepas penjara. Mereka kata bahawa mereka telah menghadiri kebumian saya. Hancurlah hati isteriku.

Pada masa itu, beribu-ribu Kristian telah dipenjarakan. Bukan saja pendeta, tetapi juga Kristian biasa seperti peladang-peladang dan pemuda-pemudi yang bersaksi untuk iman mereka. Penjara Rumania pun dipenuhi, sebagaimana di negara-negara Komunis lain. Dan penjara bererti seksa.

Cara mereka seksa kadang-kadang amat menakutkan. Saya tidak mahu kata akan pengalaman saya. Jika saya kata, saya pun tidak dapat tidur malam. Terlalu sakit.

Di sebuah buku lain, *Kristus di Penjara Komunis*, saya telah menyatakan banyak hal akan pengalaman bersama Tuhan kita di penjara Romania.

## **Seksaan yang terlepas kata**

Seorang pendeta bernama Florescu telah diseksa dengan besi panas dan dengan pisau. Dia juga dipukul hebat. Kemudian mereka melepaskan tikus yang lapar ke dalam bilik penjaranya melalui sesuatu paip besar. Dia pun tidak dapat tidur, sebab kena mempertahankan dirinya setiap masa. Jika dia rehat sekejap, tikus-tikus pun menyerangnya.

Dia dipaksa berdiri untuk dua minggu, siang dan malam. Komunis hendak memaksanya mengkhianati saudara-saudaranya, tetapi dia terus menolak. Pada akhirnya mereka membawa anaknya yang berumur empat belas tahun, dan menyebat anak itu di depannya. Mereka mengancam akan memukulnya sampai mati jika pendeta itu tidak mengikut arahan mereka. Bapa itu hampir gila. Akhirnya dia berjerit kepada anaknya: “Alexander, saya tak sanggup tahan melihat kau dipukul lagi! Saya kena beritahu apa yang mereka mahu.” Anak itu jawab, “Bapa jangan! Saya tak mahu nampak seorang pengkhianat sebagai bapa. Tahanlah! Jika mereka bunuh saya, saya akan mati dengan kata ‘Yesus dan tanah air kita’.” Orang Komunis jadi gila, mereka terus hentam budak itu sampai mati. Darahnya terpercik ke atas dinding. Dia mati memuji

Tuhan. Selepas itu, saudara Florescu kami pun tidak seperti saudara yang kami kenal dulu.

Kami diikat dengan gulungan yang tajam di sebelah dalam. Jika kita tidak bergerak, besi yang tajam itu tidak akan keratkan tangan kami. Tetapi bilik penjara terlalu sejuk. Kami bergementar, dan tangan kami pun berluka.

Orang Kristian diikat terbalik dengan tali dan dipukul dengan begitu hebat sehingga badan mereka tergoyang dengan setiap pukulan. Kristian dimasuki peti ais yang bebeku di dalam. Saya pun dimasuki ke dalam bilik ais dengan memakai sedikit baju. Doktor penjara memandang melalui sesuatu lubang, apabila mereka nampak banduan itu hampir mati kesejukan, mereka pun memberi awasan, pengawas-pengawas pun masuk dan bawa kami keluar, memanaskan kami. Selepas kami cukup panas, kami pun dibuangkan balik ke dalam bilik ais itu. Ini akan diulang-ulangkan. Sehingga hari ini, kadang-kadang saya tidak berani membuka peti ais juga.

Kami Kristian dimasuki sebuah kotak kayu yang amat sempit, seperti sebuah keranda yang ketat. Tiada ruang untuk bergerak. Kemudian mereka pun menukul beberapa puluh paku dari semua segi. Apabila kami berdiri tegak, kita tidak akan ditikam. Kami terpaksa berdiri berjam-jam di dalam. Apabila kami jadi letih dan bergerak, kami pun kena tikam.

Apa yang dilakukan orang Komunis kepada orang Kristian terlepas kefahaman manusia.

Saya telah nampak orang Komunis menyeksa Kristian, muka penyeksa-penyeksa berkilat dengan gembira liar. Mereka berjerit “Kamilah Satan,” sedangkan menyeksa Kristian.

Kami bukan bergelut dengan manusia, melainkan dengan

kuasa kejahatan. Kami telah nampak fahaman Komunis ini bukanlah berasal daripada manusia, melainkan daripada Iblis. Inilah kuasa rohani – kuasa si jahat – dan saja dengan kuasa rohani baru dapat kita mengatasinya, iaitu dengan kuasa Roh Tuhan.

Saya biasa tanya penyeksa-penyeksa, “Kamu tiada kesian di dalam hatikah?” Mereka biasanya menjawab dengan kutipan Lenin: “Nak masak telur goreng, kena pecahkan kulitnya dulu;” atau “kamu tidak dapat menggegaji sebatang kayu tanpa menghasilkan sisa kayu.” Saya kata lagi, “Saya juga tahu kata Lenin ini. Tetapi kamu bukan kayu. Kayu tiada perasaan apabila dipotong. Manusia ada perasaan. Setiap pukulan pun membawa kesakitan, dan ada emak yang menangis.” Tetapi semua ini tidak berkesan. Mereka tidak percaya akan roh. Untuk mereka, jasmani saja yang wujud. Manusia adalah seperti kayu dan telur. Dengan kepercayaan ini mereka menjadi kejam terlepas kata.

Kekejaman seorang ateis tidak dapat dipercayai. Apabila seseorang tidak percaya adanya balasan bagi kebaikan dan adanya dendam untuk jahat, dia pun tak ingin nak menjadi seorang yang berperilaku kemanusiaan. Baginya tiada apa-apa batasan lagi. Dia akan buat sejahat semungkin. Penyeksa Komunis biasa berkata, “Tiada Tuhan, tiada syurga atau neraka, tiada denda bagi kejahatan. Kami dapat lakukan apa saja yang kami suka.” Saya dengar seorang penyeksa berkata, “Saya bersyukur kepada Tuhan, yang saya tidak percaya itu, sebab Ia membiarkan saya hidup sampai hari ini, supaya saya dapat melakukan semua kejahatan di dalam hatiku.” Kekejaman anggota Komunis itu kepada banduan-banduan tidak dapat disifatkan.

Saya berduka hati jika seekor buaya makan orang, tetapi saya tidak menegur buaya itu. Dia tidak tahu apanya berperilaku

kemanusiaan. Demikian juga dengan Komunis. Fahaman Komunis telah menghancurkan sifat kemanusiaan di dalam mereka. Mereka bangga sebab diri mereka telah terhilang sifat kesian.

Saya pun belajar daripada mereka. Sebagaimana mereka tidak memberi tempat kepada Yesus di dalam hati mereka, saya pun tidak beri apa-apa tempat untuk Syaitan atau kebencian di dalam hatiku.

Saya telah memberi saksi di depan cawangan Jawatan Kuasa Keselamatan Kedalaman U.S. Saya menyifatkan hal-hal yang ngeri, seperti bagaimananya Kristian diikat di atas salib selama empat hari, siang dan malam. Salib-salib itu akan dibaringkan ke atas lantai, dan beratus banduan pun kencing dan membuang air besar ke atas mangsa yang terikat di sana itu. Kemudian salib-salib itu akan ditegakkan semula. Orang Komunis pun ketawa dan mengejek: “Lihatlah Kristus kamu! Betapa eloknya! Bau wangi dari syurga!” Saya juga menyifatkan bagaimana seorang paderi dipaksa berdoa ke atas seketul tahi manusia dan secawan kencing, dan memberi ini sebagai roti dan air anggur suci untuk diberikan kepada para Kristian. Ini berlaku di penjara Romania di Pitesti. Saya tanya paderi itu selepas itu, kenapa dia tidak memilih mati daripada melakukan kehinaan ini. Dia jawab, “Jangan menghakimi saya. Saya telah menderita lebih daripada Kristus!” Semua seksaan yang disifatkan di dalam Alkitab berkenaan neraka, dan semua kesakitan di buku Dante *Inferno*, tidak dapat dibandingkan dengan seksaan di dalam penjara Komunis.

Ini sajalah sebahagian kecil yang terjadi di dalam penjara Pitesti. Hal-hal yang lain langsung tidak dapat disebutkan. Hati saya akan gagal jika saya mengulangkan lagi. Inilah yang sedang

dialami saudara dan saudarimu.

Salah seorang pahlawan iman yang mengalami ini ialah paderi Milan Haimovici.

Oleh sebab penjara dipenuhi orang, dan pengawas-pengawas tidak tahu nama kami, apabila mereka memanggil nama-nama orang yang patut dipukul dengan rotan sebab melanggar undang-undang penjara, Pendeta Milan akan berlangkah ke depan untuk didenda. Dengan begitu dia bukan saja dapat kehormatan banduan-banduan lain, tetapi juga mendapat kehormatan bagi Kristusnyanya.

Jika saya terus mengatakan kelampauan Komunis dan kekorbanan Kristus, saya pun tidak akan habis. Bukan saja cara seksaan yang dikenali orang, tetapi juga jasa perkorbanan pahlawan di dalam penjara.

Salah seorang pekerja kami adalah seorang gadis yang muda. Polis Komunis mendapati gadis ini menyebarkan berita baik secara sulit, dan mengajar budak-budak akan Kristus. mereka mengambil keputusan untuk menangkapnya. Tetapi untuk mendalamkan kesakitannya, mereka tunggu beberapa minggu sehingga hari perkhawinannya. Pada hari itu gadis ini telah memakai baju perkhawinan. Inilah hari yang terbesar sekali dalam hidup seorang gadis! Tiba-tiba pintu ditolak buka dan polis gelap pun masuk.

Apabila gadis itu nampak polis gelap, dia pun menghulukan tangannya untuk digarikan oleh polis. Mereka garinya dengan kasar. Gadis itu nampak pengantin lelakinya, menciumkan rantai besi itu dan kata, “Saya bersyukur Pengantin Lelaki syurgawi kita. Dia telah menghadiahkan mutiara ini. Saya bersyukur sebab Yesus menganggap saya layak untuk menderita baginya.” Dia pun ditarik

keluar. Pengantin lelakinya dan rakan-rakan semua menangis. Mereka tahu apa yang akan terjadi kepada seorang gadis di atas tangan orang Komunis. Selepas lima tahun, gadis itu pun dilepaskan – seorang wanita yang telah dihancurkan, rupanya tiga puluh tahun lebih tua. Pengantin lelakinya terus menunggunya. Saudari ini berkata semua ini hal kecil saja bagi Kristus. Begitu eloknya orang Kristian di Gereja Bawah Tanah.

## **Apanya Cuci Otak**

Orang Barat mungkin terdengar akan cuci otak yang berada pada masa perang Korea dan kini di Vietnam. Saya pun pernah melalui cuci otak. Inilah seksa yang teruk sekali.

Selama beberapa tahun kami terpaksa duduk tujuh belas jam sehari untuk mendengar:

Fahaman Komunis baik!  
Fahaman Komunis baik!  
Fahaman Komunis baik!  
Fahaman Komunis baik!  
Agama Kristus bodoh!  
Agama Kristus bodoh!  
Agama Kristus bodoh!  
Lepaskanlah!  
Lepaskanlah!  
Lepaskanlah!  
Lepaskanlah!

Selama tujuh belas jam sehari – untuk beberapa minggu atau bulan.

Ada saudara Krisitan tanya saya bagaimana untuk menahan cuci otak ini. Saja ada satu caranya, iaitu cuci hati. Jika hati seorang telah dicuci oleh kasih Yesus Kristus, kamu pun dapat menahan segala jenis seksa. Apakah yang tidak dapat dilakukan seorang pengantin perempuan untuk pengantin lelakinya? Apakah yang tidak dapat dilakukan seorang ibu untuk anaknya? Jika kamu sayang Kristus seperti Maria sayang bayinya, kamu pun dapat menahan segala.

Tuhan tidak akan membalas kita mengikut berapa yang kita telah menderita untukNya, melainkan dengan berapa yang kita sayang. Saya boleh saksi betapa jemaah Gereja Bawah Tanah itu menyayangi Kristus dan para banduan di penjara Komunis.

Seksaan dan kekejaman tidak berhenti di dalam penjara. Apabila saya terpengang atau telah menjadi terlalu bingung untuk menulis *pengakuan kesalahan*, saya pun dipulangkan ke bilik kurungan. Saya akan terbaling di sana, setengah mati, untuk memulihkan sedikit tenaga supaya mereka dapat seksa saya semula. Ramai mati dalam pusingan ini. Tetapi tenaga saya sentiasa dapat memulih. Dalam beberapa tahun itu, mereka telah mematahkan empat tulang belakang saya, dan banyak tulang lain. Mereka menggolek dua belas lubang di badan saya. Luka bakar ada 18.

Doktor-doktor di Oslo (Norway) memeriksa kesan penyakit tuberculosis (paru-paru) saya. Mereka kata itulah mukjizat untuk saya dapat hidup. Mengikut buku perubatan mereka, saya sepatutnya lama sudah mati. Saya pun tahu inilah mukjizat. Tuhan

adalah Tuhan mukjizat.

Saya percaya bahawa Tuhan melakukan keajaiban ini supaya kamu dapat dengar berita di belakang langsir besi ini.

## **Kebebasan ringkas – dan ditangkap semula**

Pada tahun 1956, saya telah dipenjarakan selama lapan dan setengah tahun. Berat saya turun, tubuh saya dipenuhi kesan seksa yang hodoh. Saya telah diperas, disoal, dikecam dan diabaikan. Tetapi penyeksa-penyeksa tidak dapat apa-apa yang dihendaki mereka. Jadi, dengan perasaan gagal, mereka melepaskan saya. Ada juga disebabkan banyak bantahan luar negeri sebab pengurungan saya.

Saya dibiarkan meneruskan jawatan saya sebagai seorang pendeta. Tetapi selepas saya memberi dua khutbah, pihak kuasa pun panggil saya dan menghentikan perkhidmatan saya. Kenapa? Sebab saya pernah menasihati para Kristian supaya “bersabar, bersabar, dan lebih lagi sabar” – “Ini bermakna, kamu sedang menyuruh mereka sabar sehingga orang Amerika datang!” polis menjerit. Saya juga kata bahawa roda nasib sedang berputar, dan masa akan berubah. “Maknanya, fahaman Komunis tidak dapat diteruskan? Tipu! Ini anti-revolusi!” Jadi perkhidmatan rasmi saya pun ditamatkan.

Mungkin pihak kerajaan beryakin saya telah takut, dan tidak akan berani meneruskan kegiatan bawah tanah lagi. Inilah kesilapan mereka. Saya meneruskan kegiatan dulu. Keluarga saya pun menyokong.

Saya bersaksi kepada jemaah secara gelap dengan penolongan

saudara-saudari yang jujur. Kali ini saya ada tanda-tanda seksaan sebagai bukti bagaimananya fahaman ateis itu, dan untuk memperkuat jiwa-jiwa yang tidak kukuh, agar mereka berani. Saya memimpin satu kumpulan untuk menyebarkan berita baik, dan untuk menolong satu sama lain. Walaupun Komunis terus cuba menangkap kita, tetapi agen-agen mereka telah dibutakan Tuhan. Jika seorang begitu buta sehingga tidak nampak tujuan baik Tuhan, orang itu patutnya juga tidak nampak segala kegiatan kami.

Akhirnya polis-polis pun mendapati hasil. Saya didapati salah dan dipenjarakan semula. Kali ini mereka tidak menangkap keluarga saya, mungkin sebab saya telah terkenal di luar negara. Kali ini saya dapat lima dan setengah tahun. (Yang pertama kali saya dikurung lapan tahun lebih. Selepas tiga tahun, saya pun dikuruangkan semula.)

Hidup penjara kali ini lebih teruk daripada kali pertama. Kesihatan tubuh saya runtuh dengan cepat. Tetapi kami menyambungkan kerja di penjara Komunis itu. (Penjara kami jugalah bilik-bilik yang terdiri 3 atau 10 meter di bawah tanah.)

### **Satu persetujuan – kami berkhotbah dan mereka memukul**

Di dalam penjara, kegiatan memberitahu orang akan Yesus adalah dilarang. Sesiapa yang didapati membuat demikian akan dipukul hebat. Beberapa orang di antara kami pun mengambil keputusan ini: kami berkhotbah dan mereka memukul. Kami gembira berkhotbah, dan mereka gembira memukul. Jadi kedua-dua pun sangat berpuas hati.

Keadaan di bawah ini kerap berlaku, sehingga saya tidak dapat ingat berapa kalinya: Seorang saudara sedang berkhotbah kepada para banduan, tiba-tiba pengawas masuk bilik kurungan dan menarik saudara itu keluar untuk dipukul. Selepas masa yang agak panjang, saudara itu dipulangkan – luka dan darah di seluruh badannya. Saudara itu pun duduk tegak dengan susah payah dan tanya, “Hai para saudara, tadi saya telah cakap sampai ke mana?” dan dia pun teruskan!

Kadang-kadang orang yang berkhotbah adalah seorang Kristian biasa. Orang biasa yang diilhamkan Roh Tuhan sentiasa dapat berkhotbah dengan elok. Mereka berucap dengan sepenuh hati. Sebab untuk berkhotbah di bawah keadaan yang ngeri ini bukan bermain. Seorang akan dipukul sampai setengah mati.

Di penjara Gherla, seorang Kristian bernama Grecu dihukum pukul sampai mati. Ini mengambil masa lama. Dia dipukul dengan perlahan-lahan. Tumitnya dipukul dengan rotan getah sekali, dan mereka pun meninggalkannya. Selepas beberapa minit, dia dihentam sekali lagi. Begitu berulang. Buah zakarnya pun dipukul. Kemudian seorang doktor memberinya suntikan. Dia berpulih dan diberi makanan yang amat baik untuk pemulihan, kemudian dia dipukul semula sehingga akhirnya dia mati. Salah seorang yang mengendalikan seksaan ini adalah seorang ahli Jawatan Kuasa Pusat Parti Komunis, yang bernama Reck.

Pada suatu masa, Reck berkata kepadanya, “Kamu tahu, sayalah Tuhan. Saya boleh beri kamu hidup, dan boleh beri kamu mati. Tuhan di atas syurga itu tak ada kuasa ini. Saya yang memegang kuasa. Sayalah Tuhan!”

Saudara Grecu pun memberi Reck sesuatu jawapan yang agak

menarik hati, yang diberitahu saya oleh Reck sendiri kemudian. Dia kata, “Kamu tidak tahu betapa betulnya yang kamu kata itu. Kamu memang seorang tuhan. Setiap ulat bulu pun adalah seekor rama-rama yang cantik, jika ia dapat bertumbuh. Kamu tidak dicipta untuk menjadi seorang penyeksa. Kamu dicipta untuk menjadi Tuhan! Iaitu seorang yang dipenuhi kasih! Yesus berkata kepada Yahudi pada masanya, ‘Kamulah tuhan-tuhan.’ Jiwa illahi adalah di dalam hatimu. Ada ramai orang seperti kamu, termasuk Santa Paulus, yang pernah menyeksa Kristian. Tapi kemudian Paulus menyedari inilah amat malu untuk menjadi seorang penyeksa. Jadi dia pun berubah dan menjadi orang yang bersifat ketuhanan. Percayalah saya, encik Reck, tujuan hidup kamu adalah untuk jadi Tuhan, yang bersifat illahi; dan bukan seorang penyeksa.”

Pada masa itu Reck tidak mengambil hati. Seperti juga Paulus tidak mengambil hati apabila Stephen mati di depannya. Tetapi kata-kata itu berusaha di dalam hatinya. Pada masa kelak, Reck pun menyedarkan bahawa inilah tujuan hidupnya.

Pelajaran yang besar sekali datang daripada segala pukulan dan seksaan Komunis. Dengan pengalaman itu, kami pun mengerti bahawa roh adalah tuan tubuh. Banyak kali, apabila diseksa, kami rasa segala seksaan itu seolah-olah sesuatu yang agak jauh, sedangkan roh kami berada di dalam kemuliaan Kristus. Kristus sedang menyertai kami.

Apabila kami diberi semangkok bubur kotor sehari, dan sekeping roti seminggu, kami mengambil keputusan untuk meneruskan pemberian “satu perpuluhan.” Setiap minggu kesepuluh, kami akan memberi roti itu kepada saudara yang lebih lemah, sebagai sumbahan kepada Tuan Yesus.

Seorang Kristian dihukum mati. Sebelum dibunuh, dia diberi peluang untuk bertemu dengan isterinya. Kata terakhirnya kepada isteri ialah, “Kamu mesti tahu bahawa saya mati dengan mengasih orang yang bunuh saya. Mereka tidak tahu apa yang dilakukan mereka. Permintaan terakhir saya ialah kamu sekalian juga mengasihi mereka. Jangan ada apa-apa benci pun di dalam hatimu sebab mereka telah bunuh suamimu. Kita akan bertemu di syurga.” Kata ini memberi kesan kepada seorang pegawai polis gelap yang mengawasi pertuturan antara suami isteri itu. Kemudian pegawai itu pun dimasuki penjara sebab telah menjadi seorang Kristian. Dia sendiri yang memberitahu saya hal tersebut.

Di penjara Tirgu-Ocna ada seorang banduan yang agak muda, yang bernama Matchevici. Dia dimasuki penjara pada usir 18. Oleh sebab seksaan, dia pun menghidapi penyakit tuberculosis. Keluarganya mendapatinya sedang hampir mati, dan mengirimkan seratus botol streptomysin, yang mungkin akan menyelamatnya. Pegawai politik penjara itu pun memanggilnya dan menunjukkan bungkusan ubat itu dan kata, “Inilah ubat yang dapat selamat kamu. Tetapi mengikut undang, kamu tidak dibenarkan untuk menerima apa-apa daripada keluargamu. Sebagai peribadi, saya ingin menolong kamu. Kamu masih muda. Saya tidak sampai hati nampak kamu mati di penjara. Tapi kamu mesti menolong saya juga. Berilah saya berita akan banduan-banduan lain, begitu saya pun ada alasan kepada orang atasan kenapa saya memberi ubat itu kepada kamu.” Matchevici jawab, “Saya tidak ingin hidup dan nampak diri saya sebagai seorang pengkhianat. Saya tidak dapat menerima syarat ini. Saya lebih suka mati.” Pegawai itu pun berjabat tangan pemuda ini dan kata, “Taniah! Saya pun tidak ingin kamu akan memberi jawapan lain. Tetapi saya ada satu lagi

cadangan. Ada banduan yang telah menjadi agen kami. Mereka kata bahawa mereka telah bertukar hati dan menjadi Komunis, dan mereka selalu kata buruk di belakang kamu. Mereka bermain dua muka. Kami tidak sangat percaya akan mereka. Kami hendak tahu adakah berapa tahapnya kejujuran mereka. Kepada kamu, mereka itu pengkhianat. Mereka selalu lapor akan kamu. Saya boleh faham bahawa kamu tidak ingin mengharamkan saudara-saudara kamu. Tetapi melaporkan pengkhianat-pengkhianat rupanya okay? Dan itu akan menyelamatkan jiwamu!” Matchevici terus menjawab seperti dulu, “Sayalah pengikut Kristus. Kristus telah ajar mengasihi musuh kita. Pengkhianat-pengkhianat yang tuan sebut itu memang menyusahkan hati kami, tetapi saya tidak dapat membalas dendam. Saya tak akan beri apa-apa infomasi tentang mereka juga.” Selepas pergualan dengan pegawai itu, Matchevici pun mati di dalam penjara, sebilik dengan saya. Saya nampak bagaimana dia mati – dia memuji Tuhan. Kasih telah menakluk hasrat semulajadi untuk hidup.

Jika seorang miskin amat berminat dalam musik, dia akan membelanja duit terakhirnya untuk mendengar musik. Selepas itu dia pun jadi kosong, tetapi hatinya dia berpuas. Sebab dia telah dengar sesuatu yang amat elok.

Saya tidak kecewa untuk banyak tahun yang telah dibelanjakan di dalam penjara. Saya telah nampak hal-hal yang amat elok. Di dalam penjara sayalah lemah dan tidak berkesan, tetapi dapat peluang bersama dengan orang yang agung, pahlawan iman yang menyerupai orang-orang Kristian pada kurun pertama. Mereka sudi mati untuk Kristus. Keelokan jiwa mereka terlepas kata.

Hal-hal yang dikatakan saya di sini bukanlah yang luar biasa.

Hal-hal yang aneh ini telah menjadi biasa bagi Kristian di Gereja Bawah Tanah.

Jemaah bawah tanah ini adalah jemaah yang mendapat semula *kasih pertama*.

Sebelum masuk penjara, saya kasih Kristus. Selepas nampak keelokan Pengantin Perempuan Kristus, saya mesti kata saya kasih jemaah bawah tanah ini seperti saya kasih Kristus. Saya telah nampak keelokannya, dan semangat mengorbankan dirinya.

### **Apa terjadi dengan anak dan isteriku**

Saya telah terpisah dengan anak dan isteri. Saya tidak tahu apa yang terjadi terhadap mereka. Saja selepas banyak tahun baru dapat saya dengar bahawa isteri dimasukkan penjara juga. Wanita Kristian mengalami penderitaan jauh lebih dashyat daripada lelaki di dalam penjara. Gadis-gadis dirogol pengawas-pengawas yang kejam. Ejekan dan permainan itu ngeri. Wanita dipaksa bekerja di sebuah saluran sungai, dan mereka kena menyiapkan sasaran kerja yang sama dengan lelaki. Mereka menggorek tanah pada musim sejuk. Pelacur-pelacur menjadi ketua-ketua dan bertanding untuk menyeksa wanita yang beriman. Isteri saya pernah makan rumput seperti lembu untuk kehidupan. Salah sejenis perhiburan pengawas adalah melemparkan wanita ke dalam sungai Danube pada musim sejuk. Isteri saya juga dipermainkan sebegitu.

Anak saya Mihai tertinggal perseorangan. Dia kena mencari makan di jalan besar. Sejak kecil dia kuat beriman dan sangat minat dalam hal agama. Pada umur sembilan, apabila ibu bapanya telah dirampas, hatinya jadi pahit, dan dia mula menyoalkan akan

Kristus. Dia kena menghadapi masalah yang tidak dihadapi budak-budak biasa. Dia kena mencari makan untuk dirinya.

Di negara Komunis, membantu keluarga Kristian adalah sejenis jenayah. Selepas ibubapa dipenjarakan, anak-anak mereka patut dibiarkan mati lapar. Dua wanita yang menolong Mihai telah ditangkap dan dipukul hebat. Kedua-dua masih berjalan lumpur sehingga hari ini (iaitu selepas 15 tahun.) Seorang lagi wanita yang membawa Mihai balik ke rumahnya didenda dengan lapan tahun penjara. Semua giginya ditendangkan keluar. Tulangnya dipatahkan. Selepas itu dia tidak sanggup bekerja lagi.

Pada umur sebelas, Mihai mula bekerja sebagai seorang dewasa. Penderitaan telah menggoncangkan imannya. Tetapi selepas dua tahun ibu dipenjarakan, Mihai mendapat kebenaran untuk melawat ibunya. Dia datang penjara dan nampak ibunya di belakang tiang besi. Emaknya kotor, kurus, dengan tangan yang kasar, memakai seragam penjara yang hodoh dan luntuh. Dia hampir tidak dapat mengenali ibunya. Kata isteriku yang pertama ialah: “Mihai, percaya pada Yesus!” Pengawas-pengawas naik angin, mereka terus menariknya keluar, tinggalkan Mihai. Mihai menangis nampak emaknya ditarik. Inilah saatnya kepercayaannya. Dia tahu jika Kristus dapat dikasihi di bawah keadaan demikian, inilah Juruselamat yang benar. Dia kata masa kemudian: “Jika agama Kristus tiada sokongan lain, kecuali emak saya yang percaya, ini sudahlah cukup bagi saya.” Inilah harinya yang menetapkan keimanannya.

Di sekolah Mihai kena bergelut untuk pelajarannya. Dialah seorang murid yang baik, jadi dihadaahi dengan tali leher merah. Inilah tanda kumpulan pemuda Komunis. Anak saya berkata,

“Saya tidak akan memakai tanda kuasa yang mempenjarakan ibu bapa saya.” Oleh sebab ini dia dibuang sekolah. Selepas kehilangan satu tahun, dia dapat masuk sekolah lagi, dengan melindungi bahawa ibu bapanya banduan Kristian.

Kemudian dia dikehendaki menulis sebuah karangan yang bertentangan dengan Alkitab. Di dalam karangannya, dia menulis, “Alasan-alasan untuk membantah Alkitab itu lemah, kutipan ayat untuk meruntuhkannya itu pun tidak betul. Nyatanya profesor itu belum membaca Alkitab! Alkitab itu tidak berlawanan dengan sains.” Semula lagi dia dibuang sekolah. Kali ini dia kehilangan dua tahun.

Pada akhirnya dia dibenarkan belajar di sekolah keagamaan Kristian. Di situ mereka mengajar *Fahaman Agama Marx*. Semua sesuatu diterangkan mengikut fahaman Karl Marx. Mihai membantah dengan terus terang di dalam kelas. Murid-murid lain pun menyokongnya. Akibatnya dia dibuang maktab itu juga. Dia tidak dapat menghabiskan pelajaran keagamaannya.

Ada sekali seorang profesor memberi ucapan ateis, anak saya pun berdiri dan menentangkannya, menyoalkan apakah tanggungjawabnya untuk mendustakan begitu ramai pemuda-pemuda. Semua rakan kelasnya menyokong. Adalah perlu untuk seorang berani bersuara, barulah orang lain dapat memberi sokongan. Untuk mendapat pelajaran, Mihai kena melindungi dirinya sebagai anak Wurmbrand. Tetapi hal ini sentiasa akan terbuka. Dan arahan pun datang: “ke bilik guru besar,” dan dibuang sekolah.

Mihai juga selalu mengalami kelaparan. Keluarga Kristian di negara Komunis hampir semua mengalami kebuluran. Untuk menolong mereka adalah jenayah yang hebat.

Saya saja memberitahu kamu salah satu kejadian yang saya mengetahui secara peribadi. Ada seorang saudara dimasukkan penjara sebab kegiatannya di dalam Gereja Bawah Tanah. Dia meninggalkan isteri dan enam anak. Anak sulung dan anak keduanya adalah dua perempuan yang berumur sembilan belas dan tujuh belas. Mereka tidak diberi kerja sebab bapa mereka Kristian yang dipenjarakan. Di negeri Komunis, kerajaan adalah majikan yang tunggal. Sila jangan memberi hakiman dengan kejadian di bawah ini. Saja terimalah ini sebagai sesuatu kebenaran. Dua anak gadis Kristian ini pun menjadi sunda untuk dapat rezeki bagi adik-adik kecil mereka, dan juga emak mereka yang sakit. Adik lelaki mereka yang berumur empat belas tahun itu jadi gila setelah mengetahui hal ini. Dia kena dimasukkan rumah sakit jiwa. Selepas banyak tahun, bapa mereka lepas penjara. Apabila dia nampak apa yang terjadi, dia pun berdoa: “Tuhan, bawalah saya kembali ke dalam penjara semula. Saya tidak sanggup nampak semua ini.” Doanya ditunaikan. Dia dimasukkan penjara semula sebab bersaksi kepada budak-budak. Kini anak perempuannya tidak menjadi sunda lagi. Mereka telah diberi kerja dengan menerima syarat polis gelap, iaitu menjadi agen polis. Oleh sebab merekalah anak Kristian syahid, mereka dihormati di semua keluarga-keluarga Kristian. Jadi mereka dapat dengar segala kegiatan Kristian dan melaporkan kepada polis gelap. Jangan hakim ini sebagai hal hodoh. Tentu inilah hodoh. Tetapi tanyalah dirimu, adakah ini disebabkan kekurangan sokongan kita?

# Bab 3

## Ditebus dan dibebaskan ke Barat

Saya telah membelanja sejumlah empat belas tahun di dalam penjara. Di sepanjang masa ini saya tidak pernah nampak sebuah Alkitab atau apa-apa buku lain. Saya telah lupa bagaimana untuk menulis. Sebab kebuluran, ubat jiwa dan seksaan, saya lupa juga ayat-ayat suci. Tetapi pada hari yang saya memenuhi empat belas tahun, ada sesuatu ayat kitab termuncur di dalam akal saya: “Yakub bekerja untuk Rachel selama empat belas tahun. Ini dianggapnya pendek masanya, sebab dia kasih.”

Sekejap selepas ini saya pun dilepaskan melalui kebebasan umum di negara kami, yang kebanyakan oleh sebab pengaruh perasaan rakyat Amerika.

Saya dapat nampak isteri semula. Dia menunggu dengan ikhlas untuk saya selama empat belas tahun ini.

Kami bermula hidup baru ini dalam keadaan yang amat miskin, sebab apabila seorang ditangkap, semua hartanya pun dirampas kerajaan.

Seorang pendeta atau paderi yang terlepas boleh mendapati sebuah gereja kecil sebagai kawasan perlayannya. Saya pun diberi sebuah gereja di bandar Orsova. Jabatan Kepercayaan Palsu Komunis pun memberitahu saya bahawa gereja itu ada 35 orang ahlinya. Jika kehadiran menjadi 36, saya akan ada masalah. Saya juga dijadikan agen mereka, dan kena membuat laporan kepada

polis gelap, dan juga mesti memastikan tiada orang muda yang masuk ke dalam gereja.

Saya tahu jika saya berkhotbah, ramai akan datang. Saya pun tidak cuba berkhotbah di gereja rasmi itu. Saya bekerja di Gereja Bawah Tanah semula, mengambil bahagian dalam segala keelokannya dan kebahayaannya.

Pada masa saya dipenjarakan, Tuhan telah bekerja dengan ajaib. Gereja Bawah Tanah kami tidak lagi ditinggalkan persendirian. Orang-orang Amerika dan negara-negara lain telah mula datang menolong dan berdoa untuk kami.

Pada suatu petang, sedangkan saya rehat sebentar di sebuah rumah saudara, saudara itu membangunkan saya lalu berkata, “Saudara-saudara luar negeri telah datang.”

Di bilik sebelah saya pun terjumpa dengan enam saudara yang sedang membawa bantuan dan buku-buku penyeludupan Kristian bagi kami. Kami asyik bertuturan. Akhirnya mereka kata bahawa mereka ingin bertemu dengan sesuatu orang pendeta yang dipenjarakan empat belas tahun, yang beralamat rumah itu. Saya kata sayalah orang itu. Mereka kata, “Tak mungkin! Kami ingin akan bertemu dengan seorang yang agak sedih. Kau tak rupa sedih pun?” Saya pun menegaskan bahawa saya keriangian sebab mereka datang! Sejak itu, bantuan Barat bermula datang dengan tetap. Kami mendapat bantuan untuk keluarga Kristian yang dipenjarakan, serta alkitab dan buku-buku Kristian lain. Kerja kami jadi lancar.

Bukan saja mereka memberi kami bantuan, tetapi juga memberi kami ketenangan hati.

Pada tahun-tahun cuci otak di dalam penjara, kami selalu dengar: “Tiada orang kasihmu, tiada orang kasihmu, tiada orang

kasihmu.” Kini kami nampak orang Amerika dan England mengabaikan nyawa mereka untuk menunjukkan bahawa mereka sayang kami. Mereka mengambil nasihat kami dan mendirikan cara kerja gelap. Mereka dapat masuk ke dalam rumah yang diawasi polis gelap, dan polis-polis itu masih tidak tahu mereka sudah masuk.

Nilai Alkitab yang diseledupkan masuk secara itu tidak dapat difahami orang Amerika atau orang England, yang hidup di dalam negara yang dipenuhi Alkitab.

Keluarga saya dan diri saya tidak dapat hidup tanpa bantuan Kristian luar negeri itu. Begitu juga dengan pendeta-pendeta gelap di lain-lain negara Komunis. Saya boleh memberi saksi untuk jasa European Christian Mission dari Great Britian. Mereka serupa malaikat yang dikirimkan Tuhan.

Oleh sebab saya teruskan kegaitan Gereja Bawah Tanah, kedudukan saya amat bahaya. Bila-bila pun saya akan ditangkap semula. Pada masa itu, dua pertubuhan Kristian – *Norwegian Mission to the Jew* dan *Hebrew Christian Alliance* – pun membiaya tebusan \$ 6,000 untuk saya, dan saya dapat keluar dari Rumania.

## **Kenapanya saya tinggalkan negara tanah air**

Saya tidak akan meninggalkan jemaah saya – walaupun berada dalam bahaya – jika Gereja Bawah Tanah tidak suruh saya membawa khabar Gereja Bawah Tanah kepada dunia bebas. mereka ingin saya memberitahu kamu akan kesengsaraan dan keperluan mereka. Saya datang kepada kamu, tetapi hati saya

tinggal bersama mereka. Jika saya tidak faham akan keperluan hebat untuk kamu mendengar akan sengsara kerja penting jemaah sulit itu, saya tidak akan meninggalkan Rumania.

Sebelum meninggalkan Rumania, dua kali polis gelap telah memanggil saya untuk pertemuan. Mereka memberitahu saya bahawa mereka telah dapat duit tebusan bagi saya (Rumania sedang menjual rakyatnya untuk duit, sebab kesulitan kewangannya selepas jajahan Komunis.) Mereka pun memberitahu saya, “Pergilah ke Barat dan berkhotbah sebanyak semungkin, tetapi jangan sentuh akan kami. Jangan cakap sepatah ayat tentang kami! Kini kami berkata dengan terus terang, jika kau berani, dengan \$ 1,200 , kami boleh dapat seorang samseng dan menghapuskan kau. Atau kami juga dapat menculik kau (Saya pernah sebilik penjara dengan Biskop Oktodos Vasile Leul yang diculik di Austria dan dibawa balik ke Rumania. Setiap kuku jarinya pun ditarik keluar. Saya juga bersama orang lain yang diculik dari Berlin. Tidak lama dulu, ada juga orang Rumania yang diculik dari Itali dan Paris.) Mereka juga memberitahu saya, “Kami juga dapat memusnahkan nama kau, dengan berkata akan cerita kau dengan seseorang gadis, atau pencurianmu, atau dosa lain pada masa mudamu. Orang-orang Barat – terutama orang Amerika – mudah saja ditipu.”

Selepas mengancam saya, mereka pun melepaskan saya ke Barat. Mereka beryakin dengan rancangan cuci otak mereka. Di Barat ada ramai orang yang pernah melalui seksaan cuci otak di bawah rejim Komunis seperti saya. Semua orang pun berdiam sampai sekarang. Bahkan ada biskop di antara mereka yang kini memuji fahaman Komunis. Jadi Komunis agak yakin bahawa saya pun akan berdiam.

Pada Desember 1965, saya sekeluarga pun meninggalkan Rumania.

Perbuatan terakhir saya sebelum tinggalkan ialah pergi ke kubur seorang pegawai polis yang memberi arahan untuk menangkap saya, dan yang menyebabkan saya diseksa bertahun-tahun. Saya letakkan bunga di atas kuburnya. Dengan itu saya menyerahkan diri untuk membawa keriangian Kristus kepada semua Komunis yang begitu hampa dalam rohani.

Saya benci sistem Komunis, tetapi saya mengasihi orang Komunis. Saya benci dosa, tetapi saya kasih pendosa. Saya kasih orang Komunis dengan sepenuh hati. Orang Komunis boleh membunuh Kristian, tetapi mereka tidak dapat membunuh kasih Kristian. Saya tiada berdendam terhadap orang Komunis atau kaki-tangan mereka yang menyeksa saya.

## *Bab 4*

# Mengalahkan fahaman Komunis dengan kasih Kristus

Orang Yahudi ada sebuah cerita lama: Apabila nenek moyang mereka diselamatkan daripada orang Mesir, dan tentera Mesir sedang termusnah di Laut Merah, malaikat-malaikat pun menyanyi lagu kemenangan bersama-sama orang Israel. Tuhan pun tanya para malaikat, “Orang Yahudi memang sajalah manusia. Mereka tentu gembira sebab diselamatkan. Tetapi saya rasa kalian patut lebih kefahaman. Bukankah orang Mesir jugalah ciptaan saya? Tidakkah saya sayang mereka juga? Bagaimana kamu sekalian tidak rasa kesedihan saya akan kemalangan mereka itu?”

“Ketika Yosua berada dekat kota Yerikho, tiba-tiba dia nampak seorang lelaki dengan pedang terhunus, yang berdiri di depannya. Yosua menghampirinya dan bertanya, “Kau ini bagi kami, atau bagi musuh?” (Yosua 5:13)

Jika orang yang ditemui Yosua itu saja seorang manusia, dia boleh jawab “Saya bagi kau,” atau “Saya bagi musuh kau,” atau “Saya tidak menyokong mana-mana pihak pun.” Inilah semua kemungkinan bagi seorang manusia. Tetapi makhluk yang ditemui Yosua itu bukan manusia, jadi jawapannya sukar sekali difaham:

“Bukan.”

Apakah maksudnya, “Bukan”?

Dia datang dari tempat yang tidak membelahi siapa-siapa. Setiap orang pun dikasihinya dengan sepenuh hati. Di sana semua hal pun dipandang dengan hati yang besar dan rahmat.

Di dunia ini, kita hidup di dalam taraf kemanusiaan. Di taraf ini, kita patutlah menentangi fahaman Komunis dengan tetap. Kita juga terpaksa melawani orang Komunis, sebab merekalah penyokong fahaman jahat itu.

Tetapi orang Kristian adalah lebih daripada manusia. Mereka jugalah anak-anak Tuhan, mereka bersifat ketuhanan.

Jadi, seksaan yang dialami di dalam penjara Komunis tidak menyebabkan saya membenci orang Komunis. Mereka jugalah ciptaan Tuhan. Bagaimana dapat saya benci mereka? Tetapi saya juga tidak dapat menjadi kawan mereka. Kawan ertinya satu jiwa di dalam dua dada. Saya tidak sehati dengan orang Komunis. Mereka benci nama Tuhan. Saya kasihi Tuhan.

Jika ada orang tanya saya, “Adakah kamu menyokong Komunis, atau menentang mereka?” Jawapan saya pun amat rumit. Fahaman Komunis adalah jahat sekali bagi manusia. Saya semata-matanya menentangnya, dan ingin meruntuhkannya semua sekali. Tetapi di dalam roh, saya sedang duduk di kalangan “Bukan.” Di sana semua orang Komunis dikasihi, tidak kira betapa jahatnya. Di kalangan itu, malaikat-malaikat cuba membantu orang mencapai kepada peringkat yang dicadangkan bagi mereka, iaitu menjadi seperti Kristus. Jadi tujuan saya adalah menyebarkan Berita Baik kepada orang Komunis, menunjukkan mereka jalan nyawa yang kekal.

Kristus, iaitu Tuhan saya, mengasihi orang Komunis. Dia pernah berkata bahawa dia sayang setiap manusia, dan Dia rela meninggalkan 99 ekor biri-biri yang jujur, supaya dapat menyelamatkan satu yang tersesat itu. Pengikut-pengikutnya dan semua guru-guru agung Kristian juga mengajar kasih yang lumayan ini. St Macary berkata, “Jika seorang sayang segala manusia kecuali satu, orang ini bukan Kristian. Sebab kasih orang itu tidak sempurna.” St Augustine mengajar, “Jika semua manusia pun berikhlas dan satu saja yang berdosa, Kristus juga akan turun dan mengalami kesaliban, saja untuk menyelamatkan orang itu. Kasih Kristus begitu berperibadi.” Ajaran Kristus adalah jelas. orang Komunis adalah manusia, dan Kristus sayang mereka. Begitu juga setiap orang yang berfikiran Kristus. Kita sayang pendosa walaupun kita benci dosa mereka.

Dengan mengasihi Komunis, kita pun tahu bagaimana Tuhan sayang manusia.

Saya pernah nampak Kristian di penjara Komunis, diikat dengan rantai besi seberat 50 pound di atas kaki, disiksa dengan besi terbakar merah-merahan, diisi penuh garam di kerongkong, kemudian tidak diberi air berjam-jam, dilaparkan, dirotan, kena dingin, tetapi masih berdoa untuk keselamatan orang-orang Komunis. Inilah hal yang tiada kemungkinan bagi manusia. Inilah kasih Kristus, yang diberinya ke dalam hati kita.

Selepas itu, orang Komunis yang menyiksa kami itu akan dimasuki penjara juga. Sebab di bawah sistem Komunis, sering kali anggota-anggota Komunis juga dimasukkan penjara, hampir serapat kalinya seperti seteru-seteru mereka. Ini termasuk pemimpin-pemimpin Komunis. Kini orang yang menyiksa duduk bersama mangsa-mangsa mereka. Apabila banduan-banduan

bukan Kristian mula memukul si penyeksa dulu itu, orang Kristian pun mempertahankan mereka, sehingga diri sendiri pun kena pukul. Kristian-Kristian itu pun disalahfaham sebagai penyokong Komunis. Saya pernah nampak orang Kristian memberi roti terakhir mereka (pada masa itu kami diberi sekeping roti seminggu) dan ubat yang dapat menyelamatkan nyawa diri mereka kepada seseorang Komunis yang sakit, yang dulunya penyeksa mereka.

Kata terakhir Iuliu Maniu, pertama menteri Kristian yang terakhir, bila beliau hampir mati di dalam penjara ialah, “Kalau suatu hari Komunis runtuh di negara kita, tugas tersuci bagi setiap Kristian adalah pergi ke jalan besar dan mempertahankan orang Komunis daripada murka orang ramai.”

Apabila saya baru percaya pada Yesus, saya rasa susah untuk hidup. Bila-bila saya berjalan di bandar, saya rasa sakit untuk setiap jiwa yang melalui. Serupa sebilah pisau yang menikam hati saya. Saya sentiasa tanya: “Adakah orang ini telah selamat?” Jika salah seorang anggota gereja saya berdosa, saya akan menangis untuk beberapa jam. Saya rindu setiap jiwa, termasuk Komunis.

Di dalam penjara bilik perseorangan, kami tidak dapat berdoa seperti dulu. Kami amat lapar; kami juga diberi ubat jiwa sehingga jadi beku dan bergerak seperti sebuah jentera. *Doa Yesus* terlalu panjang bagi kami. Kami tidak sangkup menumpulkan hati untuk menghabiskannya. Saya saja dapat mengulangkan doa ini: “Yesus, ku sayangMu.”

Akhirnya saya dapat jawapan daripada Yesus: “Kamu sayang sayakah? Kini saya akan tunjukkan kamu bagaimananya saya sayangmu.” Dengan segera saya rasa hati saya bernyala seolah-olah matahari. Pengikut-pengikut Yesus di jalan Emmaus berkata bahawa hati mereka serupa api yang bernyala sedangkan Yesus

bercakap dengan mereka. Begitu juga dengan saya. Saya pun mengetahui apanya kasih seseorang yang mengorbankan diri di atas salib. Kasih yang sebegitu tidak mengecualikan orang Komunis, tidak kira berapa teruknya dosa mereka.

Komunis telah berjenayah, dan masih lagi. Tetapi “air yang banyak tidak dapat memadamkan cinta, sungai-sungai tidak dapat menghanyutkannya... Cinta kuat seperti maut, kegairahan gigih seperti dunia orang mati.” Seperti maut pasti hendak mendapati semua orang - baik orang kaya mahupun orang miskin, orang muda mahupun orang tua, setiap bangsa, setiap negara dan setiap parti politik, orang keramat mahupun orang jenayah – begitu juga dengan kasih yang tulin. Kristus, iaitu Cinta yang menjadi Manusia, tidak akan berhenti sebelum Ia dapat setiap orang Komunis.

Seorang pendeta dilemparkan ke dalam bilik kami. Dia sudah setengah mati. Darahnya mengalir dari mukanya dan tubuhnya. Dia telah dipukul teruk. Kami mencucinya. Ada rakan banduan pun mengutuk orang Komunis. Tetapi pendeta itu kata, “Jangan kutuk. Sila diam. Saya ingin doa untuk mereka.”

## **Bagaimana bersukacita – bahkan di penjara**

Apabila saya renung akan empat belas tahun yang terlepas di penjara, masa itu merupakan waktu yang amat gembira. Banduan-banduan lain dan pengawal-pengawal juga hairan kenapa orang Kristian dapat gembira dalam keadaan yang teruk itu. Kita tidak dapat dihentikan menyanyi, walaupun kita akan dipukul kerana ini. Seekor burung akan bernyanyi walaupun ia tahu ia akan dibunuh

selepas nyanyian. Orang Kristian menari di dalam penjara oleh sebab gembira.

Saya sentiasa renung akan kata Yesus kepada pengikut-pengikutnya, “Bahagialah mata yang nampak hal-hal yang kamu nampak itu.” Pengikut-pengikutnya baru pulang melalui Palestine, yang dijajahi kejam oleh bangsa asing(Roma). Di setiap kawasan juga boleh nampak orang sakit, orang lapar dan dukacita. Mereka masuk rumah yang ketua rumahnya sudah dimasukkan penjara, meninggalkan isteri atau ibubapa tua yang menangis. Ini bukan gambar yang seronok.

Tetapi Yesus masih kata, “Bahagialah mata yang nampak apa yang kamu sekalian nampak itu.” Sebab mereka bukan saja nampak sengsara, tetapi juga nampak Juruselamat untuk mengatasi segala sengsara itu, iaitu Pencipta yang abadi, Sasaran hidup untuk setiap manusia. Untuk kali yang pertama, beberapa ulat yang hodoh mula faham bahawa selepas hidupan yang sulit ini, mereka akan kembang menjadi rama-rama yang cantik, dan dapat terbang di antara bunga-bunga. Inilah keriangannya kita.

Di keliling saya ada orang seperti nabi Ayub, bahkan ada yang menderita lebih teruk daripada Ayub. Tetapi saya tahu apa yang terjadi kemudian; Ayub dapat dua kali ganda daripada masa dulu. Di sekeliling saya ada orang yang serupa Lazarus yang lapar, yang dipenuhi bisu-bisu tanpa rawatan. Tetapi saya juga tahu bahawa malaikat-malaikat akan datang dan membawa mereka ke dalam pelukan Abraham. Saya nampak mereka seperti masa yang akan datang. Saya nampak di dalam syahid yang lemah dan kotor itu, kecermelangan sebagai orang salih yang bermahkota.

Dengan nampak orang secara ini, iaitu kerupaan mereka pada masa yang akan datang, saya juga dapat nampak di antara

penyiksa-penyiksa seperti Saulus dari Tarsus, kerupaan Santu Paulus. Ada yang telah menjadi sebegitu. Pegawai-pegawai polis gelap yang kita memberi saksi Kristian itu ada yang menjadi Kristian kelak. Kni mereka gembira menderita kurungan penjara oleh sebab kepercayaan baru ini. Kami nampak di antara penjaga-penjara yang pukul kami itu kemungkinan menjadi seperti pegawai Roma di penjara Filippi itu, yang mula-mulanya memukul Paulus dan kemudian bertaubat. Kami mimpi bahawa penjaga-penjaga kami juga akan bertanya, “Apa yang patut saya buat untuk selamat?” Di antara mereka yang mengejek sedangkan orang-orang Kristian dicemarkan dengan tahi dan diikat di atas salib, kami nampak orang yang akan sesal dan memukul dada sendiri, seperti askar-askar yang menyalibkan Yesus itu.

Di dalam penjara kita dapat harapan untuk orang-orang Komunis. Mereka juga boleh diselamatkan. Di penjara juga kita dapat rasa bertanggungjawab untuk mereka. Selepas disiksa mereka, barulah kita tahu mengasihi mereka.

Sebahagian besar keluarga saya telah dibunuh. Dan di dalam rumah sayalah yang si pembunuh mereka itu dibaptiskan. Ini jugalah tempat yang paling sesuai. Di penjara Komunis, saya dapat keinginan untuk mendirikan sebuah persatuan untuk keselamatan orang-orang Komunis.

Tuhan nampak segala hal berlainan daripada pandangan kita, sama seperti pandangan kita berbeza daripada seekor semut. Daripada segi manusia, diikat diatas salib dengan tahi adalah hal yang amat ngeri. Tetapi Alkitab kata sengsara ini sajalah masaalah “ringan”. Melalui empat belas tahun di dalam penjara adalah masa yang panjang bagi kita. Tetapi Alkitab kata inilah “Sajalah sebentar, yang akan mendapati bagi kita kemuliaan yang agung.”

Jadi, kita pun sangka segala dosa hebat Komunis adalah ringan bagi Tuhan. Walaupun segala jenayah itu teruk di dalam pandangan kita. Kekejaman Komunis yang sepanjang 50 tahun ini, mungkin saja serupa sekejap di mata Tuhan. Orang Komunis masih dapat diselamatkan.

Yerusalem syurgawi itulah serupa seorang ibu, dan ia tetap kasih seperti seorang ibu.

Pintu gerbang syurga tetap terbuka untuk orang Komunis. Cahayanya bersinar bagi mereka juga. Mereka boleh bertaubat seperti sesiapa pun.

Saja dengan kasih, barulah dapat kita menukar orang Komunis (kasih ini bukan bermakna menyetujui kekejaman mereka.) Kebencian membutakan orang. Hitler adalah seorang anti-Komunis. Tetapi dia benci. Jadi dia tidak dapat mengatasi Komunis, sebaliknya dia menolong mereka menjajahi sepertiga dunia.

Kita mencadangkan sebuah pertubuhan perkhutbahan untuk mendapati orang-orang Komunis.

Yang terutama, kita mesti fikir untuk ketua-ketua Komunis.

Ramai ketua misi rupanya tidak pernah baca sejarah gereja. Bagaimana Norway mendapat Kristus? Dengan penaubatan raja Olaf. Rusia mendapat Berita Baik apabila rajanya Vladimir berpulih hati. Hungary juga didapati setelah rajanya St Stephen memeluk Kristus. Begitu juga dengan Poland. Di Afrika, apabila ketua suku bangsa percaya, semua rakyatnya pun ikut. Kita sebaliknya mendirikan misi untuk mendapat orang-orang biasa, yang mungkin menjadi Kristian yang amat baik, tetapi tidak dapat mengubah keadaan masyarakat.

Kita mesti mendapati pemimpin; iaitu pemimpin di kalangan

politik, ekonomi, sains, seni-seni. Merekalah juru-juru jiwa. Mereka akan membentuk hati orang. Dengan mendapati mereka, kamu pun mendapat orang-orang yang dipengaruhi mereka.

Dari segi pandang misi, fahaman Komunis mempunyai sejenis kelebihan yang tidak didapati dalam pertubuhan sosial lain. Iaitu pusat kuasanya yang tetap.

Jika seorang president USA telah memeluk agama Mormonism(sejenis Kristian yang menyeleweng,) seluruh Amerika tidak akan menjadi Mormon sebab itu. Tetapi jika Mao Tse-tung menjadi Kristian, atau Brezhnev atau Ceausescu, seluruh negara mereka pun akan ikut. Begitu besarnya kuasa pemimpin Komunis.

Bolehkah pemimpin Komunis ditukarkan kepercayaan? Tentu boleh, sebab mereka amat sedih dan berasa kurang aman, sama seperti mangsa-mangsa mereka. Hampir semua pemimpin Komunis Rusia akhirnya dimasukkan penjara atau ditembak mati oleh rakan-rakan diri mereka. Begitu juga kejadiannya dengan ketua-ketua Komunis di Cina. Bahkan menteri hal-ekwal dalam negeri Soviet seperti Iagoda, Yezhov, Beria, yang pada suatu masa berkuasa besar sekali, akhirnya juga ditemui dengan takdir serupa sesiapa anti-Komunis yang tertangkap: sebutir peluru di belakang leher. Tidak lama dulu menteri hal-ewal negeri Rusia, Shelepin, dan menteri hal-ehwal negeri Yugoslavia, Rankovic, kedua-dua dibuang kerja seperti kain kotor.

**Bagaimana dapat kita menyerang fahaman Komunis secara**

## **rohani**

Penjajahan Komunis tidak membawa keriangian kepada sesiapa pun, termasuk kepada pemimpin-pemimpinnya. Mereka juga bergentar mendengar van polis datang pada waktu malam. Arahan parti bila-bila pun boleh bertukar.

Saya berkenalan dengan ramai pemimpin Komunis secara pribadi. Mereka adalah orang yang berbeban berat. Saja Yesus dapat memberi mereka rehat.

Mendapat pemimpin Komunis untuk Kristus bererti menyelamatkan dunia daripada pemusnahan nukler, dan juga daripada kebuluran. Kini dunia kita sedang membazirkan sumbernya untuk membuat senjata. Mendapati pemimpin Komunis ertinya menamatkan permusuhan di antara negara. Ia juga akan menyukai hati Kristus dan malaikat-malaikat. Itulah kemenangan gereja. Di segala wilayah di mana pekerja-pekerja misi Kristian sedang bergelut dengan susah-payah, seperti di New Guinea atau Madagascar, akan diselesaikan dengan lancar jika pemimpin Komunis tempatan di situ menerima Yesus.

Saya berkenalan dengan Komunis yang sudah bertaubat. Saya sendiri jugalah seorang yang tidak percaya pada Tuhan pada masa muda. Seorang ateis atau Komunis yang telah bertaubat akan menyayangi Kristus dengan sepenuh hati, sebab mereka pernah berdosa hebat.

Cara fikir kita mesti dikemaskan. Daripada segi keselamatan, setiap jiwa bernilai sama. Tetapi dari segi misi, bukan setiap jiwa pun sama penting. Adalah lebih mustahak untuk mendapat seorang yang berpengaruh di masyarakat, daripada seorang yang hidup di dalam hutan. Jadi Yesus pun berhasrat untuk menyempurnakan

kerjanya di Yerusalem, ibu kota rohani sedunia, dan bukan di sesebuah kampung kecil. Untuk tujuan yang sama ini Paulus berhasrat ke Roma.

Alkitab telah menyatakan, “Keturunan wanita akan mencederakan kepalamu (ular purba itu)” Tetapi kita saja mencakar di perutnya dan menggelakkannya. Kepala ular itu adalah di Moscow atau di Beijing, bukan di Tunisia atau di Madagasca. Misi kepada dunia Komunis sepatutnya menjadi sasaran utama bagi pemimpin-pemimpin gereja dan setiap Kristian yang dapat berfikir.

Kita patut melepaskan kerja hari-harian. “Sesiapa yang melakukan kerja Tuhan dengan bersia-sia, akan dikutuk.” Demikian katanya Alkitab. Jemaah Kristian patut menyerang fahaman Komunis dengan hebat, secara rohani.

Tiada sesesuatu perang boleh dimenang dengan menahan saja. Untuk menang, kita mesti menyerang. Kepada fahaman Komunis, jemaah Kristian sampai hari ini saja menahan, jadi kita kehilangan sebuah negara demi sebuah negara.

Segala jemaah mesti menukar dengan serta-merta. Mazmur berkata, Tuhan memotongkan gerbang besi. Gerbang Komunis sajalah permainan budak bagi Tuhan.

Jemaah Kristian kurun pertama menggunakan cara rahsia, dan melaksanakan tanpa kebenaran kerajaan, dan berjaya. Kita mesti belajar cara mereka sekali lagi.

Dulu saya tidak faham kenapa di Perjanjian Baru, begitu ramai yang menggunakan nama panggilan dan bukan nama sejati: Simon juga dipanggil Niko, Yohanes juga dipanggil Markus, dan lain-lain juga. Kini Komunis memberi kita faham kenapa nama panggilan itu diperlukan.

Pada masa dulu saya tidak faham kenapa bila Yesus hendak mengadakan sebuah jamuan malam, Dia tidak memberi alamat yang tetap, saja kata, “Pergilah ke dalam kota itu, mencari seorang yang membawa sebotol air.” Kini kami juga menggunakan tanda gelap serupa ini.

Dengan cara itu kita berjaya.

Tetapi di Barat, saya terjumpa dengan sesetengah pemimpin gereja yang tiada hati kasihan. Mereka tidak sayang orang Komunis, dan tidak sayang mangsa-mangsa yang diseksa Komunis.

Seorang tidak percaya akan ucapan doa-doanya. Dia saja percaya apa yang dia sudi mengorbankan nyawanya.

Gereja Bawah Tanah telah menunjukkan bahawa mereka sudi mengorbankan diri untuk kepercayaan mereka. Kini saya sedang meneruskan kegiatan yang boleh menyebabkan diri saya ditangkap semula oleh pihak kuasa Romania. Saya sedang memimpin sebuah misi rahsia. Saya percaya apa yang saya tulis.

Saya berhad bertanya pemimpin-pemimpin Amerika Syarikat: adakah kamu sudi mengorbankan diri untuk kepercayaanmu? Jikalau kamu suka memujikan fahaman Komunis, kenapa tidak datang ke Europah Timur atau ke Rusia untuk menjadi seorang pendeta kerajaan Komunis, supaya dapat melayani jiwa-jiwa di sini? Walaupun gaji di sini kurang, tetapi itu amat bermutu!

Sampai hari ini tiada seorang pun orang Amerika yang rela mengambil korban yang ringan sekali ini. Adakah mereka betul-betul percaya Yesus?

Tujuan bahasa manusia adalah untuk menyambungkan satu sama lain dalam kegiatan memburu binatang, menangkap ikan, dan untuk keperluan setiap hari. Bahasa ini boleh menunjukkan

perasaan satu sama lain, tetapi tidak cukup untuk menyampaikan rahsia ketuhanan atau hal rohani.

Begitu juga, tiada bahasa manusia dapat menyifatkan kekejaman Iblis. Bolehkah kamu katakan perasaanmu bila kamu dilemparkan ke dalam dapur api Nazi? Atau bolehkah kamu menyifatkan apabila anakmu dibuang ke dalam?

Jadi tidak kemungkin menyifatkan penderitaan Kristian di bawah seksaan Komunis.

Saya pernah dikurungkan sebilik dengan PM kami Lucretiu Patrascanu. Beliau adalah orang yang membawa Romania menjadi negara Komunis. Balasan rakan-rakannya baginya ialah mengurungkannya di sebuah hospital sakit jiwa (iaitu selepas pertemuannya dengan saya di sebuah penjara sulit.) Dia dikurungkan di sana sehingga jadi gila, walaupun dia bukan seorang mental. Komunis juga melayani setiausaha negara Ana Pauker secara demikian. Orang-orang Kristian juga ramai dilayani secara ini.

Apabila sedunia dengar akan keganasan Pengawal-pengawal Merah di kota-kota Cina, semua pun terkejut. Fikirlah apa yang dialami Kristian di dalam penjara Cina, yang tidak dituntun sesiapa pun.

Seorang penginjil yang mashyur di Cina dan juga Kristian-Kristian lain dipotong telinga, lidah dan kaki sebab enggan menafikan kepercayaan mereka.

Yang dahsyat sekali dengan Komunis bukanlah mereka menyiksa tubuh manusia. Mereka hendak menyesakkan fikiran orang, terutama pemuda-pemudi dan kanak-kanak. Mereka meletakkan ahli mereka di antara pemimpin-pemimpin gereja, supaya memusnahkan Jemaah. Mereka mengajar orang muda

jangan percaya pada Tuhan atau Kristus, sebaliknya patut membencikan Kristus.

Bagaimana dapat kita katakan kemalangan ini: Apabila seorang syahid Kristian yang dikurung banyak tahun itu, setelah dilepaskan dan kembali rumah, anak-anak sendirinya meringankannya dan mengejeknya. Komunis telah menukarkan anak-anak mereka menjadi ateis yang hebat semasa orang tua mereka ditahan.

Buku ini bukan ditulis dengan dakwah, melainkan dengan darah.

Tetapi seperti tiga rakan Daniel, selepas mereka keluar dari dapur api pembunuhan, badan mereka tidak berbau api; Kristian-Kristian yang mengalami penjara Komunis juga tiada sedikit pun bau kebencian tentang Komunis.

Jika kamu menghancurkan sekuntum bunga, ia akan memberi kamu wanyi yang harum. Begitu juga, selepas diseksa Komunis, orang Kristian memberi kasih yang tulin kepada penyeksa-penyeksa mereka. Kami telah membawa ramai waden penjara kepada Kristus. Kami saja ada satu harapan: memberi yang terbaik kepada orang-orang Komunis yang menyeksa kami, iaitu keselamatan Yesus.

Saya tiada kebahagiaan untuk mati demi Yesus. Saya telah dilepaskan dari kurungan dan datang ke Barat.

Di Barat, saya mendapati ramai pemimpin gereja langsung tidak serupa pemuja-pemuja di negara Komunis. Ramai Kristian Barat tidak mengasihi Komunis. Buktinya ialah mereka tidak cuba berkhotbah kepada Komunis. Mereka telah mendirikan misi untuk orang Yahudi, untuk Muslim, untuk Buddhist, bahkan misi untuk mengubah jenis Kristian lain, supaya Kristian-Kristian yang

bermazhab lain meninggalkan ajaran sendiri dan mengikut ajaran mereka. Tetapi mereka tiada misi untuk orang-orang Komunis. Mereka tidak mengasihi Komunis. Carey sayang orang India, Hudson Taylor sayang orang Cina, jadi mereka pun mendirikan misi kepada Cina dan kepada India masing-masing. Saja tiada orang Barat mendirikan sebarang misi kepada orang Komunis.

Ketua-ketua gereja Barat bukan saja tidak sayang orang Komunis dan tidak cuba menyelamatkan mereka, bahkan mereka bekerja sama dengan Komunis, mengekalkan kebutaan Komunis. Mereka menolong orang Komunis masuk ke dalam gereja-gereja di Barat, untuk memimpin Jemaah Kristian sedunia. Mereka menyebabkan Kristian-Kristian umum tidak tahu akan bahaya fahaman Komunis.

Selain daripada tidak sayang Komunis, dan tidak cuba menyelamatkan mereka untuk Kristus(alasan gereja Barat ialah negara Komunis tidak membenarkan orang berkhotbah akan Yesus, seolah-olah Kristian kurun pertama telah mendapat keizinan maharaja Roma untuk menginjil;) pemimpin gereja itu juga tidak sayang kambing-kambing diri mereka. Sebab jikalau Komunis tidak memeluk Kristus, mereka akan menyerang Barat, dan akan menghapuskan agama Kristian di Barat juga.

## **Ajaran sejarah yang telah dilupakan**

Pada kurun pertama, agama Kristian bermazmur di utara Afrika. Santo Augustine, Santo Athanasius, dan Tertulin semua datang dari tempat itu. Orang-orang Kristian di Utara Afrika saja tinggalkan satu tugas, iaitu berkhotbah kepada orang muslim.

Akibatnya Muslim pun menjajahi kawasan itu dan menghapuskan Kristian di sini selama beberapa kurun, sampai hari ini. Misi-misi Kristian masih memanggil utara Afrika sebagai “Kawasan yang mustahil untuk menginjil.”

Biarlah kita belajar daripada sejarah!

Pada masa Pemulihan Agama Kristian, hasrat Huss, Martin Luther dan Calvin untuk memulihkan agama Kristian sama dengan keinginan rakyat Europah untuk melepaskan diri daripada belenggu Paus(masa itu kuasa Paus amat besar, yang menindas politik dan ekonomi di banyak negara Europah). Hari ini juga sama. Keinginan Gereja Bawah Tanah adalah sama dengan keinginan segala rakyat dunia yang bebas.

Tiada apa-apa kuasa politik boleh meruntuhkan fahaman Komunis. Komunis mempunyai kuasa nuklear. Menggunakan kuasa tentera tentang mereka akan mengorbankan berjuta-juta manusia. Lagi pun ramai pemimpin negara-negara Barat telah dicuci otak, dan tidak ingin menjatuhkan pemimpin-pemimpin Komunis. Bahkan mereka sendiri juga berkata demikian. Pemimpin-pemimpin Barat itu saja hendak menghapuskan masalah dadah, kumpulan-kumpulan samseng, penyakit kanser, penyakit paru-paru dan sebagainya, tetapi bukan fahaman Komunis. Mereka tidak tahu bahawa fahaman Komunis membunuh lebih orang daripada segala penyakit dan kejahatan tersebut itu.

Pengarang Rusia Ilya Ehrenburg berkata, jikalau Stalin tiada apa-apa kerja lain, saja menyalinkan setiap nama orang yang dibunuhnya, dia pun tiada cukup masa sepanjang umurnya. Khrushchev juga berucap di mesyuarah ke 20 Komunis: “Stalin

telah membunuh beribu-ribu ahli Komunis yang jujur... di antara 139 orang jawatan kuasa yang terlantik pada Mesyuarat ke Tujuh Belas, ada 98 orang telah ditembak mati kemudian(di bawah arahan Stalin).”

Khrushchev menolak Stalin, tetapi dia sendiri juga meneruskan tindakan kekejaman. Gereja-gereja yang masih buka pada semasa itu, setengah jumlahnya ditutupnya selepas dia memegang kuasa.

Di Cina terdapat penganiayaan yang terbaru. Segala penyembahan rasmi sudah tertutup. Di Rusia dan Romania pun ada penangkapan yang baru.

Secara keras dan tipu-menipu, penguasa-penguasa negara Komunis ini sedang mengajar orang-orang muda supaya membencikan segala yang berasal daripada Barat, terutama agama Kristian.

Di Rusia selalu boleh nampak pegawai-pegawai tempatan berdiri di depan pintu gereja. Setiap kali ada budak datang, mereka akan disepat muka dan ditendang keluar. Komunis tidak mahu generasi baru dapat mengenali Kristus. Mereka sedang membela sebuah generasi untuk memusnahkan Kristian-Kristian di Barat.

Saja ada sejenis kuasa yang dapat meruntuhkan Fahaman Komunis, iaitu kuasa Injil. Dulu kuasa ini telah menukar kerajaan Roma dan orang-orang liar Teuton serta Vikings menjadi Kristian; ia juga telah meruntuhkan pejabat Penghakiman Agama Palsu di Europah pada kurun kesepuluh. Kini Gereja di Bawah Tanah ini adalah wakil kuasa ini.

Menyokong gereja ini bukan saja bermakna sama hati dengan orang yang terseksa, ia juga bererti menyelamatkan negara anda dan gereja anda. Inilah tugas utama bagi segala Kristian yang

bebas, dan juga segala negara yang bebas.

Gereja Bawah Tanah telah memenangi beberapa orang pemimpin Komunis. Pertama Menteri Rumania(Gheorghiu Dej) mati sebagai seorang yang telah bertaubat. Dia mengakui dosanya, dan tidak menyambungkan kejahatan dulunya. Di negara-negara Komunis, ada pegawai-pegawai Komunis yang sebenarnya ahli Kristian. Kalau terdapat lebih Kristian yang sebegitu, kita pun dapat harap penukaran benar di dalam kerajaan Komunis. Ini bukan penukaran di luar seperti perlakuan Tito dan Gomulka, melainkan pemulihkan kepada Kristus dan kebebasan.

Kini kita ada sesuatu peluang yang amat baik.

Komunis hari ini sedang menghadapi sesuatu kesulitan besar.

Ramai Komunis tetap percaya akan fahaman mereka, seolah-olah Kristian percaya pada Yesus Kristus. Mereka percaya fahaman Komunis boleh menciptakan gotong-royong di antara bangsa. Kini mereka nampak negara-negara Komunis sedang berlawanan satu sama lain seperti anjing-anjing bergaduh.

Mereka pernah percaya fahaman Komunis akan mencipta sebuah syurga di atas bumi(Utopia). Kini mereka nampak rakyat diri mereka kelaparan, dan terpaksa membeli makanan daripada negara-negara Kapitalis.

Mereka pernah percaya kepada pemimpin-pemimpin parti diri mereka. Kini mereka baca di surat khabar parti bahawa Stalin seorang pembunuh besar, Krushev seorang bodoh, dan pahlawan-pahlawan mereka seperti Rakosi, Gero, Anna Pauker, Rankovici, semuanya orang kasar dan tidak berperikemanusiaan. Orang Komunis tidak lagi percaya bahawa pemimpin mereka sentiasa betul dan tidak akan silap. Kini mata mereka terbuka. Mereka serupa seorang Katolik kehilangan Paus.

Di dalam hati orang Komunis terdapat sesuatu kekosongan. Hanya Kristus dapat memenuhi kekosongan ini.

Selepas seorang Kristian diseksa dan dipermainkan orang Komunis, dia akan melupakan segala kejahatan ini dan cuba membantu orang Komunis mendapati Kristus. Oleh sebab ini mereka perlu penolongan kita.

Kasih Kristian tidak mengecualikan sesiapa pun, tidak kira bangsa atau negara.

Pemimpin Kristian Barat berkata, Yesus mengajar kita untuk mengasihi orang musuh. Dan mereka pun berdamai dengan orang Komunis. Tetapi Yesus tidak pernah kata kita saja mengasihi musuh dan melupakan saudara.

Dengan berjamuan bersama-sama orang-orang yang tangannya dipenuhi darah Kristian, pemimpin-pemimpin Kristian Barat pun menganggap diri mereka telah memenuhi ajaran Yesus untuk menyayangi musuh-musuh. Mereka tidak rasa ingin memberi Berita Baik kepada para pembunuh. Mereka juga tidak ingin memberi apa-apa bantuan kepada saudara-saudara yang diseksa.

Selama tujuh tahun yang lepas, Jemaah Jerman (Protestan dan Katolik) telah memberi 125 juta USD untuk membantu orang kebuluran. Kristian Amerika memberi lebih.

Ramai yang menderita kelaparan. Tetapi saya tidak dapat membayangkan siapa yang lebih lapar daripada keluarga syahid Kristian. Mereka jugalah yang terlayak sekali untuk mendapat bantuan Kristian.

Tetapi adakah syahid Kristian ini dapat bantuan?

Saya ditebus oleh dua kumpulan Kristian. Ini membuktikan

bahawa Kristian di negara Romania pada masa itu boleh ditebuskan. Tetapi saya(dan keluarga saya) adalah Kristian yang tunggal yang ditebuskan. Ertinya Jemaah Barat telah terabai tugas mereka.

Kristian-Kristian pada kurun pertama tanya diri sendiri, adakah Tuhan memanggil mereka untuk menyelamatkan orang Yahudi saja, atau juga bangsa lain? Mereka dapat jawapan yang betul. Pada kurun Ke 20, soalan yang sama termuncul lagi: Adakah agama Kristian untuk rakyat Barat saja, atau juga untuk orang Timur(rakyat Komunis)? Apabila Yesus disalibkan, sebelah tangannya menghulu ke Barat, dan sebelah lain ke Timur. Dia bukan saja harap menjadi raja Yahudi, tetapi juga hendak menjadi raja bangsa asing; bukan saja untuk dunia bebas, tetapi juga untuk orang Komunis. Katanya: “Pergilah ke seluruh dunia, membawa Berita Baik kepada setiap orang.”

Dia telah melepaskan darahnya untuk semua, dan semua pun patut dengar Berita ini.

Yang memberi kita ketenangan besar ialah, apabila orang-orang Komunis menjadi Kristian, mereka dipenuhi kasih dan semangat. Saya belum jumpa seorang Kristian Rusia yang tidak berpanas hati.

Kristus kasih orang Komunis, dan ingin melepaskan mereka daripada fahaman Komunis; sebagaimana Dia melepaskan kita daripada dosa-dosa kita. Ada sesetengah pemimpin gereja Barat telah mengabaikan tujuan ini, dan membiarkan fahaman Komunis berkembang, menghalangkan keselamatan Komunis.

**Apa yang saya nampak setelah saya dilepaskan**

Setelah saya dilepaskan daripada penjara, isteriku tanya akan cadangan saya. Saya kata: “Saya harap bersara.” Isteriku juga fikir serupa.

Pada masa muda, saya amat bergiat. Tetapi penjara, terutama bila dikurungkan bersendirian, telah menukarkan saya menjadi seorang yang suka berenung. Segala ribut di dalam hatiku telah henti. Saya tidak peduli akan fahaman Komunis, bahkan tidak menyedarinya. Saya sedang berada di dalam pelukan Pengantin Lelaki Syurgawi. Saya berdoa untuk penyeksa-penyeksa saya, mengasihi mereka dengan sepenuh hati. Di dalam penjara saya hampir mengabaikan segala harapan untuk dibebaskan. Saja kadang-kadang saya terfikir apanya yang akan saya lakukan jikalau saya dapat dilepaskan. Saya selalu fikir bahawa saya akan mengelakkan orang ramai, dan mengundur ke sesebuah gurun supaya dapat terus bersama dengan pengantin syurgawi itu.

Tuhan adalah “Kebenaran Tunggal”. Alkitab adalah “kebenaran akan Kebenaran itu”. Ajaran Kristian asasi adalah “kebenaran akan kebenaran akan Kebenaran itu.” Orang Kristian sering bincang ramai lapisan kebenaran itu, sehingga mereka terhilang Kebenaran yang Tunggal. Kami amat lapar di dalam penjara, dan selalu kena pukul dan disuntik ubat jiwa, sehingga kita terlupa semua ajaran ketuhanan dan Alkitab. Kami terlupa akan kebenaran-kebenaran akan Kebenaran itu, dan Anak Manusia pun datang kepada kami. Iaitu Kebenaran itu. Alkitab tertulis: “Pada masa yang kamu tidak sangka, dan hari yang kamu tidak pernah fikirkan, Anak Manusia telah tiba.” Kami tidak dapat berfikir lagi. Pada masa kami diseksa amat sekali, Anak Manusia pun datang dan menyalakan penjara. Dinding-dinding berkilat-

kilat seperti permata. Penyeksa-penyeksa kami itu serupanya berdiri di jauh. Di dalam roh, kami sedang bersukacita di dalam Tuhan. Keriangan ini lebih berharga daripada emas.

Bertengkar dengan sesiapa orang? Fikiran ini tidak pernah masuk otak saya. Saya tidak mahu berlawan lagi, walaupun untuk kebenaran pun saya tidak ada hati untuk berbahas. Saya saja ingin mendirikan di dalam hati ku sebuah istana rohani untuk Kristus. Pada masa saya keluar daripada penjara, saya saja ingin hidup tenteram untuk masa kehujungan usirku.

Tetapi selepas saya keluar dari penjara, baru saya nampak keburukan fahaman Komunis. Saya berjumpa dengan seorang demi seorang pendeta besar, pengkhutbah besar, bahkan biskop, yang mengaku kepada saya bahawa mereka telah menjadi pengkhianat kepada jemaah diri mereka. Saya tanya jikalau mereka sedia untuk dibuang kerja? Mereka semua jawab tidak. Bukan sebab untuk kepentingan diri sendiri, melainkan untuk Jemaah. Sebab jika mereka enggan menjadi orang talian Komunis, gereja mereka akan ditutup.

Di setiap bandar juga ada seorang wakil parti, yang mengendalikan segala hal “ajaran sesak.” Orang ini datang daripada polis gelap. Dia berkuasa untuk memanggil sesiapa pendeta bila-bila pun. Dia akan menyoalkan kehadiran Jemaah, senarainya, siapa yang selalu menerima Jamuan Terakhir, siapa yang hangat dalam kepercayaan, siapa yang pandai untuk mendapat jiwa baru, dan apakah pengakuan-pengakuan dosa jemaah. Jika kamu tidak jawab, mereka akan melepaskan jawatan kamu dan mencari seorang yang lebih pandai cakap. Jika Parti tidak dapat mencari orang sebegitu (orang serupa itu tidak susah dicari), mereka pun tutupkan gereja itu.

Kebanyakan pengkhotbah akan mengikut arahan polis gelap. Yang bezanya saja sesetengah membuat laporan dengan keengganan, dan cuba melindungi sedikit hal; sesetengah telah biasa dengan acara ini, dan hati baik mereka tidak menegur diri mereka lagi. Ada pula pendeta telah mendapat semangat baru, yang akan berkata semua hal, termasuk yang tidak perlu laporkan.

Saya terdengar anak-anak syahid mengakui kepada saya bahawa mereka terpaksa melaporkan tentang makcik-makcik yang pernah memberi makanan kepada mereka, kalau tidak, mereka akan dibuang sekolah.

Saya menghadiri sebuah persidangan besar Baptis. Mereka menaikkan sebuah bendera merah, dan orang Komunis pun memilik “pemimpin” baru untuk sekalian Baptis di Soviet.

Saya tahu setiap pemimpin gereja rasmi adalah diutuskan oleh orang Komunis. Saya menyedari bahawa inilah kata Yesus, “yang memusnahkan sedang berdiri di tempat tinggi.”

Sejak permulaan Jemaah Kristian, memang ada gembala yang yang tidak baik, tetapi belum pernah ada gembala yang dilantik oleh orang kufur. “Pemimpin-pemimpin” itu akan memimpin Jemaah ke mana?

Lenin menulis: “Setiap fikiran keagamaan, atau fikiran akan Tuhan, adalah hal yang terhina. Berjuta-juta jenayah dan kekotoran jasmani pun lebih baik daripada fikir akan Tuhan.”

Parti Komunis di Rusia berfahaman Lenin. Jadi mereka pun menganggap agama lebih jahat daripada segala penyakit kancer, penyakit paru-paru, atau penyakit kelamin. Ahli-ahli Parti berkuasa untuk sesiapanya yang boleh menjadi pemimpin gereja. Jadi setiap ketua gereja kena dengar arahan Komunis.

Saya nampak budak-budak dan remaja diracuni dengan

pengajaran kufur. Di ibukota Romania kami ini, tidak dapat sebuah kelas Kristian mingguan(Sunday School) untuk budak-budak, atau pun perhimpunan remaja Kristian. Anak-anak Kristian diajar membenci di sekolah. Gereja rasmi tidak berniak dan tidak mampu menyelamatkan kanak-kanak itu daripada keracunan rohani ini.

Selepas nampak segala ini, barulah saya benci fahaman Komunis. Kebencian ini bukan sebab keseksaan mereka atas saya.

Fahaman ini telah meracuni satu ribu juta orang yang hidup di bawah jajahannya. Ia telah merampas keagungan Tuhan, dan telah memadamkan nama Kristus.

Petani-petani seluruh negara datang kepada saya, kata bahawa kini mereka kelaparan di kebun-kebun yang dimiliki mereka dulu, sebab kini kebun mereka telah dirampas kerajaan, dan menjadi Persatuan Perladangan Parti Komunis. Kini petani-petani ini kekurangan makanan. Anak-anak mereka tiada susu lembu dan tiada buah-buahan. Tanah negara kami subur seperti Kana. Kini rakyat lapar.

Saudara-saudara mengaku kepada saya, bahawa kerajaan telah memaksa mereka jadi pencuri dan penipu. Mereka kena curi dari kebun-kebun sendiri dulu. Kemudian mereka kena berbohong untuk melindungi pencurian mereka itu.

Pekerja-pekerja memberitahu saya akan keganasan di kilang-kilang. Mereka ditindas jauh lebih daripada mana-mana negara Kapitolis. Pekerja di sini tiada hak untuk mogok.

Orang-orang yang berpengetahuan terpaksa menafikan Tuhan secara umum.

Fikiran dan jiwa satu pertiga penduduk dunia ini termusnah.

Gadis-gadis mengadu bahawa mereka telah dipanggil ke pusat

Komunis untuk disoal, saja sebab mereka telah mencium seorang rejema Kristian. Kemudian parti pun memberi mereka sesuatu senarai nama yang mereka boleh mencium!

Setiap hal telah menjadi hodoh.

Saya juga bertemu dengan pahlawan-pahlawan gereja bawah tanah, iaitu teman seperjuangan saya dulu. Ada sebahagian di antara mereka yang masih belum ditangkap polis sampai masa itu. Mereka minta bantuan saya. Saya pernah menghadiri pertemuan rahsia mereka. Buku-buku lagu pujian mereka disalin dengan tangan.

Saya masih ingat Santo Antonia. Dia tinggal di gurun selama tiga puluh tahun, asyik berpuasa dan berdoa. Dia telah mengelakkan dunia. Tetapi selepas dia dengar akan pertengkaran di antara Santo Athanasius dengan Arius akan ketuhanan Kristus, dia pun meninggalkan bilik persendiriannya dan datang ke kota Alexander untuk membelai kebenaran. Saya ingat Santo Bernard de Clairvaux. Dia juga seorang rahib di atas pergunungan. Tetapi setelah dia dengar akan kebodohan tentera Salib, dan orang-orang Kristian sedang membunuh orang Arab, orang Yahudi, dan juga saudara sendiri yang bermazhab lain, dia pun turun bukit dan berlawan tentang tentera Salib.

Saya pun membuat keputusan yang patut dilakukan: mengikut contoh Kristus, Paulus dan para santo, melepaskan kehidupan bersendirian, dan lawan semula.

Bagaimananya peperangan ini?

Di penjara, orang Kristian mengasihi orang yang jahat (yang utamanya penyeksa Komunis), sentiasa berdoa untuk mereka, dan terus memberi kesaksian. Apabila seteru-seteru itu menyedari kebenaran, Kristian-Kristian pun bersukacita.

Tetapi saya benci Fahaman Komunis. Saya hendak menyokong Gereja Bawah Tanah, supaya ia dapat berdiri tanpa ketakutan.

Saya bukan saja berfikir untuk Romania, tetapi juga untuk Komunis sedunia.

Tetapi di Barat, saya saja nampak balasan yang sejuk.

Apabila dua orang pengarang Komunis ditangkap di Soviet(sebab mereka menulis kebenaran yang tidak disukai pemimpin-pemimpin mereka,) dan dipenjarakan oleh ketua-ketua mereka, pengarang-pengarang sedunia pun membantah. Tetapi apabila orang Kristian dimasukkan penjara di Soviet oleh sebab iman mereka, gereja Barat berdiam saja.

Apabila Kuzyck dimasukkan penjara sebab beliau menyebarkan bacaan Alkitab, adakah Kristian Barat yang peduli? Sama juga, apabila saudara Prokofiev menyebarkan ringkasan pengkhutbahannya dan disoal oleh pihak kuasa Komunis, siapa yang membantah untuknya? Anak kecilnya diambilkan oleh pihak kuasa. Saya tahu apa rasanya apabila terpisah dengan anak kecil saya Mihai.

Kini saya hendak melutut dan menciumkan rantai besi saudara-saudara itu, seperti orang Kristian dulu mencium rantai saudara mereka sebelum rakan mereka dibuangkan kepada binatang liar.

Ramai Kristian-Kristian Barat tidak peduli. Nama-nama orang syahid tiada di dalam senarai doa mereka. Apabila saudara-saudari itu diseksa, pemimpin-pemimpin Baptis dan Oktodok dari Rusia itu sedang dijemput oleh Kristian Barat di New Delhi dan di Geneva. Pemimpin-pemimpin Kristian Soviet itu pun

menjaminakan bahawa semua rakyat-rakyat Soviet amat bebas dan seronok. Tiada sebarang penganiayaan keagamaan.

Mendengar itu, seorang pemimpin Gereja Sedunia pun memeluk biskop Nikodin(Soviet). Kemudian mereka pun makan bersama-sama, sedangkan di penjara Soviet, Kristian dapat sup usus binatang yang tidak dicuci. Saya pernah makan sup itu juga di penjara Romania.

Gereja Bawah Tanah pun mengambil keputusan supaya saya meninggalkan tanah air saya, untuk memberitahu kamu sekalian hal yang benar.

Saya menentangi fahaman Komunis, walaupun saya sayang orang Komunis.

Ada orang di Barat hendak saya menginjil saja, tanpa menyentuhkan Komunis. Ini mengingatkan saya bahawa polis-polis Komunis juga memberi pesanan yang sama. Mereka tidak mahu saya kata akan Komunis. Adakah dua kumpulan itu di ilham oleh roh yang sama?

Apakah injil kata? Bukankah Yohanes Pembaptis memberi khutbah yang tulin? Dia bukan saja berkhutbah secara umum: “Bertaubatlah, sebab kerajaan syurga telah dekat,” tetapi juga yang khas menentangi seseorang, “Herodes, kau telah berdosa!” Oleh sebab ini dia dibunuh. Yesus juga, Dia bukan saja memberi ajaran-ajaran secara umum di atas bukit; Dia juga berkhutbah secara negatif: “Celakalah kamu guru-guru Taurat, dan orang Farisi... kau ini pura-pura baik, kau ular bisa!” Sebab khutbah-khutbah inilah Dia terkorban. Orang Farisi tidak bantah akan Ajaran-Ajaran BukitNya itu.

Kita mesti memanggil dosa sebagai dosa. Fahaman Komunis adalah dosa yang berbahaya pada masa ini. Setiap khutbah yang

tidak menafikan fahaman ini, bukanlah injil yang tulin. Gereja Bawah Tanah menafikannya, tidak takut sengsaranya. Dunia Barat tidak patut berdiam.

Saya menentangi fahaman Komunis, tetapi saya tidak serupa orang lain yang menentangi Komunis. Hitler benci Komunis, tetapi dia sendiri juga kejam. Jadi dia gagal. Kami menentangi Komunis, tetapi kami mengasihi Komunis. Kami benci dosa, tetapi kasih si-pendosa.

## **Kenapa saya menderita di Barat**

Saya menderita di Barat, lebih daripada di dunia Komunis.

Penderitaan pertama ialah, saya telah lama tidak dapat nampak keelokan Gereja Bawah Tanah. Kristian-Kristian di belakang langsir besi adalah serupa kata amsal Latin: “Bogel mengikut Kristus yang bogel.”

Di negara-negara Komunis, anak Manusia dan umatnya tiada bantal untuk meletakkan kepala mereka. Orang Kristian di sana tidak mendirikan rumah untuk sendiri. Sebab pada kali pertama kamu ditangkap, rumahmu pun dirampas kerajaan. Jika kamu mempunyai sebuah rumah yang baru, lebih peluang kamu akan ditangkap, sebab Komunis pun sangat berminat dengan rumah kamu itu! Di negara Komunis, jika kamu hendak mengikut Yesus, kamu tidak perlu balik untuk mengebumikan ibu bapa kamu dulu, dan tidak perlu mengucap selamat tinggal kepada keluarga. Siapakah ibumu, dan siapakah saudara-saudarimu? Bukankah mereka saudara-saudarimu yang mengikut arahan Tuhan? Di sana, perhubungan di antara manusia hampir semua terhilang. Pengantin

perempuan akan menuduh pengantin lelakinya, anak-anak akan mendakwa ibu bapa, dan isteri akan mengkhianati suaminya. Perhubungan antara manusia semakin lebih bergandung kepada kehubungan rohani.

Gereja Bawah Tanah adalah sebuah gereja yang miskin dan menderita, tetapi di antara mereka tiada Kristian yang sia-sia.

Persembahan Gereja Bawah Tanah adalah serupa jemaah pertama 1900 tahun dulu. Pengkhotbah-pengkhotbah Gereja ini tidak faham akan ajaran ketuhanan yang rumit. Mereka juga serupa Petrus, tidak faham akan kata yang dalam berkenaan falsafah ketuhanan. Setiap profesor ketuhanan hari ini pun akan mengerutkan dahi terhadap mereka. Taraf khutbah mereka sama rendah dengan khutbah Petrus pada Hari Pentecostal. Di negara Komunis, kebanyakan pendeta sulit tidak biasa dengan kata Alkitab, sebab mereka sukar dapat baca Alkitab. Tambah pula, ramai pengkhotbah sana telah dikurungkan banyak tahun, tanpa Alkitab.

Mereka menunjukkan pergantungan kepada Tuhan Bapa. Kata mereka ini amat berkesan, sebab apabila mereka dikurungkan bertahun-tahun lamanya, setiap hari mereka minta Bapa Tuhan untuk roti harian, tetapi saja dapat secawan kuah kubis yang rosak. Walaupun demikian, mereka masih percaya Tuhan ini penyayang. Mereka serupa Ayub. Ayub pernah kata, “walaupun Dia bunuh saya, saya masih bergantung padaNya.” Mereka juga seperti Yesus, yang terus memanggil Tuhan Bapa, walaupun Bapa itu telah mengabaikannya di atas salib.

Orang yang pernah nampak kemolehan Gereja Bawah Tanah, tidak akan memuas hati dengan sesetengah acara gereja Barat yang hampa itu.

Saya menderita di Barat lebih daripada di penjara Komunis, sebab kini saya nampak dengan mata sendiri keruntuhan gereja Barat.

Oswald Spengler menulis sebuah buku <*Keruntuhan Barat*>:

“Kau sudah hampir mati. Saya sedang nampak tanda-tanda kamu ini. Kekayaanmu, kemiskinan rohanimu, fahaman Kapitalis mu, kekurangan rasa malu mu, penceraianmu, keguguranmu, semua inilah kelepasan darah di bawahmu dan penyakit tumor di otakmu. Inilah tanda keruntuhan empayar dulu, seperti Yunani dan Roma.”

Ini ditulis pada tahun 1926. Tidak lama selepas itu, kerajaan Demokrasi di setengah benua Europah dan di Cuba pun terjatuh; dan setengah Europah yang lain masih tidur.

Tetapi ada sejenis kuasa yang tidak tertidur, iaitu Komunis. Walaupun Komunis-Komunis di Rusia dan di Europah Timur telah berasa hati sejuk dengan fahaman dirinya, dan tidak lagi berangan-angan; tetapi Komunis di Barat masih berhati panas. Mereka semua sekali tidak percaya segala laporan akan keganasan dan penganiayaan di Europah Timur itu. Mereka merebahkan fahaman Komunis dengan bersungguh-sungguh. Mereka sedang membawa fahaman ini kepada orang mewah, kepada pelajar-pelajar sekolah tinggi, kepada kalangan intelek, kepada kawasan orang miskin, dan kepada ahli-ahli gereja. Sedangkan kita Kristian saja menyokong kebenaran dengan separuh hati.

Kini pakar-pakar ketuhanan kita sedang membincangkan hal-hal yang rumit.

Ini mengingatkan saya apabila kota Istanbul sedang dikepong oleh tentera Mohamad II, dan semenanjung Balkan hampir terjatuh kepada Muslim untuk beberapa kurun, di dalam kota ini, ada sebuah gereja sedang berbahas akan soalan-soalan ini: “Apa warnanya mata Anak Dara(Maria)? Adakah malaikat berjantina? Jika seekor lalat terjatuh ke dalam air suci, air itu telah kotor, atau lalat itu jadi suci?” Mungkin itu cerita dongeng saja. Tetapi di majalah Katolik hari ini, kamu boleh baca orang sedang berbincang soalan-soalan yang sama. Jarang dapat orang kata akan Gereja Bawah Tanah yang sedang menderita, atau tindasan fahaman Komunis.

Orang ramai berbincang hal-hal kecil dalam ilmu ketuhanan, akan acara-acara keagamaan.

Di sebuah perbincangan di hotel perlancungan, ada orang tanya: “Kalau kapal kita ini rosak dan akan tenggelam, dan kamu dapat peluang untuk membawa sebuah buku dari perpustakaan kapal, buku apa yang kamu pilih?” Ada yang menjawab “Alkitab;” Ada yang jawab “Shakespere.” Tetapi seorang pengarang menjawab dengan betul: “Saya akan mencari sebuah buku yang mengajar saya buat sampan. Selepas saya dapat melepaskan diri dari pulau liar itu, saya pun boleh baca apa-apa buku pun.”

Memastikan kebebasan segala mazbah-mazbah adalah lebih penting daripada menegaskan ketulinan mana-mana satu mazbah.

Yesus berkata, “Kebenaran akan membebaskan kamu.” Ayat ini juga boleh disebut terbalik: “Saja kebebasan dapat memberi kamu kebenaran.” Kita mesti bersatu hati untuk mempertahankan kebebasan.

Saya juga berasa kecewa untuk pertindasan di belakang langsir besi yang semakin hebat ini. Saya pernah mengalami

kepahitannya.

Pada Jun 1966, surat khabar Soviet menuduh Jemaah Baptis mengajar ahli-ahlinya membunuh anak-anak kecil mereka dengan tujuan tebusan dosa diri sendiri (iaitu ibubapa). Dulu pihak Komunis juga pernah menggunakan tuduhan yang serupa ini terhadap orang Yahudi.

Saya tahu apa maksudnya. Saya pernah dipenjarakan di Krooi, Romania, bersama seorang banduan Kristian yang bernama Lazarovici. Komunis menuduhnya membunuh seorang budak perempuan kecil. Apabila saya bertemu Lazarovici ini, dia saja berumur 30 tahun, tetapi rupanya seorang tua. Rambutnya telah jadi putih sebab seksaan, semua kuku jarinya telah ditarik. Mereka hendak dia mengaku dosa yang tidak lakukannya. Selepas setahun, dia didapati tidak berdosa dan dilepaskan. Tetapi kebebasan itu tidak bermakna kepadanya lagi. Dia telah terhancur, di tubuhnya mahupun di jiwanya.

Mungkin ada orang akan ketawa akan kebodohan pihak Soviet. Tetapi kepada orang yang dituduh, saya faham apa ertinya.

Di manakah biskop besar Yermogen dari kota Kaluga(Soviet) dan tujuh biskop lain itu? Mereka pernah membantah sebab pemimpin Ortodoks Alexei dan biskop Nikodim berkerjasama dengan kerajaan Komunis. Saya pernah nampak dengan mata sendiri beberapa orang biskop Romania yang mati di dalam penjara sebab membuat bantahan tentang pihak berkuasa. Adakah ini juga sama dengan biskop-biskop Rusia itu?

Pengkhutbah Nikolai Eshliman dan Gleb Yakumin telah diberi nasihat oleh ketua gereja, sebab kedua-dua pengkhutbah itu berani meminta kerajaan Komunis untuk kebebasan agama. Orang Barat

saja tahu berita sedemikian. Tetapi saya pernah sepenjara dengan Father Ioan di Romania. Orang di luar saja tahu bahawa paderi itu pernah dinasihati oleh ketua gereja. Tetapi di negara Komunis, pemimpin gereja bekerjasama dengan polis. Seorang yang dinasihati ketua gereja, juga akan di “nasihati” polis gelap secara lebih kesan -- iaitu dengan menangkap, menyeksa, memukul dan disuntik ubat jiwa.

Saya menggeletar untuk orang yang ditangkap Komunis itu. Apabila saya fikir bahawa Kristian Barat tidak mengambil hati dengan hal ini, lebih saya bergentar.

Saya asyik harap dapat tinggal di dalam sebuah kebun anggur bersendirian, mengelakkan segala pertengkaran di luar. Saya ingin mendapat tenteram, tetapi ini tidak kemungkinan. Fahaman Komunis sedang berada di depan pintu. Apabila Komunis menyerang Tibet, semua rahib-rahib agama Buddha di dalam hutan pun dihalau keluar. Begini juga dengan rahib-rahib Kristian di Romania. Segala biara dan kebanyakan gereja telah ditutup, saja beberapa buah gereja yang tertinggal untuk menipu pelawat-pelawat orang Barat. Kesunyian yang dirindui saya itu tidak dapat dijalankan, bahkan ia akan haramkan jiwaku.

Jadi saya terpaksa meneruskan perjuangan ini. Kalau saya terhilang, kamu boleh pasti bahawa Komunis telah menculik saya. Mereka pernah menculik saya pada tahun 1948 di jalan besar di ibu kota Romania, dan menahan saya di dalam penjara bersendirian dengan nama lain. Apabila duta Sweden Sir Patrick von Reuterswaerde minta tahu berkenaan saya, setiausaha negara kami Ana Pauker menjawab: “Wurmbrand kah? Beliau sedang berjalan dengan seronok di jalan besar di Copenhagen!” Tetapi di kocek duta itu ada sepucuk surat saya yang diculik dari penjara.

Dia tahu Ana sedang berbohong. Jika saya dibunuh, pembunuh adalah Komunis. Selain daripada mereka, tiada siapa yang ingin membunuh saya. Jika anda dengar akan kata-kata buruk tentang saya, berkenaan seks, atau pencurian, itulah yang terjadinya amaran-amaran polis gelap: “Kami boleh meruntuhkan namamu.”

Saya telah dapat berita yang tetap bahawa selepas saya menyaksikan kepada senator-senator Amerika Syarikat, pihak Komunis Rusia telah mengambil keputusan tentang saya. Mereka mungkin akan bunuh tubuh saya, atau meruntuhkan nama saya. Mereka juga boleh mengancam kawan-kawan yang masih ada di Romania. Mereka mempunyai berbagai-bagai cara yang berkesan.

Tetapi saya tidak dapat berdiam. Tugasmu adalah merenung dengan teliti kata-kata saya. Bahkan jika kamu mendapat keputusan bahawa saya telah sakit jiwa akibat banyak penderitaan penjara, tanyalah dirimu, apakah kuasa yang dapat menggilakan seorang? Apakah kuasa yang sanggup menderaskan orang Jerman Timur memandu traktor dan melanggar pakar sempadan bersama-sama anak-anak mereka, tidak takut ditembak?

Barat sedang tidur. Bangunlah!

\* \* \*

Setiap orang yang menderita pun mencari seseorang atau sesesuatu sebagai punca kemalangannya. Selepas itu, hati mereka pun berasa tenang. Kita akan fikir: “Semua kesulitan datang sebab orang itu! Bukan sebab saya!” Dan hati kita pun selesa.

Tetapi saya tidak dapat buat demikian. Saya tidak boleh menuduh Komunis sebagai unsur pertama segala sengsara. Saya

juga tidak dapat menunjuk kebanyakan pemimpin gereja di Barat sebagai sebab-sebabnya kesulitan dunia ini, walaupun mereka bekerjasama dengan Komunis (untuk menyusahkan para Kristian). Dosa ini bukan ciptaan mereka. Dosa telah wujud sebelum itu. Mereka saja terjumpa dosa di gereja. Mereka sendiri juga mangsanya. Kekacauan di gereja bukan buatan mereka.

Selepas saya datang ke barat, saya telah melawat banyak maktab ketuhanan. Saya dengar akan sejarah loceng gereja, sejarah lagu-lagu gereja, dan rukun-rukun dulu yang telah diabaikan, dan juga denda-denda gereja. Saya nampak pensyarah mengajar penuntun-penuntun bahawa cerita di buku Kejadian bukanlah benar, dan cerita Adam dan Hawa saja sebuah dongeng; Air bah(masa Nuh) dan cerita Musa itu rekaan saja; semua wahyu-wahyu Alkitab ditulis selepas kejadian masing-masing; anak dara Maria berhamil sajalah angan-angan; sama juga dengan kebangkitan Yesus; tulang Yesus kini masih ada di dalam kubur; surat rasul-rasul tidak tulin; buku Wahyu sajalah tulisan orang gila. Dan selain daripada tersebut, Alkitab masihlah sebuah buku suci! (Buku yang sebegini sudah lebih palsu daripada surat khabar Komunis!)

Inilah yang dibelajari oleh ketua-ketua gereja hari ini di maktab-maktab ketuhanan. Mengapa mereka hendak bersetia kepada Yesus, “Pengasas Agama” ini? Gereja telah mengajar bahawa Tuhan telah mati, mengapa pendeta-pendeta masih perlu berjujur kepada jemaah?

Inilah pemimpin-pemimpin gereja rasmi. Mereka bukan pengantin perempuan Kristus. Mereka sedang mengkhianati Kristus. Apabila mereka jumpa seorang ahli Gereja Bawah Tanah, atau seorang syahid, mereka pun terkejut, seolah-olah nampak

seekor raksasa.

Kita tidak dapat membuat keputusan terhadap seseorang saja dengan sesetengah perbuatan mereka. Jika demikian, kita pun bersalah seperti orang Farisi. Mereka mengambil keputusan bahawa Yesus seorang pendosa sebab Yesus bekerja pada hari Sabtu. Mereka tidak nampak keseluruhan Yesus.

Saya pernah berjumpa dengan seorang pensyarah Maktab Pertuhanan Ortodoks di Romania. Dialah alat orang Komunis untuk mengkhianat jemaah dirinya. Masa itu senja, kami duduk di dalam kebunnya. Saya kata, “Kamu nampak betapa Tuhan sayang seseorang yang bertaubat. Saja pusing daripada dosamu.” Saya nyanyikan sebuah lagu Kristian. Orang ini pun bertaubat.

Saya juga pernah di kurungkan bersama dengan seorang pendeta Ortodoks. Dengan harapan dapat dibebaskan, pendeta ini telah menulis beberapa khutbah kafir untuk menafikan Tuhan. Selepas bertutur dengan saya, dia pun mengoyak tulisannya.

Saya tidak dapat mencari sesiapa sebagai penanggung dosa saya. Jadi beban saya sentiasa ada di dalam hati saya.

\* \* \*

Saya dapat sejenis kesakitan lagi, iaitu sahabat karibku pun salah faham saya. Ada yang kata bahawa saya agak benci orang Komunis, sebenarnya bukan demikian.

Seorang pengarang beragama Yahudi Claude Montefiore berkata, bahawa Yesus telah membantahkan ajaran dirinya untuk mengasihi musuh sebab Dia menentangi orang-orang Farisi secara keras. Dr W.R. Matthews dari maktab ketuhanan Paulus di Landon pun menerima ajaran ini, dan menganggap bahawa Yesus memang

“kurang seimbang”. Dan dia membela untuk Yesus dengan kata bahawa Yesus seorang kampung yang kurang ajar, jadi ucapannya pun kurang perpaduan!

Claudes telah silap faham Yesus. Yesus sebenarnya mengasihi orang Farisi, walaupun dia menentangi mereka. Saya juga mengasihi orang Komunis dan orang yang dijadikan alat-alat mereka di dalam gereja, walaupun saya menentangi perbuatan mereka.

Ramai menasihati saya: “Jangan menyebut akan Komunis, saja kata akan hal rohani.”

Saya pernah jumpa seorang Kristian yang pernah diseksa Nazi. Dia berkata kepada saya, kalau saya saja menyaksikan Kristus, dia pun menyokong saya dengan sepenuh hati, tetapi jangan menentangi Komunis. Saya pun tanyanya, boleh tidak seorang Kristian menentangi Hitler apabila Hitler sedang menjajah? Dia jawab, “Mesti boleh! Dan patut! Hitler telah membunuh enam juta orang Yahudi!” Saya pun kata, “Fahaman Komunis telah membunuh 30 juta orang Rusia, dan lebih lagi orang Cina, tambah juga bangsa-bangsa lain. Mereka juga membunuh Yahudi. Apa yang patut kita lakukan?” Jawabannya ialah, “Itu hal lain.” Dia tidak memberi penerangan.

Saya pernah dipukul polis Nazi, dan juga dipukul polis Komunis. Saya tidak dapat membezakan kedua-dua itu. Sakit sama.

Agama Kristian mesti bertengkar dengan berbagai-bagai dosa, bukan saja dengan fahaman Komunis. Tetapi fahaman Komunis adalah musuh agama Kristian yang terbesar dan terbahaya. Kita mesti bersatu untuk menentangnya.

Bolehkah saya mengulang? Tujuan manusia adalah untuk

menjadi seperti Kristian. Tujuan utama Komunis adalah menghalang ini. Mereka menentangi agama. Mereka percaya selepas kita mati, kita pun menjadi tanah, tiada roh atau jiwa. Jadi mereka hendak orang hidup secara jasmani saja.

Mereka saja tahu kumpulan, seperti sesuatu kisah Injil. Ada sekali Yesus tanya hantu apa namanya; hantu itu jawab: “Nama kami Kumpulan.” Komunis juga demikian. Mereka hendak runtuhkan kurnia Tuhan yang terbesar kepada manusia, iaitu menjadi diri kita masing-masing. Saya pernah nampak Komunis menangkap seorang sebab orang itu mempunyai sebuah buku Alfred Adler yang bertajuk “*Ilmu Jiwa Perseorangan*”. Polis gelap itu menyeru: “Apa itu? Perseorangan? Selalu pun seorang! Kenapa bukan kumpulan?”

Yesus ingin kita menjadi *seorang*, iaitu diri kita. Oleh sebab ini, agama kita tidak mungkin berjabat tangan dengan fahaman Komunis. Orang Komunis juga tahu ini. Di majalah mereka *Sains dan Agama* tertulis: ‘*Agama dan Fahaman Komunis tidak dapat bersatu. Kedua-kedua ini bertentangan... tujuan Komunis adalah untuk memusnahkan agama... Cadangan kita adalah untuk mendirikan sebuah masyarakat yang kafir, untuk melepaskan orang daripada belenggu agama.*’

Bolehkan agama Kristian berwujud sama dengan fahaman Komunis? Itulah jawapannya.

# Bab 5

## Gereja Bawah Tanah yang tiada pertandingan

Di sini saya mengulangkan hal Gereja Bawah Tanah.

Gereja ini berusaha di bawah keadaan yang amat susah. Fahaman kafir adalah kepercayaan segala negara Komunis. Mereka memberi orang tua sedikit kebebasan untuk beragama. Tetapi orang muda dan kanak-kanak tidak dibenarkan. Setiap majalah dan sebar-sebaran umum, seperti akhbar, TV, radio, majalah, panggung wayang, surat khabar, semua menolak kepercayaan kepada Tuhan.

Gereja Bawah Tanah saja ada alat-alat yang sedikit untuk menentangi kuasa kerajaan diktator. Pengkhutbah-pengkhutbah bawah tanah di Rusia tidak pernah dapat latihan ketuhanan. Ada sesetengah pendeta tidak berpeluang untuk baca seluruh alkitab juga.

Biar saya memberitahu kamu bagaimananya pendeta-pendeta sulit itu dilantikkan. Saya tanya seorang pendeta Rusia yang muda, jawabnya: “Kami tiada biskop untuk melantik kami. Biskop-biskop rasmi tidak akan melantik sesiapa tanpa kebenaran parti. Jadi kami sepuluh Kristian muda pun pergi ke kubur seorang biskop yang mati syahid. Dua orang di antara kami menyentuh

batu kubur itu, dan yang lain-lain itu pun bersambungan tangan. Kami minta Roh Kudus untuk melantikkan kami. Kami pasti tangan Yesus yang terluka itu telah lantik kami.”

Bagi saya, lantikan orang muda ini sah di depan Tuhan.

Pendeta serupa ini sedang memimpin kerja Kristus di negara-negara Komunis.

Mereka serupa gereja kurun pertama. Pada masa itu, kumpulan kecil orang Kristian telah menggentarkan dunia. Adakah mereka pernah dilatih ilmu ketuhanan? Adakah mereka semua boleh baca? Adakah mereka mempunyai Alkitab? Tetapi Tuhan berkata kepada mereka secara peribadi.

Gereja bawah tanah kami tiada bangunan besar. Tetapi jemaat manakah yang lebih elok daripada dinding dan bumbung angkasa di dalam hutan? Lagu-lagu burung adalah musik kami, haruman bunga adalah bau mazbah. Seorang syahid yang baru keluar dari penjara, yang berpakaian hodoh itu lebih dihormati daripada pendeta-pendeta biasa yang berjubah suci. Bintang dan bulan adalah lilin suci kami, malaikat adalah budak mazbah yang menyalakan lilin-lilin itu.

Saya tidak dapat menyifatkan kecantikan gereja itu.

Ada banyak kali, selepas pertemuan sulit, Kristian-Kristian pun ditangkap dan dimasukkan penjara. Mereka bersukacita mendapat rantai besi seperti pengantin perempuan mendapat rantai emas daripada pengantin lelaki. Air di dalam penjara adalah tenang. Kamu dapat pelukan dan ciuman Yesus di sana. Keriangan itu kamu tidak akan tukar dengan apa-apa pun; bahkan takhta maharaja juga kamu tidak mahu. Saya saja nampak Kristian yang betul-betul gembira di dalam alkitab, di Gereja Bawah Tanah, dan di dalam penjara.

Gereja bawah tanah sedang dianiayai, tetapi ia mempunyai ramai kawan juga, termasuk di antara ahli-ahli polis gelap; bahkan ada juga beberapa pegawai kerajaan. Kadang-kadang kami dapat lindungan daripada sahabat-sahabat gelap ini.

Tidak lama dulu akhbar-akhbar Rusia menuduh semakin tambahnya orang yang berpura-pura kafir. Orang yang begitu sedang memegang jawatan di dalam pejabat Komunis yang berkuasa -- termasuk jawatan kerajaan, pejabat pameran, dan jabatan-jabatan lain. Orang-orang itu rupanya Komunis, sebenarnya mereka ahli Gereja Bawah Tanah.

Surat khabar parti mengatakan seorang wanita yang bekerja di pejabat pameran Komunis. Selepas kerja dan makan malam, dia akan kembali dengan suaminya dan saudara-saudari seiman ke pejabatnya, dan mengadakan bacaan alkitab dan berdoa. Hal begitu selalu terdapat di banyak negara Komunis. Orang-orang Kristian lebih sudi mengaji Alkitab di himpunan rahsia ini daripada pergi ke gereja rasmi dan dengar injil yang telah ditawarkan. Mereka terus memegang jawatan kerajaan, sedangkan menyaksikan Yesus secara diam-diam.

Di Rusia, kini tiada orang bahas jikalau baptis untuk bayi atau arahan Paus adakah sah. Mereka juga tidak lagi kata akan Sebelum Seribu Tahun atau Selepas Seribu Tahun. Tetapi betapa berkesannya apabila mereka membuktikan Tuhan kepada orang kafir.

Jawapan mereka kepada seseorang kafir ialah: “Jika encik melawat seseorang, dan dilayani dengan banyak makanan yang lazat, bolehkah kamu percaya bahawa tiada siapa yang memasak makanan itu? Dunia ini adalah sebuah restoran yang besar: ada tomato, cherry, epal, susu, madu. Siapakah yang menyediakan

segala ini bagi manusia? Alam semesta tiada mata. Jika anda tidak percaya Tuhan, bagaimana untuk menerangkan alam yang buta ini menyediakan segala ini bagi kita?”

Mereka juga dapat membuktikan adanya hidupan yang kekal selepas mati. Saya dengar seorang ahli gereja gelap berkata kepada seorang kafir: “Jika kita boleh bertutur kepada seorang bayi yang masih di dalam perhamilan, ‘Hidupan di dalam rahim sajalah sementara, selepas itu adalah hidupan yang lebih benar, dan lebih lama.’ Apakah jawapan janin itu? Dia mungkin akan menjawab seperti seorang Komunis: ‘Hidup di dalam rahim ini adalah hidup yang tunggal; dan semua yang lain adalah angan-angan keagamaan.’ Tetapi jika janin itu boleh berfikir secara dalam, mungkin dia akan tanya, ‘Kenapa saya ada tangan? Saya tidak perlu tangan di sini. Bahkan saya tiada ruang untuk meluruskannya juga. Kenapa tangan bertumbuh? Mungkin ada sebuah dunia yang lebih besar? Sama juga dengan kaki. Di sini saya terpaksa mengecut kaki-kaki itu ke depan dada. Mengapa ada itu? Mungkin dunia yang akan datang itu amat besar, yang cukup untuk saya berlari? Dan mata saya pula. Di sini semua pun gelap, mata tidak berguna. Mungkin dunia yang akan datang itu ada cahaya?’

Jika janin itu boleh berfikir, ia mungkin akan percaya bahawa selepas masanya di dalam rahimnya, ada lagi sebuah dunia yang lebih besar. Begini juga kita. Apabila kita masih muda, badan kita kuat, tetapi kita tidak tahu menggunakan tubuh kita. Selepas banyak tahun, kita baru mendapat hikmat, tetapi tubuh kita sudah rosak, dan kubur sudah berdekatan. Kenapa kita mesti berusaha bertahun-tahun untuk mendapat hikmat, dan tidak dapat menggunakan hikmat itu? Bukankah ada sebuah dunia lagi untuk

hikmat itu? Iaitu sebuah dunia selepas kita mati?”

Ajaran parti Komunis ialah, Yesus tidak pernah wujud pun. Jawapan Gereja Bawah Tanah sangat mudah: “Kenapa semua suratkhbar parti anda pun ada tarikhnya? Biar saya nampak, tarikh akhbar itu ialah 14 Januari 1964. Tahun ini dikira sejak bila? Daripada masa kelahiran seorang yang tidak pernah wujud kah? Anda kata Yesus tidak wujud, tetapi akhbar parti anda sangat mementingkannya, dan mengangkap hari kelahirannya sebagai permulaan Tarikh. Sebelum Yesus, dunia ini telah wujud, tetapi semua orang menganggap kemunculan Yesus sebagai tanda pemisahan. Seolah-olah kata, Semua hari sebelum kedatangannya itu kekosongan; selepas Dia datang barulah manusia faham maknanya hidup.”

Pendeta-pendeta Barat selalu menganggap ahli-ahli gereja mereka itu sebagai Kristian, yang sebenarnya bukan. Di Barat, anda jarang dapat dengar akan khutbah-khutbah yang membuktikan kebenaran Alkitab. Tetapi di belakang langsir besi, orang yang belum dilatih ilmu ketuhanan sanggup menasihati pemuja-pemuja baru dengan ajaran ketuhanan yang amat baik.

Di antara Gereja Bawah Tanah dan Gereja Rasmi tiada sempadan yang jelas. Ramai pendeta Gereja rasmi juga bekerja secara sulit di Gereja Bawah Tanah.

Gereja rasmi bekerjasama dengan Komunis ada sejarah yang lama.

Selepas pemberontakan Fahaman Socialis Rusia, seorang paderi bernama Sergius memimpin sejenis Jemaah yang dipanggil “Gereja Nyawa.” Di Moscow, Jemaah ini mengumumkan: “Tujuan kami bukan untuk mendirikan gereja, sebaliknya, kami hendak

memusnahkan semua agama.”

Setiap negara Komunis juga ada orang seperti ini.

Di Hungary, pendeta Balogh daripada Katolik membantu Komunis untuk mengambil kuasa di dalam gereja. Begitu juga beberapa pendeta Protestan.

Di Romania, paderi Ortodoks Burducea pernah membantah orang Komunis. Kini dia telah berpusing dan menyokong Komunis. Untuk menunjukkan kesetiaannya, dia lebih panas hati daripada orang Komunis. Sedangkan setiausaha Rusia Vishinski mengumumkan di negara kami bahawa Romania telah menjadi negara Komunis, paderi ini pun berdiri di sebelah orang Rusia itu, menunjukkan persetujuan dengan senyuman. Dia berkata: “Kini kerajaan baru kita ini akan mendirikan sebuah syurga di atas bumi. Rakyat-rakyat tidak perlu menunggu syurga di atas lagi.”

Bagi biskop agung Rusia Nikodim, ada bukti menunjukkan bahawa dia adalah seorang pemberitahu kepada kerajaan Komunis. Seorang polis gelap Rusia, Deriabin, menunjuk bahawa Nikodim adalah ejen(orang perantaraan) mereka.

Hampir setiap mazbah Kristian pun menghadapi keadaan ini. Kini pemimpin-pemimpin Baptis di Romania adalah orang-orang yang dilantik Parti secara paksa. Mereka menolakan semua Kristian yang benar. Di Rusia, keadaan Baptis pun serupa. Ketua Adventis Romania Tachici memberitahu saya bahawa selepas Komunis rampas kuasa di negara kami, dia telah menjadi seorang ejen mereka.

Komunis tidak menutup semua gereja. Mereka meninggalkan beberapa gereja sebagai alat untuk mengendalikan jemaah Kristian seluruh negara, supaya akhirnya dapat menghapuskan setiap Kristian. Mereka juga menipu pelancung-pelancung luar negeri

dengan beberapa bangunan gereja. Saya juga dijemput untuk menjadi salah seorang pendeta layanan mereka, bahawa saya kena melapor kepada polis gelap akan keadaan pemuja-pemuja. Orang Barat sukar faham hal ini. Tetapi Gereja Bawah Tanah tidak menerima gereja rasmi ini. Kristian yang benar tahu tugas dirinya, termasuk menginjil kepada orang muda.

Tetapi di gereja rasmi, walaupun pemimpin mengkhianati jemaah, masih ada ahli-ahli Kristian yang jujur kepada Kristus. (Saya percaya di gereja Barat pun serupa. Walaupun pemimpin-pemimpin telah runtuh, masih ada pemuja-pemuja yang berikhlas hati kepada Kristus.)

Acara sembahyang Oktodox masih sama. Dan acara itu pun membela jiwa ahli-ahlinya, walaupun khutbah-khutbah daripada pendas semuanya pujian kepada Komunis. Jemaah Lutheran, Prebiterian dan mazhab-mazhab lain pun terus menggunakan lagu-lagu pujian purba yang amat bererti. Tambah pula, di dalam khutbah pengkhianat-pengkhianat (iaitu ramai pendeta rasmi) mesti ada beberapa ayat Alkitab. Ada pendengar bertaubat sebab khutbah itu. Mereka juga tahu tidak boleh memberitahu pensyarah-pensyarah bahawa diri mereka telah bertaubat. Inilah hal aneh yang ditulis dalam Imamat 11:37, “Apabila bangkai seekor binatang jatuh ke atas benih apa pun yang akan ditaburkan, benih itu tetap tahir(iaitu masih suci).”

Tambah pula, bukan semua pemimpin gereja rasmi pun orang Komunis.

Ada beberapa ahli gereja bawah tanah yang memegang jawatan penting di gereja rasmi. Ahli-ahli itu cuba mengadakan agama Kristian yang tulen, iaitu bukan acara, melainkan sejenis kepercayaan yang bersemangat berjuang. Apabila polis gelap

datang menutup biara Vladimireshti di Romania, mereka mendapati kesusahan. Untuk tindakan ini, ada orang Komunis kena bayar dengan nyawa sendiri. Begitu juga dengan polis Rusia yang hendak menutup banyak biara di negaranya.

Tetapi jumlah gereja rasmi semakin kurang. Saya tidak pasti jika Soviet masih ada lima ribu gereja sekarang. (Jumlah penduduk Soviet serupa USA. Di Amerika Syarikat terdapat 300 ribu gereja.) Tambah pula, gereja-gereja Soviet itu bukan serupa yang kita fikir. Ada yang rupanya sebuah bilik kecil. Apabila orang barat nampak gereja besar Moscow dipenuhi orang, mereka pun menganggap negara itu bebas keagamaan. Mereka tidak tahu gereja itu adalah satu-satunya gereja Protestan di seluruh Moscow. Maksudnya satu gereja Protestan untuk tujuh juta jiwa(jumlah penduduk Moscow.) Dan di antara 5 ribu buah gereja di Soviet, ada banyak serupa sebuah bilik, yang terletak di tempat-tempat rumit, yang tidak dapat disampai oleh 80 % penduduk. Kita Kristian yang bebas saja ada dua pilihan: melupakan rakyat Soviet ini, atau menggunakan cara yang diharamkan kerajaan Komunis untuk membawa injil kepada mereka.

Yang lebih kuat kuasanya Komunis di sesebuah negara, yang lebih juga gereja kena melindungi diri.

Bangunan-bangunan gereja yang ditutupkan Komunis itu, kini digunakan pihak kuasa untuk perhimpunan kafir.

## **Bagaimananya Gereja Bawah Tanah menggunakan cetakan kafir**

Tetapi Gereja Bawah Tanah juga tahu bagaimana untuk

mengatasi situasi sulit itu. Mereka menggunakan majalah kafir sebagai makanan rohani, seolah-olah Elijah dapat rezeki daripada burung gagak.

Orang kafir berusaha menegur Alkitab. Mereka telah menerbitkan sejenis buku bertajuk “Alkitab yang gelakak”; dan “Alkitab untuk pemuja dan bukan pemuja.” Untuk mengejek Alkitab, mereka memberi banyak contoh ayat-ayat Kitab. Kita gembira dengan itu. Teguran mereka begitu bodoh sehingga tidak ada orang akan mengambil hati. Tetapi ayat kitab yang dirujuk mereka itu elok lepas kata. Pada masa dulu, Inquisition pernah memaksa Kristian yang dianggap bidaah memakai pakaian yang aneh, dengan lukisan neraka dan iblis. Ini saja menjadikan mangsa-mangsa itu lebih suci! Hari ini pun serupa. Hantu cuba menghodohkan Alkitab, dan Alkitab pun bertambah elok!

Buku-buku ejekan itu telah dicetak berjuta-juta naskah. Parti Komunis sangat gembira sebab mendapat beribu-ribu pucuk surat tahniah, yang meminta cetakan tambahan. Mereka tidak tahu surat-surat itu datang daripada Gereja Bawah Tanah!

Kami juga tahu bagaimana menggunakan perhimpunan kafir.

Seorang profesor Komunis menunjukkan di sebuah perhimpunan, bahawa Yesus saja seorang ahli sihir. Profesor itu mencampurkan sejenis serbuk ke dalam segelas air. Air jernih itu pun menjadi merah. Profesor menerangkan: “Yesus melindungi serbuk ini di dalam lengan bajunya, dan tukarkan air jadi air anggur. Tetapi saya lebih hebat. Saya boleh menukarkan air anggur menjadi air jernih lagi.” Jadi dia pun menambah sejenis serbuk lagi dan air itu menjadi jernih. Kemudian beliau menambah sejenis serbuk lagi, air itu pun merah lagi.

Seorang Kristian berdiri dan kata, “Rakan Profesor, dahsyatnya pertunjukan tuan! Tapi bolehkah kami minta sesuatu hal? Bolehkah tuan minum sedikit air itu?” Profesor itu menjawab, “Tak boleh, serbuk itu ada racun!” Kristian itu pun jawab: “Inilah bezanya di antara kamu dengan Yesus. Arak Yesus memberi kami gembira selama dua ribu tahun ini. Tetapi arak yang kamu beri itu meracunkan kami.” Kristian itu pun dimasukkan penjara. Tetapi perkara ini disebar luar, dan menguatkan iman ramai orang.

Kami lemah seperti Daud yang muda, tetapi kami tidak takut Golia kafir, sebab Tuhan ada disebelah kami. Kami mempunyai kebenaran.

Ada sekali, seorang pensyarah Komunis memberi ucapan di sebuah kilang. Setiap pekerja kena menghadiri diri, termasuk pekerja Kristian. Mereka mendengar ucapan menentangi kewujudan Tuhan, dan juga kebodohan Yesus. Pensyarah itu juga kata tiadanya roh, tiadanya Tuhan, tiadanya Kristus, tiadanya dunia yang akan datang, dan manusia sajalah jasmani, tiada roh.

Seorang Kristian pun berdiri meminta menyoal. Selepas diberi keizinan, Kristian itu pun ambil kerusinya dan melemparkannya ke atas lantai. Dia henti sebentar, nampak kerusi itu, kemudian naik pentas dan menyepak pensyarah itu. Pensyarah itu sangat marah dan mengutuknya, memanggil rakan sejuangnya untuk menangkap Kristian itu. Beliau berjerit: “Betapa beraninya kau memukul saya! Apa sebabnya!?”

Kristian itu jawab: “Encik sedang membuktikan bahawa encik seorang pembohong. Encik kata segala pun jasmani. Saya baru melemparkan kerusi itu ke atas lantai, memang ia jasmani, ia tidak menjadi marah. Tapi apabila saya memukul tuan, tuan pun naik marah. Rakan profesor, tuan telah salah. Manusia bukan saja

jasmani, kita juga rohani.”

Di banyak situasi seperti itu, Gereja Bawah Tanah telah mengalahkan fahaman kafir.

Di dalam penjara, seorang pegawai politik tanya saya dengan kasar: “Berapa lamakah kamu hendak memegang agamamu?” Saya pun berkata kepadanya: “Saya pernah nampak beberapa orang kafir sesal sebelum mati sebab tidak percaya Tuhan. Mereka mula menyeru Kristus. Tapi bolehkah tuan menggambarkan seorang Kristian menyesal sebelum matinya bahawa dirinya telah jadi Kristian, dan mula menyeru penolongannya Karl Marx atau Lenin?” Dia pun bergelak dan kata: “Pintarnya jawapanmu.” Saya terus kata: “Apabila sebuah jambatan besar telah dibina, seekor kucing berlari melaluinya tidak membuktikan jambatan itu kukuh. Mesti ada sebuah kereta api baru kita tahu. Seorang ateis yang hidup dalam kesenangan tidak dapat menyaksikan bahawa fahaman ateis ini benar.” Saya pun menggunakan buku-buku Lenin untuk menunjukkan kepadanya bahawa selepas Lenin menjadi pertama menteri Rusia, apabila menghadapi masalah, dia pun berdoa kepada Tuhan.

Hati kami tenang, dan kami dapat menunggu kejadian berlaku tanpa risau. Saja orang Komunis tidak dapat tenang. Mereka mesti bersusah payah untuk melawan agama. Mereka telah membuktikan kata Augustine: “Jiwa kita tidak dapat rehat, sehingga ia rehat di dalamMu.”

**Mengapa orang Komunis dapat diselamatkan**

Kalau Gereja Bawah Tanah dapat bantuan Kristian dari dunia bebas, mereka pun dapat memenangi Komunis dan menukarkan dunia ini. Kami pasti dapat mengatasi orang Komunis, sebab menjadi seorang Komunis adalah hal yang tidak semulajadi. Bahkan seekor anjing pun tidak akan melepaskan tulang yang sedang digigitnya itu. Setiap orang pun harap dapat mempunyai harta dirinya. Fahaman Komunis tidak membenarkan ini. Setiap gaji mesti dimiliki kerajaan, dikuasai oleh orang ramai. Jadi alat-alat yang dibuat oleh negara Komunis dikenali sebagai buatan kasar. Sebab semua orang pun tidak ada hati untuk kerja. (Pada masa kemudian, Komunis Cina menukarkan sistem mereka dan membenarkan kepunyaan peribadi, dan setiap orang dibenarkan mempunyai gaji sendiri, barulah keadaan itu dapat diubahkan.) Hati orang Komunis menentangi peranan yang mesti dilakukan diri mereka. Tambah pula, mereka kena percaya pameran bohon daripada parti.

Apabila seorang Komunis menegaskan bahawa setiap benda juga jasmani, dan setiap orang sajalah sehimpun kimia, dan selepas kita mati, kita pun tukar jadi sehimpun tanah, kita saja kena tanya, “Mengapa Komunis sudi mengorbankan diri untuk hasrat mereka? Bolehkah bahan kimia bercita? Akankah seabdi tanah mengorbankan diri untuk faedah semua orang?”

Lagi pula, mereka mesti bersifat kejam! Tetapi manusia dicipta Tuhan bukan untuk menjadi seorang pembunuh. Seorang tidak dapat menjadi kejam untuk selama-lamanya. Kita telah nampak ini di antara ketua-ketua Nazi. Pada hari keakhiran hidup mereka, ada yang membunuh diri, ada yang bertaubat dan menyesal dosa hebat mereka.

Di negara-negara Komunis terdapat ramai yang mabuk. Hal

ini amat bermakna. Manusia ingin dapat hidup dengan hati besar, yang tidak didapati di dalam fahaman Komunis. Orang Rusia adalah sejenis bangsa yang berhati besar. Fahaman Komunis terlalu nipis dan cerdek. Orang Rusia mencari hidupan yang dalam. Mereka tidak dapat cari itu di fahaman cerdek itu, jadi mereka pun mabukkan diri dengan arak. Mereka kagum dengan kekejaman dan ketipuan diri mereka, jadi mereka pun memabukkan diri dengan arak. Tetapi arak saja dapat melepaskan mereka untuk sekejap. Manusia perlu dapat kebebasan yang kekal. Ini saja boleh didapati di dalam kebenaran.

Apabila tentera Soviet menjajahi negara kami, ada suatu hari, saya dipujuk sesuatu kuasa dan pergi ke sebuah kedai minuman di kota Bucharest. Saya pun membawa sama isteri dan masuk kedai itu. Saya terus nampak seorang pegawai Rusia sedang mengancamkan semua orang dengan sepucuk senapang; dia hendak bertambah arak, tetapi tuan kedai itu tidak memberinya sebab dia telah mabuk. Bila dia menunjukkan senapannya, semua orang terkejut. Saya pun pergi berjumpa dengan majikan kedai itu, dan memintanya terus memberi Kapten itu arak tambahan. Majikan itu berkenal dengan saya. Saya janji kepadanya bahawa saya akan berteman dengan pegawai itu, dan semua akan selamat. Mereka pun terus menghidangkan arak kepada kami. Di atas meja ada tiga biji cawan arak. Kapten itu selalu memenuhi ketiga-tiga itu dengan arak, dan minum semuanya. Isteriku dan saya tidak minum. Walaupun Kapten itu telah kuat mabuk, tetapi masih boleh berfikir. Dia sudah biasa dengan arak. Saya berkata kepadanya akan Kristus, dia pun dengar dengan teliti.

Akhirnya dia berkata kepada saya: “Kamu telah memberitahu

saya akan perkerjaanmu. Biar saya pun memberitahu kamu: Dulu saya pun seorang pendeta Ortodoks. Apabila Stalin memulakan penganiayaan, saya pun melepaskan kepercayaan saya. Saya pergi merata tempat untuk memberi syarahan kufur di kampung-kampung. Saya mengaku kepada orang ramai bahawa dulu saya sebagai seorang pendeta saja untuk menipu orang. Saya pun kata segala pendeta-pendeta lain pun serupa. Parti sangat puas hati dengan usaha saya, dan memberi saya jawatan Kapten di polis gelap. Denda saya daripada Tuhan ialah saya kena menggunakan dua tangan saya untuk menyeksa dan membunuh Kristian-Kristian. Kini saya cuba melupakan segala dengan minum arak, tetapi tidak berjaya.”

Ramai Komunis membunuh diri, termasuk penyajak teragung mereka Essenin dan Maiakovski. Pengarang agung Fadi pun begitu. Fadi baru siapkan novelnya “*Gembira*”, dan menamatkan jiwa dirinya. Novel itu menunjukkan bahawa kesukacitaan yang tulen ialah bekerja untuk fahaman Komunis tanpa rehat. Fadi begitu bergembira sehingga dia menembak diri. Jiwanya tidak sanggup menanggung bohong yang begitu besar itu. Joffe dan Tomkin, iaitu pejuang Komunis yang mashyur pada masa Shah, selepas nampak kebenaran fahaman Komunis, kedua-dua tidak dapat menanggung. Mereka juga membunuh diri.

Orang Komunis tidak gembira. Bahkan ketua mereka juga tidak. Betapa sedihnya Stalin! Dia hampir habis membunuh segala rakan seperjuangannya. Selepas itu dia takut orang akan meracunkannya. Dia takut juga dia akan membunuh diri. Dia mempunyai lapan bilik tidur, semua pun boleh dikunci dengan tetap serupa peti keselamatan bank. Tiada orang tahu dia sedang tidur di mana-mana satu bilik pada satu malam yang tertentu.

Makanannya mesti dirasakan oleh tukang masaknya di depannya dulu. Fahaman Komunis tidak memberi sesiapa gembira, termasuk diktatornya. Mereka perlu Kristus.

Meruntuhkan fahaman Komunis bukan saja akan membebaskan rakyat-rakyat yang ditindasnya, tetapi juga akan membebaskan orang-orang Komunis sendiri.

Gereja Bawah Tanah mewakili keperluan manusia yang dalam sekali. Tolonglahnya!

\* \* \*

Tanda Gereja Bawah Tanah adalah keikhlasan kepercayaannya.

Seorang pendeta yang menggunakan nama samaran George mengatakan Gereja Bawah Tanah di dalam bukunya:

Seorang Kapten tentera Rusia datang ke rumah seorang pendeta, dan minta pertemuan perseorangan. Kapten itu sangat muda. Dia sangat mengambil hati dengan peranan diri sebagai tentera kemenangan. Apabila dia masuk ke dalam bilik temu yang kecil itu, selepas tutup pintu, dia pun menunjuk salib Yesus di atas dinding itu.

“Kamu tahu itu semua palsu,” katanya kepada pendeta itu. “Itu sajalah orang keagamaan menipu orang miskin, supaya mereka ditindas oleh orang kaya! Kini kami bertemu bersendirian. Kamu saja perlu mengaku kepada saya, bahawa kamu pun tidak percaya Yesus sebagai anak Tuhan!”

Pendeta itu senyum dan kata, “Tetapi, rakan muda ku, saya betul-betul percaya itu. Yesus ini benar.”

“Saya tidak mahu bergurau!” Kapten itu menyeru. “Saya kata benar. Tidak boleh ketawa!”

Dia pun mengangkat pistolnya dan mengarakkannya kepada paderi itu.

“Jika kamu tidak mengaku bahawa ini dusta, saya pun tembak.”

“Saya tidak dapat mengaku itu. Tuhan kami ini benar. Dia betul-betul anak Tuhan.” Jawab pendeta itu.

Pegawai itu pun lemparkan pistolnya ke atas lantai dan memeluk paderi ini.

“Memang ini benar!” Jeritnya. “Saya memang percaya. Saja saya tidak pasti ada orang akan mati untuk kepercayaannya, kecuali saya dapat nampak dengan sendiri. Banyak terima kasih! Kamu telah menetapkan hatiku. Kini aku pun boleh mati untuk Kristus. Kau telah memberiku nampak jalannya.”

Saya tahu juga contoh lain yang serupa ini. Apabila orang Soviet menjajah Romania, askar-askar Soviet yang bersenjata masuk ke dalam sebuah gereja dan kata: “Kami tidak percaya agama kamu sekalian ini. Sesiapa yang tidak menafikan kepercayaan agamanya akan ditembak mati! Yang hendak nafikan agama, berdiri di kanan!” Ada orang pun berdiri di kanan. Askar-askar itu pun menyuruh mereka terus pulang rumah. Mereka pun melarikan diri. Selepas itu, askar-askar pun berkata kepada Kristian-Kristian yang tertinggal itu: “Kami juga orang Kristian, saja kami harap bertemu dengan pemuja yang benar.”

Kristian-Kristian yang tidak takut mati ini sedang berjuang

untuk Berita Baik di negara kami. Mereka bukan saja berjuang untuk Kristus, tetapi juga untuk kebebasan dunia.

Di banyak keluarga Kristian di Barat, kadang-kadang mereka akan memasang muzik kedunian dengan lantang. Di rumah saudara-saudari Romania, kadang-kadang ada muzik duniawi yang lantang juga, tetapi saja untuk melindungi kerja-kerja sulit, supaya tidak didengar oleh jiran-jiran yang berniat jahat.

Betapa gembiranya apabila seorang ahli Gereja Bawah Tanah berjumpa dengan seorang Kristian di Barat!

Saya adalah seorang ahli Gereja Bawah Tanah yang biasa. Saya sedang berkata untuk Gereja yang tidak dapat bercakap itu. Gereja itu telah dikurung. Doa dan bantu kami.

\* \* \*

Kita pasti dapat memenangi orang Komunis. Yang pertama, Tuhan adalah di sebelah kita.

Yang kedua, berita kita adalah keperluan manusia yang dahsyat sekali.

Pada masa Nazi, saya pernah dikurungkan bersama beberapa orang Komunis. Mereka mengaku kepada saya bahawa mereka juga berdoa apabila ada masalah hebat. Bahkan saya pernah nampak pegawai-pegawai Komunis menyeru “Yesus, Yesus!” sebelum mereka mati.

Kita pasti akan menang, sebab kebudayaan rakyat kami dan segala acara adat istiadat pun menyokong kami. Kerajaan Soviet boleh melarangkan semua tulisan dan ucapan Kristian. Tetapi

mereka tidak dapat menghapuskan buku-buku Tolstoy dan Dostoievski. Seseorang dapat cahaya Kristus dengan membaca buku-buku itu. Di Jerman Timur ada Goether; di Polandia ada Sienkiewicz; di Romania ada Sadoveanu. Komunis telah menerbitkan bukunya *Hidupan Orang Salih*. Saja mereka tukarkan tajuknya menjadi *Dongeng Orang Salih*. Walaupun demikian, contoh-contoh orang salih masih mengagumkan orang.

Mereka juga tidak dapat menghapuskan ciptaan Raphael, Michelangelo, Leonardo da Vinci dan lain-lain. Rekaan pakar-pakar seniman ini dan tiruan-tiruan mereka amat disukai orang. Semua hasil seni itu mengatakan Kristus.

Apabila saya bertutur dengan seorang Komunis, keperluan di dalam hatinya juga menjadi bantuan saya. Kesusahannya yang besar sekali adalah mengabaikan soalan saya. Dia susah hendak menghentikan hati baiknya. Hati baiknya semua sekali menyokong saya.

Saya berkena seorang profesor kufur. Dia berdoa kepada Tuhan sebelum memberi syarah, supaya ucapannya dapat berjaya! Saya tahu juga beberapa Komunis yang pergi ke pekan-pekan jauh untuk perhimpunan Kristian. Selepas perbuatan mereka diketahui parti, mereka pun menafikannya dengan sedaya upaya. Selepas itu mereka pun mengangis, menyesalkan diri sebab kurang berani untuk mengaku kepercayaannya. Mereka juga manusia yang lemah.

Apabila seorang beriman pada Yesus, walaupun iman itu muda dan lemah, ia akan bertumbuh. Gereja Bawah Tanah banyak kali menyaksikan itu.

Kristus mengasihi orang Komunis. Kita mesti mendapati mereka. Saja Gereja Bawah Tanah itu dapat memenangi mereka.

Sesiapa yang ingin mencapai niat Kristus untuk mendapati jiwa semua orang, mestilah menyokong Gereja Bawah Tanah. Yesus berkata: “Ajarlah semua bangsa.” Dia tidak kata berhentilah di sempadan langsir besi. Kalau kita berikhlas kepada Tuhan, kita pun mesti menyampai kepada orang di belakang langsir besi. Penduduk mereka berjumlah hampir satu perempat di dunia ini.

## **Tiga Jenis Ahli Gereja Bawah Tanah**

Gereja gelap di negara-negara Komunis ini terdiri daripada tiga kumpulan.

### **1. Pendeta-pendeta yang dibuangkan kerja.**

Ada beribu-ribu pendeta dan pengkhotbah yang tidak berkerjasama dengan Komunis. Ramai di antara mereka telah ditangkap dan dipenjarakan, tetapi selepas mereka dibebaskan, mereka pun teruskan kerja bawah tanah. Walaupun Komunis telah memilih orang lain untuk menggantikan jawatan mereka, tetapi bekas pendeta-pendeta itu dapat melayani gereja, dan dengan lebih berkesan juga, iaitu secara gelap. Mereka tidak takut ditangkap semula. Mereka berjumpa jemaah di ladang, di bilik bawah tanah, dan di kebun pada masa malam.

### **2. Pemuja biasa**

Inilah Kristian-Kristian biasa yang berikhlas hati. Di Rusia dan Cina tiada Kristian yang berhati setengah panas. Sebab harga

untuk menjadi seorang Kristian terlalu besar. Tambah pula, peraniayaan selalu menghasilkan Kristian yang lebih baik, iaitu yang menyaksikan Kristus dan mendapati jiwa untukNya. Di Barat tidak pernah ada pemuja yang begitu. Pemuja-pemuja di Soviet tidak faham bagaimana kita boleh jadi seorang Kristian tanpa keinginan untuk memperolehi setiap jiwa.

Surat khabar Bintang Merah(surat khabar tentera Soviet) menyerang Kristian-Kristian Rusia dengan kata ini: “Pemuja-pemuja Kristus terlalu tamak. Mereka hendak menipu setiap orang.” Tetapi kehidupan Kristian-Kristian ini begitu cermelang, sehingga semua jiran pun hormati mereka. Tidak kira di mana tempat pun, Kristian-Kristian sentiasa dikashi amat sekali. Apabila seseorang ibu sakit dan tidak dapat menjaga anak-anaknya, seorang ibu Kristian akan datang untuk menjaga. Apabila seseorang lelaki sakit dan tidak dapat memotong kayu, seorang lelaki Kristian pun menyelesaikannya. Mereka betul-betul menghidupkan kepercayaan mereka. Jadi apabila mereka menyaksikan untuk Kristus, orang pun dengar dan percaya. Oleh sebab Kristian tidak dibenarkan untuk berucap di pentas, jadi berjuta orang Kristian pun berkhotbah di pasar dan tempat mengambil air di kampung-kampung. Berita Komunis juga mengaku bahawa penjual daging gerai Kristian sentiasa menambah sekeping risalah injil bersama dengan kertas bungkusan daging. Mereka juga kata Kristian-Kristian yang memegang jawatan berkuasa di pejabat pencetakan Komunis sering kali kembali ke pejabat mereka pada waktu malam, memasang mesin dan mencetakkan beribu-ribu naskah bacaan Kristian, dan menutup mesin sebelum subur. Khabar-khabar parti juga mengaku bahawa anak-anak Kristian di Moscow mendapat

injil dari “tempat tertentu” dan menyalinkan itu. Kemudian budak-budak itu pun meletakkan salinan itu ke dalam kocek-kocek jubah guru-guru mereka, yang biasa tergantung di bilik tukar baju di sekolah. Pemuda-pemuda Kristian sedang menginjil di setiap negara Komunis sekarang.

Di Cuba yang berfahaman Komunis, oleh sebab pengkhutbah-pengkhutbah dulu telah tertangkap, kini ketua-ketua gereja rasmi semua adalah ahli-ahli Komunis, jadi di Cuba kini terdapat sejenis “Jemaah Kristian Biasa,” yang tidak di bawah arahan kerajaan.

Selepas di bawah penganiayaan Komunis, muncullah Kristian-Kristian yang tulen seperti ini.

### 3. Sebahagian pendeta-pendeta rasmi

Ada pendeta di gereja rasmi yang sebenarnya ahli Gereja Bawah Tanah. Gereja Bawah Tanah bukan semua sekali berpisah daripada Gereja Rasmi. Di banyak negara Komunis, seperti Yugoslavia, Poland and Hungary, ramai pendeta gereja rasmi juga mengambil bahagian dalam penggiatan bawah tanah. Pendeta-pendeta itu tidak dibenarkan untuk mengatakan Kristus di dalam gereja kecil mereka, mereka tidak dibenarkan untuk mengadakan perhimpunan budak-budak dan remaja-remaja; orang bukan Kristian juga tidak berani datang ke gereja. Pendeta-pendeta juga tidak dibenarkan untuk melawat ahli jemaah yang sakit. Undang-undang Komunis menyekatkan mereka. Ada ramai pendeta pun mengambil risiko untuk melayani jemaah mereka. Mereka berhubung dengan remaja dan budak. Mereka berkumpul secara rahsia di rumah saudara-saudari, dan di bilik-bilik bawah tanah.

Mereka juga menerima risalah-risalah Kristian dan menyebarkan secara haram. Di luar mereka bertaat kepada Komunis, di dalam hati mereka bertaat kepada Tuhan. Tidak lama dulu pihak kerajaan Soviet telah menangkap ramai pendeta jenis ini.

Mereka adalah bahagian penting di Gereja Bawah Tanah.

Jadi Gereja Bawah Tanah terjadi daripada bekas pendeta, pemuja biasa, dan sesetengah pendeta rasmi. Jemaah ini akan terus beraktif sehingga keruntuhan fahaman Komunis. Di sesebuah daerah, salah sejenis kumpulan tersebut itu yang lebih banyak, tetapi ketiga-tiga itu pun wujud, dan semua pun mengambil risiko untuk Kristus.

Ada seorang Barat melawat beberapa negara Komunis. Selepas dia kembali, dia kata tidak pernah jumpa Gereja Bawah Tanah di sana.

Ini serupa seorang pelawat, selepas melawat Afrika tengah dan berjumpa orang asli sana, kembali kata, “Saya telah jumpa ramai orang tempatan, dan tanya jika mereka tahu pantun. Mereka semua kata tidak tahu.” Sebenarnya orang asli di sana sedang bertutur dengan pantun, saja mereka tidak tahu itu dipanggil pantun oleh orang Barat.

Kristian di kurun pertama tidak tahu diri mereka Kristian. Jika kamu tanya akan agama mereka, mereka akan jawab bahawa merekalah orang Yahudi/Israel/Saudara/Salih/Anak-anak Tuhan/Orang yang percaya Yesus sebagai Mesia dan lain-lain. Gelaran Kristian adalah diberikan orang ramai. Nama itu muncul pertama sekali di kota Antrio.

Gereja Bawah Tanah adalah nama yang diberi oleh Komunis dan pakar-pakar Barat. Jemaah gelap itu tidak memanggil dirinya secara demikian. Mereka memanggil diri mereka sebagai Kristian/pemuja/anak-anak Tuhan dan sebagainya. Tetapi merekalah yang memimpin gereja tulin ini, termasuk menerima orang-orang Barat yang kata tidak pernah nampak Gereja Bawah Tanah itu.

Kamu boleh melawat dunia banyak tahun tetapi masih belum jumpa seorang pengintip Soviet. Tiada pengintip yang begitu bodoh sehingga memberitahu seorang pelawat akan kerja sejabatnya.

Di bab 6 saya akan menggunakan keratan surat khabar Soviet untuk membuktikan kewujudan Gereja yang berani ini.

# Bab 6

## Bagaimananya agama Kristian mengalahkan fahaman Komunis

Saya telah sebut akan bagaimananya kami menginjil secara sulit kepada tentera Soviet, dan kepada orang-orang Romania di bawah jajahan Komunis ini.

Saya pun sudah meminta kalian untuk penyokongan, supaya kita dapat meneruskan perinjilan kami.

Bolehkah cadangan ini dilaksanakan?

Adakah gereja bawah tanah di Soviet dan negara-negara Komunis lain? Dan bolehkah kerja itu dijalankan?

Di sini kami ada keratan yang amat baik sebagai jawapan.

Kini Komunis sedang merayakan ingatan kelima puluhan kemenangan jajahan mereka. Tetapi hari ulang tahun ini sebenarnya menunjukkan kegagalan Komunis. Yang menang itu agama Kristian. Di surat khabar Soviet ada banyak berita gereja bawah tanah. Kini jemaah sulit ini begitu kuat, sehingga berani meneruskan kerja mereka separuh rasmi dan menakutkan Komunis. Daripada sumber lain kami tahu laporan akhbar-akhbar itu benar.

Kita mesti ingat bahawa gereja bawah tanah ini seperti air-batu apung, kebanyakannya tidak ternampak.

Di bawah inilah bahagian atas yang boleh dinampak.

## **Puncak air batu apung**

Pada 7hb Nov 1966, Gereja Bawah Tanah di kota Suhumi mengadakan perhimpunan besar di luar. Ramai Kristian dari bandar-bandar lain juga datang. Ada 47 orang pemuda sudi menerima Kristus apabila pengkhotbah menjemput. Mereka pun terus dibaptiskan di Laut Hitam, seperti apa yang dilakukan pada zaman Alkitab.

Mereka tidak ada masa untuk menerima pelajaran-pelajaran untuk pembaptisma. Selepas lima puluh tahun jajahan Komunis, pendeta-pendeta Gereja Bawah Tanah semua tidak dapat latihan ketuhanan. Pengikut Yesus, Filip, juga tidak pernah mendapat latihan ketuhanan. Apabila seorang eunuch(pegawai tinggi yang telah dikasi) tanyanya, “Di sini ada air, apa susahnya untuk saya dibaptiskan?” Filip pun jawab, “Jika kau percaya dengan sepenuh hati, kau pun boleh dibaptis.” Mereka pun turun ke dalam air untuk dibaptis. (Rasul 8:36-38)

Laut Hitam itu ada cukup air. Gereja Bawah Tanah pun kembali seperti gereja zaman awal.

Majalah Guru-guru Soviet, 23hb Ogos 1966, melaporkan di kota Rostov-on-Don, pemuja-pemuja Baptis mengadakan pemogokan secara terbuka. Mereka membantahkan pihak kuasa mengarahkan orang Komunis sebagai pemimpin gereja.

Hari pemogokan itu ialah 1hb Mei, iaitu Hari Perburuhan. Seperti Yesus memilih hari Sabtu untuk melakukan mukjizatnya, menunjukkan bahawa dia tidak takut akan orang Farisi, Gereja Bawah Tanah juga memilih hari besar Komunis untuk pemogokan,

untuk menunjukkan tidak takut akan undang-undang Komunis.

Pada hari 1hb Mei, semua orang terpaksa untuk menghadiri pertemuan Komunis. Tetapi kali ini, kuasa kedua besar di Soviet, iaitu Gereja Bawah Tanah, juga muncul.

Seribu lima ratus orang Kristian datang. Mereka tahu bahawa diri mereka sedang mengambil risiko kehilangan kebebasan. Mereka juga tahu penjara bererti kelaparan dan seksa. Tetapi kasih Tuhan memujuk mereka datang.

Setiap pemuja Soviet pun tahu akan *Manifesto Rahsia* (Pengumuman Rahsia) yang diterbitkan oleh Kristian Injil dari Barnaul, yang menyebut akan saudari Hmara. Beliau mendapat mayat suaminya dari penjara. Beliau pun menjadi seorang janda dengan empat anak kecil. Apabila dia dapat mayat suaminya, dia nampak di keliling tangan-tangan mayat itu ada bekas gegari. Sepuluh jari dan tapak kakinya telah dibakar hebat. Di perutnya ada tikaman pisau. Kaki kanannya bengkak, kedua-kedua kakinya dipukul; seluruh tubuhnya dipenuhi luka seksaan hebat.

Setiap yang datang memogok di Rosto itu tahu, bahawa diri mereka juga mungkin akan diseksa serupa itu, tetapi mereka masih datang.

Mereka juga tahu bahawa suami Hmara baru percaya Kristus tiga bulan dulu itu. Apabila dia dikebumikan, ada sekumpulan besar pemuja datang mengunjung. Ayat yang disertai keranda ialah:

“Bagi saya, hidup ialah untuk Kristus, dan beruntunglah bila mati.”

“Jangan takut mereka yang sanggup membunuh tubuh, tetapi yang tidak berkuasa untuk membunuh roh.”

“Saya nampak dibawah mazbah ada orang yang terbunuh oleh

sebab firman Tuhan.”

Contoh syahid itu mengaruhi orang ramai di Rosto. Mereka memenuh-penuhi sebuah rumah kecil -- sehingga ada kena naik ke atas bumbungnya, dan ada yang memanjat pokok ketepian untuk nampak acara yang dijalankan, seperti masa dulu pegawai cukai si-pendek Zakias. Hari itu terdapat lapan puluh orang yang bertaubat, kebanyakan remaja. Di antara mereka termasuk 23 pemuda-pemudi bekas Komunis.

Pemuja-pemuja berjalan melintasi bandar dan dibaptiskan di dalam Sungai Danube.

Polis Komunis tiba ke tepi sungai dengan beberapa buah lori. Mereka hendak menangkap saudara yang memimpin(sebab polis tidak dapat menangkap 1500 orang!) Semua pemuja pun berlutut dan berdoa Tuhan agar dapat meneruskan persembahan hari itu. Kemudian saudara dan saudari pun berdiri dekat sebagai tembuk orang, untuk mengelilingi saudara ketua, harap dapat melindunginya daripada polis. Keadaan mula jadi cemas.

Akhbar parti kata ahli-ahli Baptis yang haram itu mempunyai mesin cetak sulit. (Di Soviet, gelaran “Baptis” mengandungi juga Pentecostal dan mazhab-mazhab penginjil lain.) Berita parti juga kata, bahawa terbitan haram itu menggalakkan pemuda-pemudi berdiri tegak untuk iman. Salah sejenis terbitan menasihati ibu bapa Kristian supaya membawa anak-anak mengunjungi acara kebumian, supaya memberitahu mereka tidak perlu membimbangkan untuk hal sementara bumi; ia juga menasihati ibu bapa memberi anak-anak ajaran keagamaan, untuk menentangi ajaran kufur dari sekolah.

Di dalam penamatan, akhbar parti itu memberi satu soalan:

“Kenapa cikgu-cikgu sekolah kami begitu takut-takut, dan tidak mengambil bahagian dalam kehidupan keluarga murid-murid? Sampai murid-murid mereka telah dibinggungkan agama?”

Majalah Guru-Guru Komunis itu juga kata, ahli-ahli yang bergiat dari Gereja Bawah Tanah telah dituduh di mahkamah.

“Pemuja-pemuja muda itu tidak memberi hormat kepada penakbiran Komunis. Tindakan mereka kegila-gilaan. Lagipun penuntun-penuntun wanita muda masih memberi sokongan kepada mereka!”

Ahli-ahli Gereja Bawah Tanah mengambil risiko dipukul dan dipenjarakan, datang ke ibu pejabat Komunis Soviet minta kebebasan bagi agama.

Kami ada senaskah dokuman rahsia, yang ditulis oleh ahli-ahli jawatan kuasa Baptis Soviet yang “haram”. (Di sebaliknya, Baptis Soviet Rasmi dipimpin oleh pengkhianat Karev, yang memuji pembunuh-pembunuh besaran-besaran, iaitu Komunis. Dokuman rahsia itu telah sampai Barat melalui cara sulit.

Dokuman itu juga mengatakan sebuah pemogokan lain di Moscow.

Inilah terjemahannya:

*“Berita kecemasan.*

*“Semoga keselamatan datang daripada Tuhan Bapa dan Yesus Kristus, kepada kamu sekalian.*

*“Kami mesti memberitahu kalian dengan segera, bahawa ada 500 orang ahli Baptis telah tiba Moscow untuk bertemu dengan ketua Komunis di ibu pejabatnya.*

*“Kami telah menghantarkan senaskah pemohonan, minta*

*bertemu dengan ketua setiausaha Brinsanu. ”*

Akhbar itu juga berkata, lima ratus saudara itu berdiri sepanjang hari di luar bangunan itu. Semua saudara itu adalah wakil-wakil Gereja Bawah Tanah. Inilah kali pertama ada pemogokan anti-Komunis di Moscow. Apabila dekat malam, mereka menyerahkan pemohonan yang kedua, mengadu akan seorang pegawai Komunis bernama Stroganov yang enggan menyampaikan permintaan mereka kepada Presiden, bahkan mengancamkan mereka.

Lima ratus wakil itu tinggal di tepi jalan sepanjang malam. Kereta-kereta yang melalui melemparkan tanah kotor kepada mereka, serta memaki. Malam itu hujan, tetapi mereka masih tunggu sampai pagi.

Pada hari keesokan, pihak Komunis bercadang supaya lima ratus saudara itu masuk ke dalam bangunan untuk bertemu dengan pegawai kedua penting. Tetapi pemuja-pemuja tahu bahawa jika mereka masuk, mereka akan dipukul, sebab di dalam bangunan orang ramai tidak boleh nampak, jadi tidak ada saksi. Jadi saudara-saudara itu enggan masuk.

Jadi pada petang 1.45pm, 28 buah bas datang. Parti Komunis mula bertindak kasar. “Kami mendirikan tembok manusia dengan mengikat tangan, dan mula menyanyi lagu pujian *Hari terbaik di hidupku ialah dapat memikul sebuah salib*. Polis gelap mula memukul kami, termasuk yang muda dan yang tua di antara kami. Mereka memutuskan ikatan kami, memukul muka dan kepala kami, dan melemparkan kami ke atas jalan besar. Mereka menarik rambut saudara-saudara sampai naik ke atas bas. Sesiapa yang cuba turun akan dipukul sampai kehilangan kesedaran. Akhirnya

semua saudara pun dinaikan bas, tidak tahu hantar ke mana. Ramai orang menuntun itu, dan boleh dengar saudara-saudara itu terus menyanyi di atas bas.”

Selepas itu, ada pula terjadinya sesuatu yang lebih elok. Selepas semua saudara tersebut ditangkap, George Vin sama seorang pemimpin Kristian lain, Horev, masih berani datang ke ibu pejabat Komunis itu. Sama seperti Yesus masih berani memberi khutbah yang sama di tempat yang sama, selepas Yahya pembaptis tertangkap. Dia berkhotbah “*Bertaubatlah, sebab kerajaan syurga telah dekat.*” (Matius 4:17)

George dan Horev minta tahu di mananya wakil-wakil itu, dan meminta kelepasan mereka dengan segera. Dua saudara itu terus hilang. Akhbar memberitahu bahawa mereka di masukkan penjara di Lefortovskaia.

Adakah Gereja Bawah Tanah telah takut selepas itu? Tidak! Saudara-saudara lain terus mempamerkan berita tersebut dengan mencetakkannya, tidak takut sendiri akan ditangkap. Berita itu kata: “*Saudara-saudari, kalian mendapat rahmat, bukan saja supaya dapat mempercayai Kristus, tetapi juga untuk menderita untukNya.*” Mereka meneguhkan saudara-saudara dengan kata: “*Supaya jangan ada orang yang goyang imannya kerana kesusahan-kesusahan ini. Kamu sendiri tahu, bahawa kita ditentukan untuk itu.*” (1 Tesalonika 3: 3) Mereka juga menyebut Ibrani 12:2, menyeru saudara-saudari supaya menumpul hati kepada “*Yesus, Pelopor dan Penyempurna iman kita. Untuk kebahagiaan yang ditentukan baginya, dia telah menanggung seksa salib, tanpa menghiraukan pengaiban itu,*” Gereja Bawah Tanah membantah secara umum tentang keracunan fahaman kufur,

bukan saja di bandar Rosto dan di Moscow, tetapi juga diseluruh Soviet. Mereka sedang mencabar Komunis dan pemimpin-pemimpin gereja rasmi. Mereka menulis di sesuatu pengakuan rahsia: “*Pada hari kami, Satan sedang memberi arahan, dan Gereja menerima segala jalan parti yang menentangi Tuhan.*”

Akhbar parti menyerang saudara Alexei Neverov, Boris Garmashov dan Axen Zubov. Saudara-saudara itu mengatur jemaah mereka untuk mendengar Siaran Injil dari Amerika.

Parti juga menuduh saudara-saudara itu menggunakan pertemuan seni atau berkelah untuk berinjil. Pada masa dulu, jemaah sulit Kristian berkumpul di kubur-kubur bawah tanah di Roma, pada masa kini, hal yang sama ini juga terjadi dengan Gereja Bawah Tanah.

Akhbar Parti *Sovietkaia Moldavia*, 15hb Septembor 1966 mengadui bahawa Gereja Bawah Tanah membuat fotostet buku-buku kecil secara haram, untuk menyaksi Kristus di tempat-tempat umum.

Akhbar itu juga berkata, ada tiga pemuda dan empat pemudi menyanyikan lagu pujian Kristian di atas kereta api, iaitu lagu *Berilah yang terbaikmu kepada Tuhan Yesus*. Pengarang itu mengaku bahawa dirinya juga berasa muntah, sebab pemuja-pemuja itu “tidak henti menginjil di jalan besar, di stesyen kereta api, di atas kereta api dan di atas bas, bahkan juga di pejabat-pejabat kerajaan.” Inilah satu lagi bukti akan kegiatan Gereja Bawah Tanah di Soviet.

Kristian-Kristian itu dihukum bersalah di atas mahkamah, sebab mereka menyanyi lagu Kristian(hal larangan di Soviet). Apabila hukuman telah dibaca, saudara-saudari kami pun berlutut dan berdoa: “Tuhan kami, kami bersyukurMu, sebab mengizinkan

kami menderita bagi Mu.”

Seorang wanita pun mula memimpin penuntun-penuntun di mahkamah bernyanyi bersama-sama, untuk menggalakkan saudara-saudari yang baru terhukum.

Pada 1hb Mei, Kristian-Kristian di kampung Capceag dan Zaharovka mengadakan persembahan di hutan, sebab mereka tiada bangunan gereja.

Mereka juga sering berkumpul dengan alasan merayakan harijadi. Di ramai keluarga Kristian, walaupun saja ada 4 atau 5 anggota, setahun mereka ada 35 kali harijadi!

Tidak ada apa-apa penjara atau seksa yang boleh menakutkan Gereja Bawah Tanah. Seolah-olah Kristian pada kurun pertama, penganiayaan saja menguatkan iman mereka.

Akhbar *Pravda Ukraini*, 4hb Oktobar 1966, mengisahkan saudara Prokofiev, seorang pemimpin di Gereja Bawah Tanah. Dia telah dikurungkan tiga kali, tetapi setiap kali menghabiskan masa tahanannya, dia terus mengadakan sekolah minggunya secara sulit. Kini dia ditangkap semula.

Dia menulis di dalam *Pengumuman Rahsia*: “Gereja rasmi mengikut aturan manusia(aturan Komunis), dan terhilang berkat Tuhan.”

Apabila kamu dengar seorang saudara Soviet terkurung, jangan fikirkan penjara Barat. Di Soviet, penjara bermaksud lapar, seksa dan cuci otak.

Majalah *Nauka i Religia*(Sains dan Agama), naskah ke 9, 1966, mengatakan bahawa Kristian sedang menyebarkan sejenis majalah injil, dengan permukaan hampir serupa dengan sejenis majalah bulanan parti *Ogoniok*. Mereka juga menyebarkan sejenis buku kecil, mukanya novel Tolstol *Anna*, tetapi di dalamnya

adalah sebahagian Alkitab!

Kristian-Kristian ini juga menyanyi lagu *Komunis Antarabangsa*; tetapi kata-kata lagu mereka ialah pujian kepada Kristus -- *Kazakstankaia Pravda*, 30hb Jun 1966.

Di sepucuk surat rahsia dari Siberia, ia mengatakan gereja rasmi Baptis sedang memusnahkan gereja tulin dan pemuja-pemuja yang sejati, seperti orang Farisi dan imam besar menjual Yesus kepada Pilate. Tetapi jemaah yang tulin terus bekerja.

Pengantin perempuan Kristus terus melayani Kristus! Bahkan Komunis juga mengaku bahawa Gereja Bawah Tanah telah mendapati orang parti. Kita boleh memenangi Komunis!

Pada tahun 1966, 27hb April, Akhbar *Bakinskii Rabochi* mengumumkan surat-surat seorang pemuda Komunis Tania, yang telah memeluk agama Kristian. Surat-suratnya pun dirampas Komunis. Inilah tulisannya:

*“Semoga Tuhan memberkatimu, Nadia yang dikasihi.*

*“Aunti Nadia, betapa seجاتinya Tuhan Yesus mengasihiku! Saya apa kebaikan pun tiada. Saya percaya kata aunti: ‘kasihi musuhmu, dan berdoa untuk orang yang menganiayaimu.’ ”*

Pemudi itu ditahan polis, saudara Peter pun ditangkap, sebab dialah yang membawa Tania kepada Yesus. Akhbar parti merujuk kata Peter: *“Kami mesti percaya pada Juruselamat seperti Kristian-Kristian pada kurun pertama. Bagi kita, Alkitab adalah undang-undang pertama. Kita tidak mengakui undang-undang lain. Kita mesti menyelamatkan orang daripada dosa, terutama orang muda.”* Walaupun kerajaan kufur ini kejam, masih ada rakyat yang berani menjawab dengan terus terang.

Kemudian surat khabar parti ini pun menyifatkan sesuatu keadaan yang liar: “...*pemuda pemudi pun menyanyi lagu rohani. Mereka menerima baptisma, dan terus memegang ajaran yang palsu, iaitu mengasihi seteru.*”

Surat khabar *Bakinskii Rabochi* juga kata ramai pemuda-pemudi parti Komunis, sebenarnya Kristian! Di perhujungan karangan itu, ia kata: “*Betapa kekurangan jasanya sekolah-sekolah kami(iaitu sekolah Komunis), sehingga pendeta-pendeta dapat merampas murid-murid di depan pegawai-pegawai kita(iaitu guru-guru Komunis).*”

Pada 30hb Jun 1966, akhbar parti *Kazakstanskaia Pravda* mengatakan sejenis majalah sulit Gereja Bawah Tanah. Di dalam majalah itu, ia menasihati ibu-ibu: “*biarlah kita menyerahkan anak-anak kita kepada Tuhan sedangkan mereka masih kecil. Kita mesti menyelamatkan mereka daripada pengaruh dunia.*”

Tuhan dengar doa! Surat khabar Komunis telah membuktikan ini. Agama Kristian berjaya di antara orang muda.

Surat khabar Soviet juga menyifatkan bagaimananya seorang pemudi Komunis, Nina, menjadi seorang Kristian. Saja sebab beliau pernah datang ke sebuah pertemuan sulit Kristian.

Akhbar parti giliran ke sembilan *Sovietskaia Justitia* menyifatkan perhimpunan sulit itu: “*Mereka mengadakan itu pada tengah malam. Mereka melindungi diri, bahkan bayang diri mereka juga akan kejutkan mereka. Semua datang dari merata tempat. Saudara-saudari berkumpul di dalam sebuah bilik yang rendah. Oleh sebab ramai yang datang, mereka tiada tempat untuk berlutut. Hawa pun kekurangan, dan lampu minyak terpadam sebab kekurangan udara. Semua orang berpeluh kuat. Di luar rumah ada seorang sedang berawas akan kedatangan polis.*”

Tetapi Nina kata di dalam perhimpunan sebegini, dia dapat sambutan penuh kasihan. *“Iman mereka betul-betul bernyala; kini saya pun ada iman sebegini. Inilah iman kepada Tuhan. Tuhan yang membawa kita ke dalam perlindunganNya. Biarlah ahli-ahli pemuda Komunis enggan berkawan dengan saya! Biarlah mereka meringankan saya, dan panggil saya ‘Si Baptis’! Ini serupa memukul mukaku. Tetapi saya tidak peduli.”*

Ramai pemuda-pemudi Komunis adalah seperti Nina. Mereka terus melayani Kristus.

Pada 18hb Ogos 1967, surat khabar *Kazakstanskaia Pravda* melaporkan hukuman mahkamah yang diberi kepada Kassen, Bondar dan Teteghin. Kita tidak tahu apa hukumannya, saja tahu bahawa tuduhan tentang mereka ialah: *mengajar budak-budak akan Kristus.*

Pada 5hb Jun 1967, surat khabar *Sovietskaia Kirghizia* mengadu bahawa Kristian-Kristian ‘menimbulkan kemarahan kerajaan sehingga memberi mereka hukuman’. Jadi pihak Komunis terpaksa menangkap Kristian-Kristian yang degil ini. Jenayah mereka ialah mempunyai sebuah mesin cetakan, dan enam buah mesin ikatan buku, untuk menerbit buku-buku Kristian.

Akhbar parti pada 21hb Feb 1968 mengatakan beribu-ribu wanita dan pemuda memakai ribon dengan ayat-ayat Alkitab. Pihak kuasa mendapati orang yang memulakan fasion itu ialah seorang anggota polis Komunis yang bernama Stasiuk, yang sebenarnya seorang Kristian. Beliau telah ditahan polis.

Jawapan Kristian-Kristian gereja gelap adalah syurgawi. Seorang hakim tanya seorang wanita Kristian: “Kenapa kamu menarik orang ke dalam kepercayaan palsu itu?” Wanita itu jawab:

“Tujuan kami adalah mendapati sedunia untuk Kristus.”

Di sesuatu penghakiman lain, si hakim kata: “Agama kamu adalah anti-sains.” Perempuan yang dihakimi itu pun jawab: *“Adakah tuan Hakim mengerti sains lebih daripada Einstein atau Newton? Kedua-kedua tokoh sains itu Kristian. Alam semesta kita ini dinamakan Alam Semesta Einstein. Einstein menulis: ‘Jika kita membersihkan agama Yahudi dan agama Kristian daripada tambahan-tambahan masa kemudian, sehingga agama itu berpulih jadi seperti yang diberikan nabi-nabi dulu, dan yang diajari Yesus, kita pun dapat sejenis agama yang dapat menyelamatkan dunia daripada segala kejahatan. Setiap orang pun wajib memberi sokongan kepada agama ini.’ Dan ingat juga ahli sains kita Pavlov! Buku-buku Parti Komunis juga kata beliau seorang Kristian! Bahkan Karl Marx pun kata di dalam bukunya Das Kapital: ‘Agama Kristian, terutama cabarannya Protestan, adalah agama yang sesuai sekali untuk mendirikan semula sesuatu jiwa yang terhancur.’ Saya seorang yang amat berdosa. Marx menasihati saya supaya menjadi seorang Kristian untuk memulihkan jiwaku. Bukankah tuan seorang pengikut Marx? Kenapa menyoal saya sebab saya menjadi Kristian?”*

Hakim itu tidak dapat menjawab.

Kepada tuduhan yang sama, iaitu bahawa agama Kristian menentangi sains, seorang Kristian menjawab di mahkamah: *“Tuan hakim, saya pasti tuan tidak semahir dalam sains seperti Simpson yang mendapati chloroform? Ada orang tanya Simpson apakah pendapat yang teragungnya. Beliau jawab, ‘pendapat yang terbesar saya bukan chloroform, melainkan mendapati bahawa diri saya seorang pendosa, yang perlu keselamatan*

*Tuhan. ' ”*

Gereja Bawah Tanah rela menyerahkan darah mereka untuk iman ini. Kesudian ini adalah saksi mereka yang terbesar. Mereka adalah “*persatuan sengsara*” yang dikatakan Albert Schweitzer, (seorang pengkhotbah ke Afrika yang mashyur.) Inilah persatuan dengan Anak Sengsara, Yesus. Tiada orang dapat mengalahkan persatuan ini.

Di sepucuk surat yang diseludup keluar, Gereja Bawah Tanah menulis: “*Kami tidak minta Tuhan untuk menjadikan kami Kristian yang lebih baik, saja minta Tuhan supaya kami dapat menjadi seperti Kristus, yang rela mengambil salib yang mulia ini.*”

Apabila Kristian-Kristian disoal, atau dibawa ke depan mahkamah, mereka tidak memberitahu pihak penguasa akan nama-nama saudara yang memimpin mereka. Mereka “bijak seperti ular”, serupa yang dikatakan Yesus.

Pada 15hb Jan 1966, akhbar *Kebenaran Timur* melaporkan, apabila pihak kuasa tanya Maria Sevciuk siapa yang membawanya kepada Kristus, dia menjawab: “Tuhan yang membawa saya ke kumpulannya.” Seorang lain yang dituduh, menjawab: “Kami tiada pemimpin manusia.”

Komunis menyoal budak-budak Kristian: “Siapa mengajar kamu enggan memakai kain merah di atas leher dan meninggalkan pasukan remaja?” Mereka jawab: “Kami sendiri yang mengambil keputusan. Tiada orang mengajak kami.”

Walaupun di sesetengah tempat, kegiatan Kristian dapat dilihat secara umum seperti kemuncak ais apung, di tempat lain, Kristian-Kristian membaptiskan dirinya dengan sendiri, agar

pemimpin-pemimpin mereka tidak dibahayakan. Ada pula yang menerima acara baptis di tepi sungai dengan memakai tudung, jadi tidak risau jika ada sesiapa berlalu yang mengambil gambar.

Akhbar *Uchitelskaia Gazeta*, 30hb Jan 1964 mengatakan sesuatu perhimpunan Komunis di desa Voronin. Selepas pensyarah itu menyiapkan ucapannya, surat khabar ini melapor, orang-orang Kristian pun tanya: “Di manakah kamu Komunis mendapat ajaran moral, seperti jangan mencuri, jangan membunuh?” Pensyarah itu tidak dapat jawab. Kristian-Kristian pun menunjukkan bahawa semua ajaran-ajaran ini datang daripada Alkitab. Pensyarah itu terbinggung. Akibat pensyarahan ini adalah kemenangan bagi Kristian.

## **Penganiayaan gereja semakin teruk**

Gereja Bawah Tanah ditindas lebih hebat hari ini. Soviet memusnahkan semua agama. Apabila kami dengar akan penganiayaan Yahudi di negara-negara Komunis, kami pun sedih. Tidak lama dulu, akhbar Soviet menyebut akan penangkapan besar-besaran. Di sesuatu tempat, 82 orang Kristian dikurungkan di sebuah pusat sakit jiwa, bersama-sama orang gila. 24 orang di antara mereka itu mati selepas beberapa hari, sebab “terlalu banyak doa!” Bayangkan keadaan yang dihadapi mereka.

Kesengsaraan mereka yang terbesar adalah, setelah kerajaan mendapati bahawa mereka mengajar anak-anak diri mereka akan Kristus, kerajaan pun merampas anak-anak mereka, dan tidak membenarkan lawatan.

Soviet telah berjanji memberi rakyatnya pendidikan am

apabila bermesyuarat di Persatuan Negara-Negara Sedunia. Syarat itu nyata: “Ibu bapa berkuasa mengajar anak-anak sendiri dengan kepercayaan diri mereka.” Pemimpin Gereja Baptis rasmi Karev berjanji bahawa Soviet mengikut syarat ini. Saja orang bodoh akan percayanya! Inilah laporan akhbar Soviet:

Di akhbar *Sowjetskaia Russia*, ia melapor ada enam orang anak seorang Baptis, Makrinkowa, telah dirampas oleh pihak kuasa, sebab ibu ini mengajar anak-anak akan Kristus, dan menyuruh mereka jangan memakai kain merah remaja Komunis.

Apabila ibu ini dengar akan hukuman ini, dia saja kata: “Saya sedang menderita untuk iman.” Dia kena membayar untuk kebelanjaan anak-anaknya di asrama. Kini mereka sedang diajar dengan ajaran kufur. Fikirlah kesengsaraan ibu ini, semua ibu Kristian!

Akhbar *Ucitelskaia Gazeta* menyebut akan Ignatii Mullin dan isterinya. Hakim minta mereka melepaskan kepercayaan mereka. Hakim itu kata, “Kini kamu isteri kena membuat satu pilihan: Nak Tuhan atau nak anak-anak sendiri?” Bapa itu jawab: “Saya tidak akan lepaskan iman.”

Paulus berkata: “Semua sesuatu pun bekerjasama untuk kebaikan...” Saya pernah nampak anak-anak Kristian selepas dirampas kerajaan, membawa iman mereka ke sekolah! Mereka menyebarkan Injil kepada rakan-rakan!

Yesus berkata, sesiapa yang kasih anak sendirinya lebih daripada Dia, tidak layak untuk mengikutinya. Kata ini benarnya di belakang langsir besi.

Saja cuba tidak jumpa anak-anak dirimu untuk seminggu! Ibu bapa Kristian Soviet sampai hari ini masih tiada hak ini. Kami

mendapat berita terbaru daripada akhbar-akhbar Soviet, bahawa Vsetsheslav, iaitu anak Puan Sitsh, telah dirampas sebab ibunya mengajar anaknya akan Tuhan (*Znamia Iunosti*, 29hb Mar 1967). Dan Tania, iaitu cucu Zabavina, juga dirampas sebab ini.

Selain daripada Gereja Bawah Tanah Protestan, kita juga patut menyebut akan Kristian-Kristian daripada mazhab Ortodoks(iaitu cabangan Kristian utama di Rusia).

Ortodoks Rusia kini juga berubah semua sekali. Beberapa ratus ahli mereka telah dimasukkan penjara. Di dalam penjara tiada rantai butir untuk berdoa,dan tiada salib dengan patung Yesus yang tergantung, atau patung-patung rasul, lilin, atau tepung wangi. Pemuja-pemuja biasa juga tidak dapat layanan pendeta di dalam penjara(banduan-banduan paderi biasa dikurung berpisah dengan umat-umat mereka, supaya umat mereka tidak dapat nasihat ketuhanan.) Pendeta juga tiada jubah suci lagi, dan tiada roti dan arak suci, atau minyak suci, dan tiada buku-buku doa Tuhan Yesus. Kini mereka nampak bahawa mereka boleh terus sampai kepada Tuhan tanpa apa-apa perkakas itu. Mereka boleh mendekati Tuhan melalui doa. Inilah pembaruan rohani yang tulin, seperti gereja pada kurun pertama.

Jadi di Soviet dan di negara-negara Europah Timur termuncul sejenis Gereja Bawah Tanah Ortodoks. Sebenarnya Jemaah ini adalah Jemaah Asli, yang amat berdekatan Tuhan, dengan sedikit acara Ortodoks. Jemaah ini ada ramai syahid. Siapa tahu di mananya biskop tua Yermogen sekarang? Beliau berani membantah persekutuan pemimpin-pemimpin gereja dengan kerajaan Komunis, dan tiba-tiba beliau pun terhilang(diculik).

Selepas 50 tahun penjajahan Komunis, akhbar-akhbar Soviet dipenuhi kemenangan Gereja Bawah Tanah! Gereja ini menderita

hebat, tetapi terus beriman, dan terus bertumbuh!

Kami menabur secara sulit di antara tentera Soviet yang menjajahi Romania. Di negara-negara Europah Timur lain pun ada Kristian yang menyampaikan kepada tentera Soviet di sana, dan ada di tanah Soviet sendiri. Benih-benih itu kini bertumbuh dan berhasil.

Kita boleh memenangi orang Komunis. Orang Komunis boleh percaya Yesus. Umat yang ditindasi mereka pun dapat percaya, saja kamu kena membantu.

Buktinya ialah pertumbuhan Gereja Bawah Tanah di Soviet, Cina dan hampir di setiap negara Komunis lain.

Di sinilah surat-surat yang menunjukkan betapa eloknya saudara-saudari kita di bawah keadaan yang ngeri itu. Surat terakhir itu datang dari penjara Soviet.

## **Bagaimana remaja Komunis Varia mendapati Kristus**

Tiga pucuk surat ini ditulis oleh remaja Kristian Maria. Dialah yang membawa Varia kepada Kristus.

### *Surat Pertama*

“Saya terus tinggal di sini. Saya amat dikasihi. Seorang pemuda Komunis juga mengasihi saya. Dia berkata kepada saya: ‘Aku tidak faham bagaimana kamu ini. Di sini kebanyakan orang pun mengejek kamu, tetapi kamu kasihi setiap mereka itu.’ Saya jawab bahawa Tuhan mengajar kita mengasihi musuh seperti

rakan. Pada masa dulu pemuda Komunis ini menyusahkan saya. Tetapi saya berdoa khas untuknya. Apabila dia tanya jika saya boleh mengasihinya, saya pun memeluknya. Kami kedua-dua pun menangis. Kini kami berdoa sama-sama.

“Doalah untuknya. Namanya Valia.

“Apabila kamu dengar ada orang mengutuk Tuhan dengan lantang, sajalah kerupaan demikian. Kamu akan mendapati kemudian bahawa ramai yang mengutuk tuhan di atas mulut mereka, sebenarnya hati mereka rindu akan Tuhan... orang-orang itu sedang cuba mencari sesuatu untuk memenuhi kekosongan hati sendiri.

Saudarimu dalam Kristus, Maria”

*Surat kedua:*

“Di surat pertama, saya telah kata akan pemuda kufur Varia. Kini saya memberitahu kamu sekalian: Valia telah menerima Kristus sebagai juruselamatnya, dan sedang memberi kesaksian kepada setiap orang.

“Tetapi selepas dia percaya Yesus, dan bersukacita akan keselamatannya, dia juga menjadi amat sedih. Sebab dia pernah mengumumkan fahaman kufur. Kini dia hendak membetulkan kesalahan ini.

“Kami pergi ke perhimpunan kufur bersama-sama. Walaupun saya telah memberi amaran bahawa dia kena memperdiamkan diri, tetapi tidak berguna. Selepas orang ramai bernyanyi lagu parti,

Valia pun pergi ke atas pentas untuk menyaksikan Kristus sebagai Juruselamatnya, dan minta maaf daripada rakan-rakan akan kebutaannya pada masa dulu. Dia minta semua untuk melepaskan dosa, dan pusing kepada Kristus.

“Semua pun berdiam, tiada seorang pun yang membantah. Selepas itu Valia menyanyikan sebuah lagu Kristian, *‘Aku tidak malu mengikut Kristus.’*”

“Selepas itu... selepas itu mereka pun membawa Valia keluar.

“Hari ini 9hb Mei. Kami masih tiada berita akan Valia. Tetapi Tuhan ini mahakuasa. Biar kita berdoa!

-- Saudari Maria”

*Surat ketiga:*

“Semalam 2hb Ogos. Saya pergi melawat penjara, dan dapat bertutur dengan saudari kekasihannya kita Valia. Dia saja seorang remaja, baru umur 19. Mengikut masa kepercayaannya, dia sajalah seorang bayi dalam Kristus. Tetapi dia telah mengasihi Yesus dengan sepenuh hati, dan terus menjejaki jalan yang susah ini. Dia begitu lapar. Apabila kami mengetahuinya di dalam penjara, kami pun mula mengirinkan bungkusannya kepadanya. Tetapi dia saja dapat sebahagian kecil.

“Semalam saya nampaknya pucak dan kurus, dan ada kesan terpukul. Saja matanya menyinar ketenteraman ketuhanan, dan ada sejenis kesukacitaan yang bukan daripada dunia.

“Saudara-saudari, betul-betul saya kata, keamanan ini tidak dapat dierti bagi orang yang belum mengalaminya. Betapa gembiranya orang yang dapat keamanan ini... kepada kita yang

berada di dalam Kristus, tiada sengsara atau kerugian yang dapat membantahkan kita.

“Saya tanyanya diluar rangka besi: ‘Valia, adakah kamu sesal akan perbuatan dirimu?’

“Dia menjawab: ‘Tidak. Jikalau mereka melepaskan saya, saya juga akan teruskan cerita Kristus ini. Jangan fikir saya sedang menderita. Saya amat gembira sebab Tuhan Yesus begitu kasih saya, sehingga memberi saya peluang untuk memikul sedikit sisa salibnya.’

“Sila berdoa untuk Valia. Mungkin pihak penjara akan menghantarkannya ke Siberia. Kini selain pakaian di atas badannya, dia apa pun tiada. Dia juga tiada keluarga atau sanak saudara. Kita mesti mengumpul segala keperluan hidup baginya. Saya telah mengasingkan duit yang kamu sekalian hantar kali terakhir itu. Apabila Valia dihantar ke Siberia, saya pun akan menyerahkan duit ini kepadanya. Semoga Tuhan memperlindunginya!

-- Maria”

*Surat ke empat:*

“Maria yang dikasihi, akhirnya saya dapat peluang untuk menulis kepada mu. Kami telah sampai di... Kem kami kira-kira sepuluh batu dari pekan. Saya tidak dapat menyifatkan kehidupan kami. Kamu tahu itu. Saya saja hendak menulis sedikit akan diri saya. Saya bersyukur Tuhan memberi saya kesihatan, supaya dapat bekerja berat. Saya kerja sama seorang saudari X. Kami

ditugaskan untuk mengendalikan sebuah mesin. Saudari itu agak lemah, saya akan menyiapkan kerja saya, dan membantunya kemudian. Kami bekerja 12 atau 13 jam sehari. Makanan kami amat sedikit, seperti kalian. Tetapi ini bukan yang saya hendak katakan.

“Hatiku dipenuhi pujian dan syukur kepada Tuhan. Dia telah menunjukkan saya jalan keselamatan. Kini hidup saya bermakna, dan saya tahu ke arah mana, dan menderita untuk siapa. Saya rasa mesti memberitahu setiap orang, dan menyaksi akan keriang keselamatan ini. Kesukacitaan ini ada di dalam hatiku. Siapa yang dapat memisahkan saya daripada kasih Tuhan? Penjara dan kesakitan tidak dapat pisahkan kita. Sengsara yang diberi Tuhan saja akan meneguhkan iman kita kepadanya. Hatiku begitu dipenuhi rahmat Tuhan. Apabila kerja, mereka mengutuk saya, denda saya, dan memberi saya lebih kerja, sebab saya tidak henti memberitahu semua akan Juruselamat. Yesus telah menjadikan saya seorang baru. Saya yang sedang menuju ke arah kematian ini dapat keselamatan yang begitu besar, bolehkah saya berdiam? Tidak. Lidah saya akan menyaksikan kepada setiap orang.

“Sedangkan di dalam perjalanan ke kem perbuluhan, kami telah berjumpa dengan ramai saudara-saudari dalam Kristus. Inilah anehnya: pada masa pertama kamu bertemu dengan mereka, kamu sudah tahu mereka itu anak-anak Tuhan. Tidak perlu pertuturan pun. Bila matamu nampak mereka, kamu sudah tahu siapanya mereka itu.

“Dalam perjalanan ke kem, bila kami henti di sebuah steysen kereta api, seorang wanita datang dan memberi kami makanan. Dia saja kata: ‘Tuhan hidup.’

“Bila kami sampai kem, pada hari senja itu, mereka pun bawa

kami ke bilik kurungan di bawah tanah. Masa itu telah gelap. Kami mengucapkan salam kepada banduan-banduan di dalam: ‘Semoga kalian selamat.’ Dari setiap sudut pun ada orang balas: ‘Kami terima kamu sekalian dengan salam.’ Sejak hari itu, kami merasa seperti di rumah sendiri.

“Memang begitu. Di sini ada begitu ramai yang percaya Kristus sebagai Juruselamat. Lebih setengah bantuan adalah Kristian. Di antara kami ada yang pandai nyanyi, ada yang pandai berkhotbah. Pada masa senja, selepas bersusah-payah sehari, kami pun berkumpul untuk berdoa. Betapa eloknyanya pertemuan itu, kami berkumpul di depan kaki Tuhan Yesus. Bersama Kristus, mana-mana pun bebas. Saya belajar banyak lagu pujian yang elok. Tuhan menambahkan firmanNya kepada saya tiap-tiap hari. Pada umur 19 baru saya merayakan kelahiran Kristus untuk pertama kali. Saya tidak akan lupakan hari yang elok itu! Selepas bekerja berat sehari, ada saudara-saudara masih rela pergi ke tepi sungai untuk memecahkan ais (Siberia tempat berais hampir sepanjang tahun). Pada masa malam, saya dan tujuh orang saudara pun dibaptiskan. Betapa gembiranya saya. Semoga Maria pun dapat bersama, supaya saya dapat minta maaf untuk segala dosaku tentangmu. Tetapi Tuhan telah pisahkan kami untuk tugas masing-masing.

“Sila menyampaikan salam kepada segala keluarga Tuhan. Tuhan akan memberkati kalian dengan lumayan, sama seperti Dia telah berkatiku... (Ibrani 12: 1-3.)

“Semua saudara-saudari di sini pun hantarkan salam kepada kalian, kami memuji Tuhan sebab kejujuran kalian. Kalau kamu menulis kepada rakan lain, sampaikan salam kami juga.

-- Valia”

*Surat kelima:*

“Maria yang dikasihi, akhirnya saya dapat peluang untuk menulis kepadamu. Saya boleh memberitahu kamu, bahawa dengan rahmat Tuhan, saya dan saudari X masih sihat. Kini kami berada di... mereka telah hantarkan kami ke... kami akan tinggal di sana.

“Saya terima kasih kamu menjaga saya seperti ibu. Kami telah dapat bungkusan kiriman kamu. Yang mulia sekali ialah Alkitab yang kamu kirim itu. Hantarkan terima kasih kepada setiap orang. Ribuan syukuran.

“Sejak Tuhan menunjukkan kasihNya kepada saya, saya pun mengangkap diri saya sebagai orang yang bahagia sekali di dunia. Sengsara saya ini jugalah rahmat yang luarbiasa. Saya bersyukur Tuhan, pada hari pertama sejak terima Yesus, saya telah dapat kurnia untuk menderita bagiNya. Semoga semua pun berdoa untuk saya, supaya saya dapat berikhlas hati sampai akhir.

“Semoga Tuhan melindungi kalian, teguhkan kalian dalam peperangan suci ini!

“Saudari X dan saya menyampaikan salam kepada kalian dengan berciuman mulut. Selepas kami... selepas itu, mungkin kami ada peluang untuk tulis kepada kalian. Jangan terlalu bimbang untuk kami. Kami bersukacita, sebab balasan kami di syurga itu besar. Matius 5:11-12.

-- Valia”

Inilah surat terakhir yang kami dapat daripada Valia. Selepas itu kami tidak dapat apa-apa berita lagi. Tetapi saksi yang eloknya ini menunjukkan betapa cantik dan ikhlasnya Gereja Bawah Tanah di tanah Komunis itu.

# Bab 7

## Bagaimananya Kristian-Kristian Barat boleh Membantu Kami

Inilah berita yang dibawa saya daripada Gereja Bawah Tanah. Ramai memanggil saya “suara Gereja Bawah Tanah.” Saya rasa diri saya tidak layak. Gereja Bawah Tanah adalah sebahagian tubuh Kristus yang termulia! Bagaimana boleh saya jadi suara mereka?

Tetapi di dalam jemaah rahsia ini, saya memang memimpin sebahagiannya untuk banyak tahun. Saya pernah dipenjarakan selama empat belas tahun. Saya masih hidup walaupun disiksa hebat. Inilah satu mukjizat. Saya pernah dimasukkan ‘bilik mati’ selama dua tahun (Setiap orang lain yang dihantar sana pun mati di dalamnya.)

Dan Tuhan melakukan satu lagi mukjizat, iaitu melepaskan saya ke Barat.

Saya bercakap untuk mereka yang telah ditanahkan di kubur-kubur tanpa nama. Saya juga bertutur untuk mereka yang masih berkumpul di dalam hutan, di bawah tanah, di atas siling untuk pertemuan sulit.

Keputusan Gereja Bawah Tanah ialah, saya mesti

meninggalkan Romania, untuk membawa satu pesanan kepada Kristian-Kristian yang bebas:

**“Jangan tinggalkan kami!”**

**“Jangan lupakan kami!”**

**“Jangan padamkan nama kami daripada senarai doamu!”**

**“Berilah kami perkakas, kami akan membiayai akibatnya untuk menggunakan itu!”**

Inilah suruhan yang diberi Gereja Bawah Tanah. Dan saya telah sampaikanya kepada kamu sekalian.

Semoga kalian dengar seruan saudara-saudarimu di dunia Komunis. Mereka tidak minta kelepasan daripada kesengsaraan, atau dapat hidup yang aman. Mereka saja minta dapat perkakas, untuk mengatasi ajaran kufur yang sedang meracunkan anak-anak mereka. Mereka minta Alkitab untuk menyebarkan Firman Tuhan. Bagaimana dapat mereka berkhotbah tanpa Alkitab?

Gereja Bawah Tanah adalah seperti seorang doktor perbedahan yang melalui sesuatu tempat kemalangan hebat, dia nampak ramai bercedera. Ramai yang hampir mati, doktor itu berseru: “Jikalau saya ada pisau dan gunting perbedahan!” Doktor ini tidak boleh buat apa. Gereja Bawah Tanah pun serupa. Mereka rela berkorban untuk menyelamatkan jiwa, tetapi kekurangan perkakas. Permintaan mereka adalah jelas: *Alkitab, buku-buku injil, bacaan Kristian, dan duit bantuan*. Korban-korban akan ditanggung diri mereka!

## **Bagaimana dapat Kristian bebas memberi bantuan**

Setiap pemuja bebas pun boleh membantu dengan cara-cara di bawah:

### *1. Doa untuk kami*

Orang kufur tidak mengaku bahawa jiwa ada harapan cemerlang yang tidak ternampak. Mereka tidak tahu apa-apa akan rahsia jiwa kita ini. Kristian dapat membantu mereka hidup mengikut iman dan bukan dengan mata, serta perhubungan dengan Tuhan.

Jika Kristian Barat dapat hidup dengan dedikasi dan berikhlas, mereka pun dapat membantu kami. Bila-bila ada Kristian di belakang langsir besi itu dianiayai, pemuja-pemuja Barat patut bersuara dan membantah dengan serta-merta.

Kristian Barat juga boleh berdoa untuk keselamatan Komunis. Walaupun doa-doa itu nampaknya seperti kebudakan. Kita doa untuk Komunis hari ini, esok hari mereka pun menyeksa kita lebih teruk. Tetapi doa Yesus untuk Yerusalem juga rupanya kebudakan. Selepas doaNya, mereka pun menyalibkannya. Tetapi tidak lama kemudian, orang-orang itu pun sesal hati dan menghentamkan dada sendiri. Dan tiga ribu orang bertaubat dalam sehari.

Doa untuk orang lain bukan sia-sia. Setiap orang yang enggan menerima doamu ini, doa ini pun kembali kepada kamu dengan lebih berkat, dan kutuk pun timba kepada si penolak. Ramai Kristian bersama saya sentiasa berdoa untuk Hitler dan rakan seperjuangannya. Saya pasti doa kami berkesan seperti peluru-peluru tentera Persatuan.

Kita mesti kasihi jiran seperti diri sendiri. Komunis adalah jiran kita juga.

Kemunculan Komunis adalah sebab Kristian tidak mematuhi pesanan Kristus: “*Saya datang supaya orang dapat hidup, bahkan hidup dengan gembira.*” Orang Kristian tidak ada membawa lumayan kepada setiap orang. Ramai diketepikan, tidak dapat makan kenyang pun. Kini orang-orang itu memberontak, dan mendirikan parti Komunis. Mereka biasanya mangsa ketidakadilan. Kini hati mereka pahit. Kita kena melawan mereka. Tetapi seorang Kristian akan mengasihi seterunya, walaupun sedang melawannya.

Setiap kali ada orang menjadi Komunis, itulah dosa kita. Sekurang-kurang itulah kelalaian kita sebab tidak memenuhi tugas kita.

Oleh sebab ini, kita patut mengasihi mereka, dan berdoa untuk mereka, sebab ini dosa kita juga. Dan mengasihi mereka bukan bermakna menyetujui perbuatan mereka.

Kita bukan begitu bersifat kebudakan, dan berangan-angan bahawa dengan kasih saja pun dapat mengatasi masalah Komunis. Sama seperti kita boleh menasihati mana-mana kerajaan bahawa dengan kasih, mereka pun dapat menyelesaikan masalah parti-parti gelap. Pasukan polis, hakim dan penjara mesti diadakan, bukan bergantung pada pendeta-pendeta saja. Jikalau seorang ganster enggan berpusing, dia kena ditangkap dan dipenjarakan. Begitu juga dengan Komunis. Kita perlu ada kuasa Politik, Ekonomi dan kebudayaan. Parti Komunis adalah sesuatu parti gelap yang amat besar; merekalah gangster antarabangsa. Gangster-gangster yang biasa merampas duitmu, Komunis merampas seluruh negara.

Tetapi pendeta dan pemuja biasa juga ada tugas mereka. Mereka mesti membawa orang Komunis kepada Kristus; dan jangan membiarkan orang ditindas oleh Komunis.

## *2. Alkitab dan Buku Injil*

Menyelutup buku-buku ke dalam langsir besi bukanlah hal yang terlalu susah. Sejak saya keluar ke Barat, saya telah menyelutup banyak. Jika kamu sekalian rela menyediakan buku, kami pun akan hantarkan buku-buku itu kepada Gereja Bawah Tanah. Sedangkan saya masih ada di Romania, kami telah dapat banyak Alkitab dari luar negeri. Saja kena ada orang yang menderma Alkitab.

Di belakang langsir besi amat kekurangan Alkitab. Ramai Kristian di Soviet dan negara Europah Timur sudah banyak tahun belum nampak sebuah Alkitab.

Apabila saya masihlah seorang pendeta di Romania, tiba-tiba dua orang kampung yang kotor datang ke rumah saya. Mereka telah bekerja membersihkan tanah malam sepanjang musim sejuk, saya harap dapat duit yang cukup untuk membeli sebuah alkitab lama. Saya baru dapat Alkitab dari Amerika, jadi saya pun memberi mereka sebuah yang baru. Mereka tidak dapat percaya mata mereka! Mereka cuba membayar, saya menolak. Mereka melari balik dengan Alkitab itu. Beberapa hari kemudian saya pun dapat sepucuk surat mengucapkan terima kasih, penuh dengan gembira, yang ditandatangani oleh 30 orang kampung. Mereka telah memotong Alkitab itu kepada 30 bahagian, untuk dibaca tukar-tukaran.

Apabila mendengar akan seorang Soviet meminta sebuah Alkitab, adalah hal yang menyakitkan hati. Jiwa mereka perlu makanan rohani ini. Mereka sudi membayar seekor lembu atau kambing untuk mendapat sebuah Alkitab. Saya kenal seorang yang rela menyerahkan cincin perkahwinannya untuk sebuah Alkitab yang lama dan terkoyak. Kanak-kanak di sini belum nampak sekeping kad Krismas. Apabila mereka dapat satu, semua budak-budak kampung pun berkumpul, dan seorang tua pun akan mengisahkan bayi Yesus, anak dara Maria, dan cerita keselamatan Kristus. Semua itu dengan sekeping kad Krismas!

### *3. Bacaan Anti-kufur*

Kita perlu juga bacaan khas untuk membantahkan ajaran kufur yang disiarkan di dalam sekolah-sekolah rendah dan menengah. Komunis telah menerbitkan sejenis buku *Panduan Fahaman Kufur* sebagai buku suci untuk rakyatnya. Anak-anak tadika membaca cetakan yang mudah. Remeja membaca yang lebih dalam. Buku jahat ini pun menyertai seorang budak sehingga dewasa. Dunia Kristian belum ada apa-apa buku untuk mengatasinya. Kita perlu mencetak buku kita. Gereja Bawah Tanah seolah-olah diikat tangan dan tidak dapat mempertahankan diri. Kita kena menjawab itu, dan dengan berbagai-bagai bahasa juga.

Untuk anak-anak, kita mesti membalas dengan buku gambar; untuk remeja, dengan bahasa remeja. Inilah balasan Kristian kepada fahaman kufur, iaitu balasan Tuhan, balasan kita.

Kita juga kena bekerjasama dengan Gereja Bawah Tanah dan memberi mereka bantuan kewangan untuk pengangkutan dalam perinjilan perseorangan. Kini mereka kekurangan tambang bas, tambang kereta api, dan makanan perjalanan, jadi mereka pun terkurung di rumah. Apabila kampung 20 atau 30 batu jauhnya meminta mereka untuk pertemuan rahsia, mereka tak dapat pergi, saja sebab kekurangan beberapa puluh ringgit sebulan!

Pendeta-pendeta yang sudah terlepas penjara hasrat menginjil. Mereka saja perlu sedikit sokongan duit bulanan.

Kita mesti menyokong. Kristian-Kristian di negara Komunis sukar dapat pekerjaan, sebab mereka Kristian. Perbelanjaan pengangkutan adalah beban yang berat bagi mereka. Beberapa ringgit akan membuat mukjizat bagi mereka.

Paderi-paderi rasmi juga ada yang rela mengadakan perhimpunan rahsia. Gaji mereka daripada kerajaan amat sedikit. Mereka rela mengambil risiko untuk melayani pemuda-pemudi, untuk anak-anak dan untuk dewasa. Saja kekurangan duit pengangkutan.

Sebanyak 20 dollars sebulan sudah cukup untuk menolong sebuah Gereja Bawah Tanah.

#### *4. Siaran Injil*

Kita juga mesti menggunakan siaran radio untuk menyebarkan berita baik. Kita boleh menggunakan pusat siaran di dunia bebas untuk keperluan rohani di Gereja Bawah Tanah. Mereka amat lapar untuk makanan rohani ini. Soviet dan negara-negara Europah Timur sedang menggunakan siaran mereka untuk mempengaruhi

rakyat-rakyatnya dengan ajaran kufur, hampir setiap keluarga pun kena ada sebuah radio. Inilah pintu untuk Berita Baik juga.

## 5. *Wang Tunai*

Kita boleh membantu Gereja Bawah Tanah dengan wang.

Kita mesti membantu keluarga-keluarga syahid Kristian. Berpuluh-puluh keluarga sedang menghadapi sengsara. Apabila seorang pemuja Gereja Bawah Tanah ditangkap, keluarganya pun dapat susah. Undang-undang Komunis ialah: Sesiapa yang membantu keluarga banduan adalah melakukan sejenis jenayah hebat. Inilah hati jahat Komunis, tujuan mereka ialah menghebatkan kesakitan isteri dan anak-anak syahid itu. Setiap kali seorang Kristian dimasukkan penjara -- biasa maknanya kematian atau keseksaan -- sengsara baru bermula. Keluarganya akan dapat kesakitan yang tidak kehabis-habisan. Saya boleh memberitahu kalian, jikalau Kristian-Kristian Barat tidak memberi bantuan kewangan, kami sekeluarga tidak dapat hidup sampai hari ini.

Tidak lama dahulu Soviet mengangkap Kristian secara besar-besaran lagi. Setiap hari jumlah syahid bertambah. Walaupun si pengorban-pengorban akan dapat balasan abadi, keluarga mereka sedang hidup menderita. Kita boleh menolong mereka. Memang kita juga patut menolong orang India dan orang Afrika yang kelaparan. Tetapi bukankah orang yang layat sekali mendapat bantuan Kristian adalah orang yang menderita untuk Kristus?

Sejak saya keluar dari penjara, Persatuan Perinjilan Kristian Europah telah menghantar banyak bantuan kepada keluarga-

keluarga syahid Kristian. Tetapi ini saja sedikit berbanting dengan keperluan di sana.

Sebagai seorang ahli Gereja Bawah Tanah, saya membawa sesuatu berita kepada kamu sekalian:

Saudara-saudari di belakang langsir besi itu menyuruh saya menyampaikan berita mereka kepada kalian. Saya telah hidup dengan mukjizat, dan dapat menghantarkan pesanan ini.

Saya telah memberitahu kalian akan keperluan dunia Komunis akan Berita Baik. Saya juga telah kata bahawa keluarga Kristian di sana perlu tolong. Saya juga memberitahu kalian bagaimana untuk membantu gereja sulit itu untuk menyebarkan Berita Baik.

Apabila orang Komunis memukul tapak kaki saya, lidah saya menjerit. Kenapa lidah menjerit, sedangkan yang terpukul itu bukan lidah? Ia berjerit sebab lidah itu setubuh dengan kaki itu. Kamu Kristian bebas juga tubuh Kristus. Sebahagian tubuh ini sedang dipukul Komunis.

Kamu tidak dapat rasa kesakitan itukah?

Segala keelokan jemaah kurun pertama, segala korbannya, kini sedang berulang di tanah Komunis.

Apabila Yesus sedang berdoa di kebun Gesimani, Petrus, Yakobus dan Yohanes ada dekat, saja 80 kaki jauhnya. Tetapi mereka tertidur. Berapakah bantuan kamu telah dihantarkan kepada gereja syahid ini? Tanyalah pendeta-pendeta, dan pemimpin-pemimpin jemaahmu, berapakah bantuan yang dikirimkan untuk saudara-saudarimu di belakang langsir besi.

Pemuja langsir besi terkorban seperti jemaah kurun pertama.

Tetapi Gereja Bebas sudah tertidur.

Saudara kita sedang bertempuran bersendirian tanpa penolongan. Anda juga tidurkah?

Kamu boleh dengar pesanan kami: “Ingatlah kami, tolonglah kami.”

“Jangan lepaskan kami!”

Kini saya telah hantarkan pesanan ini kepadamu.

\* \* \*

## **Berapakah jumlah Kristian sedang di dalam penjara Soviet?**

Saya telah kata bahawa ramai Kristian terseksa di dalam penjara Soviet. Ramai pembaca pun membalas dan bertindak. Dalam tiga tahun, 29 negara telah mendirikan satu Persatuan Perinjilan untuk Kristian yang menderita. Berjuta-juta orang Kristian berdoa untuk yang teraniaya itu. Kristian-Kristian dari merata benua memberi bantuan dan menunjuk bantahan.

Musuh telah dinampakkan(didedahkan). Mereka kena memutarakan pandangan sedunia. Mula-mula mereka sengaja tanya: “Siapanya Wurmbrand?”

Saya ingat orang pertama yang membocorkan kepada dunia akan pembunuhan orang Yahudi secara besar-besaran, dan kebakaran, serta keracunan di bilik hawa racun, adalah seorang pegawai tentera Jerman. Dia memberitahu ketua biskop Berlin, Papal Nuncio. Pasukan pegawai itu adalah pasukan SS, yang dibenci semua orang. Tetapi beritanya benar(walaupun tiada orang sudi dengar apa-apa daripada pegawai yang sejahat itu). Jadi

Komunis pun cuba memburukkan nama saya. Tetapi orang Kristian tahu bahawa orang Komunis akan memburukkan sesiapa yang membocorkan kebenaran, supaya kebenaran tidak diterima. Jadi Kristian-Kristian Barat pun tidak peduli akan khabar buruk menentangi saya. Untuk saya, saya rasa seorang Kristian tentu akan diejek dan dihina. Saya pun suka diserang orang. Saya tidak jawab sebarang penghinaan tentang diri saya. Jadi muslihat seteru ini tidak berjaya.

Kini Komunis menggunakan cara kedua: Mereka mengaku bahawa di Soviet memang ada penganiayaan, tetapi tidak seramai seperti yang dikatakan saya. Mereka kata Wurmbrand telah membesarkannya. Betulkah Soviet terdapat beberapa ratus ribu Kristian yang dipenjarakan? Atau saja sekumpulan kecil ahli Baptis yang anti-kerajaan?

Jadi akhbar-akhbar beberapa negara pun mula curiga.

Sebab soalan telah diumumkan, saya kena memberi sedikit jawapan.

Persatuan Keluarga Banduan Baptis Soviet telah menyeletup satu senarai nama yang mengandungi 170 orang banduan Baptis Soviet. Ini bukan senarai yang sempurna. Buktinya ialah di dalamnya tiada nama Prokofiev. Prokofiev adalah pemimpin mashyur yang telah ditahan pihak kuasa. Kita juga ada akhbar Soviet yang mengumumkan ahli-ahli Baptis yang telah dihukum masuk penjara. Nama-nama mereka juga tiada di dalam senarai itu. Jadi senarai itu tidak lengkap. Oleh sebab persatuan ini miskin, dan kawasan Soviet pun besar, dan Kristian-Kristian sedang tertindas, mereka sukar mendapat berita. Mereka tidak seperti kita, yang boleh dapat semua surat khabar besar Soviet dengan mudah. Agen kami ke Soviet kadang-kadang memberitahu pemimpin-

pemimpin Gereja Bawah Tanah akan pertangkapan yang mereka masih tidak tahu.

Akhbar parti *Znamia lunosti*, 15hb Nov 1970 menuduh ahli Baptis di Belev telah membunuh seorang gadis Vera Raznitchuk. Sebelum hal ini, gadis itu sudah bersakit terungung. Pihak kuasa menentukan bahawa gadis itu mati akibat acara baptisma, dan bukan sebab sakit terungung. Jadi beberapa ahli Baptis pun dituduh membunuh. Di senarai banduan Baptis tersebut pun tiada nama “pembunuh-pembunuh” kes itu.

Ada pula, kumpulan Baptis bukan satu-satunya cabangan Kristian Penginjilan. Di Soviet terdapat juga kumpulan Kristian Mennon, Pentecostal, Lutheran, Adventist, dan lain-lain. Ramai daripada mereka juga terkurung. Di akhbar tersebut juga menyebut akan seorang ahli Pentecostal, Gudel, yang tertangkap. Surat khabar itu mengutip ucapan daripada buku *Kami Tidak Akan Lupa* (cetakan tentera Moscow, 1969): “Kristian Pentecostal ada acara untuk menebus dosa, iaitu dengan membunuh seorang anak dirinya. Jadi di pekan Neftegorsk, sedangkan para pemuja bernyanyi, pendeta Krivolapov pun memotongkan terongkong seorang budak yang berusir tiga tahun.”

Akhbar Soviet beberapa kali telah menuduh Kristian menjalankan pembunuhan keagamaan. Setiap orang pun tahu ini palsu. Tetapi orang yang dituduh sentiasa dihukum hebat. Mungkin mereka telah mati hukuman gantung, atau masih sedang menunggu di penjara untuk kematian. Nama Kristian-Kristian itu juga tiada di senarai banduan Baptis tersebut itu.

Kita patut ingat, kumpulan Pentecostal sajalah kumpulan amat kecil di Soviet. Kebanyakan rakyat adalah Ortodoks. Pemuja Ortodoks dan Katolik (dua kumpulan Kristian terbesar di Rusia)

adalah yang kumpulan utama yang dimasukkan penjara sebab iman.

Maklumat yang benar sekali berkenaan jumlah Kristian Soviet adalah daripada banduan-banduan Soviet sendiri. Pada bulan Desember 1970, akhbar parti *Possev* telah mencetakkan sepucuk surat seruan yang diseletup dari penjara Soviet, yang ditandatangani oleh ramai Kristian, termasuk orang mashyur seperti Platonov, Sado dan penulis seperti Ghinzburg. Kini mereka di dalam penjara. Mereka menulis: “*Kem kebuluhan Soviet kini dipenuhi orang semula... Beberapa juta orang dimasukkan tanpa berhenti.*” Perbantahan utama di dalam Soviet adalah Gereja Bawah Tanah, termasuk Ortodoks dan kumpulan-kumpulan Perinjilan. Jika jumlah banduan di Kem Perabdian Soviet ada beberapa juta, di antaranya mesti ada satu juta orang Kristian. Warta Sweden pada bulan Novembor 1970 melaporkan, “*Di Soviet terdapat tiga juta orang banduan; di antaranya Kristian ada sebahagian yang penting.*” Bagaimananya sebahagian penting? Sekurang-kurangnya beberapa ratus ribu?

Di buku baru saya *Jika ini Kristus, kau rela memberinya selimutmu kah?* (Cetakan America World Press) Saya telah menunjukkan keratan daripada surat khabar Soviet, membuktikan di sesebuah bandar terdapat 23 orang ditangkap dalam satu bulan sebab kepercayaan mereka. Setahun ada 12 bulan, di Soviet ada lima ribu bandar, tidak kira pekan kecil. Mengikut kadar ini, setahun telah ada 1,300,000 orang Kristian ditangkap. Saya tahu kita tidak boleh menggunakan sesuatu bandar yang tertentu sebagai dasar purata. Mungkin pegawai-pegawai di bandar itu luar biasanya keras, atau mungkin bulan itu orang yang ditahan jauh lebih banyak. Jadi biar saya ambil 10 % jumlahnya, setiap tahun di

Soviet pun dapat 130,000 orang ditangkap sebab iman. Hukuman biasa ialah lima atau sepuluh tahun, jadi hari ini ada berapa Kristian di penjara Soviet?

Jika seorang hendak tahu berapa orang Yahudi telah dibunuh Hitler pada masa perang, apa dokuman yang boleh dikajinya? Bahkan Yahudi di Barat pun tidak tahu beberapa juta rakan mereka telah dibunuh. Yahudi yang dihantar ke Dachau tidak tahu akan Auschwitz, dan yang di Auschwitz pun tidak tahu adanya pembunuhan di Dachau.

Apa yang saya tahu ialah Hitler benci orang Yahudi, dan hendak bunuh Yahudi. Saya pun tahu Hitler ada kuasa diktator, dan bersifat kejam; lagi, berjuta-juta Yahudi sedang di dalam tangannya. Inilah maklumat yang saya ada. Yang lain bukti saya semua tiada.

Tiada orang akan terlampau dalam menyifatkan kekejaman Komunis. Saya ada seorang rakan sepenjara, Abbot Roman Braga, yang telah melepaskan Romania baru-baru ini. Dia melaporkan bahawa ada empat biskop Oktodok telah ditangkap. Pihak kuasa Romania telah menyembunyikan hal ini sehingga hari ini. Kini barulah kita tahu. Berapakah hal sedemikian yang berlaku di Soviet?

Alkitab melarangkan mengira umat Tuhan; jadi kita lebih lagi tidak boleh mengira johan-johan dan syahid-syahid di antara umat Tuhan. Orang Komunis suka menggunakan besi panas untuk menyiksa bahagian jantina banduan. Apabila mereka dapat kuasa untuk menangkap berjuta-juta orang, mereka tidak akan puas hati dengan tangkap beberapa ratus. Sama seperti Hitler tidak akan berpuas hati dengan menangkap beberapa puluh ribu orang Yahudi.

Tidak berfaedah untuk kita mengira berapanya jumlah banduan Kristian. Lebih baik untuk kita membantu mereka dengan wang, dengan bantahan, dan dengan doa.

## **Buku-Buku Lain yang ditulis Wurmbrand :**

### **\*Jemaah Tuhan di Bawah Tanah**

Inilah kisahnya bagaimana seorang pemuda Yahudi di Romania menjadi seorang Kristian. Dia telah menjadi seorang pendeta Lutheran, yang kemudian dikurungkan Komunis sebab imannya. Buku ini mengatakan bagaimana dia dihinakan, dipukul, diseksa, dan dikurungkan bersendirian hampir tiga tahun. Dia adalah banduan tunggal yang dapat hidup di bilik mati di Penjara Tirgul-Ocna(di Romania). Pengalaman penjara Wurmbrand saja mendalamkan imannya kepada Kristus.

Apabila Wurmbrand di penjara, Bilik Mati di dalam itu sebenarnya telah menjadi gerejanya; jemaahnya adalah segala banduan: termasuk pencuri, pembunuh, orang salih, orang dosa, seteru negara, dan segala yang dikasihi Tuhan.

### **\*Kalau ini Kristus, Anda Sudi memberinya Selimutmu kah?**

Buku ini termasuk: Surat-surat pendek Gereja Bawah Tanah; Adakah Gereja Bawah Tanah betul-betul wujud? Bukti dokuman; Golgotha di Soviet; Hari ini ada berapa banduan Kristian di Soviet?

Kerajaan kepenjaraan; Cina yang berfahaman Komunis; Malam tengah bagi Jemaah Kristian; Adakah Romania sebuah negara Komunis yang bebas? Seksa yang amat sangat; Cahaya tengah malam; Kristian Afrika yang dianiaya; Sifat Gereja Bebas sedunia terhadap fahaman Komunis; Apa yang harus dilakukan kita; Keperluan bahan cetakan; Merebahkan Berita Baik; Menolong Keluarga Syahid-syahid Kristian; Jawapan untuk kecaman yang umum; Kata akhir saya.

*Untuk sebarang pembedulan, atau soalan, sila berhubung: 012-5860663 dengan Whatsapp. Terima kasih.*